

HARI PERTAMA 21 JULAI 2025

**PERSIDANGAN KALI KEDUA
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI KELANTAN KELIMABELAS**

=====

**[25 MUHARAM 1447H / 21HB JULAI 2025]
AHLI-AHLI YANG HADIR**

BIL	NAMA	KAWASAN
1.	YB DATO' SRI AMAR D'RAJA DATO' HJ MOHD AMAR B ABDULLAH <i>S.J.M.K.,D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)</i>	PANCHOR / SPEAKER
2.	YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' HJ MOHD NASSURUDDIN B HJ DAUD <i>S.J.M.K.,D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Pentadbiran Awam, Kewangan, Ekonomi & Tanah)	MERANTI / MENTERI BESAR
3.	YB DATO' DR. HJ MOHAMED FADZLI B DATO' HJ HASSAN <i>D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wilayah, Sumber Asli, Integriti, Pembangunan Insan & Undang-undang)	TEMANGAN / TIMBALAN MENTERI BESAR
4.	YB MEJ. (B) DATO' HJ MD ANIZAM B AB RAHMAN <i>D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan & Keusahawanan)	KEMAHANG
5.	YB DATO' DR. IZANI B HAJI HUSIN <i>D.J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Kerjaraya, Infrastruktur, Air & Pembangunan Luar Bandar)	KIJANG
6.	YB DATO' TUAN HJ SARIPUDIN B TUAN ISMAIL <i>D.J.M.K., J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan & Komoditi)	SELISING

HARI PERTAMA 21 JULAI 2025

7.	YB DATO' HJ WAN ROSLAN B WAN HAMAT <i>D.J.M.K., J.M.K., A.S.K.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital & Inovasi)	PENGKALAN KUBOR
8.	YB TUAN MOHD ASRI B MAT DAUD <i>J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan & Hubungan Seranta)	DEMIT
9.	YB TUAN HILMI B ABDULLAH (Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan & Alam Sekitar)	GUCHIL
10.	YB PUAN HJH ROHANI BT IBRAHIM <i>J.M.K., S.M.K.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga & Wanita)	TANJONG MAS
11.	YB TUAN ZAMAKHSHARI B MUHAMAD <i>J.M.K</i> (Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, NGO & Perpaduan Masyarakat)	APAM PUTRA
12.	YB DATUK KAMARUDIN B MD NOR <i>D.M.S.M.,A.M.N.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian & Warisan)	AYER LANAS
13.	YB DATO' MOHAMED FARID B MOHAMED ZAWAWI <i>D.I.M.P.</i>	KOK LANAS / TIMBALAN SPEAKER
14.	YB DATO' BENTARA KANAN USTAZ DATO' HJ AHMAD B YAKOB <i>S.J.M.K.,D.J.M.K.,S.M.K.,J.P.</i>	PASIR PEKAN
15.	YB DATO' SR HJ AZAMI B MOHD NOR <i>D.J.M.K.,J.M.K.</i>	KADOK
16.	YB DATO' HJ ABDUL FATTAH B MAHMOOD <i>D.J.M.K.,J.M.K.</i>	BUKIT PANAU
17.	YB DATO' HJ ABD. RAHMAN B YUNUS <i>D.J.M.K, J.M.K.</i>	PASIR TUMBOH

HARI PERTAMA 21 JULAI 2025

18.	YB TUAN HJ MOHD FAUZI B ABDULLAH <i>J.M.K</i>	MANEK URAI
19.	YB TUAN HJ MOHD HUZAIMY B CHE HUSSIN <i>J.M.K.,A.K.</i>	PANTAI IRAMA
20.	YB TUAN ROZI B MUHAMAD <i>J.M.K</i>	TENDONG
21.	YB TUAN AZHAR B SALLEH <i>A.S.K.</i>	PULAI CHONDONG
22.	YB TUAN HJ ZURAIDIN B ABDULLAH <i>J.M.K</i>	CHETOK
23.	YB TUAN MOHD RUSLI B ABDULLAH	WAKAF BHARU
24.	YB KU MOHD ZAKI B KU HUSIN <i>S.M.K</i>	DABONG
25.	YB TUAN MOHD RODZI B JAAFAR	GAAL
26.	YB TUAN HJ MOHD ADANAN B HASSAN <i>J.M.K.</i>	KELABORAN
27.	YB TUAN WAN ROHIMI B WAN DAUD <i>A.K.,J.S.M.</i>	MELOR
28.	YB TUAN KAMARUZAMAN B MOHAMAD <i>J.S.M.</i>	GUAL PERIOK
29.	YB TUAN NIK BAHRUM B NIK ABDULLLAH <i>A.S.K.</i>	CHEMPAKA
30.	YB TUAN BAHARI B MOHAMAD NOR	GUAL IPOH
31.	YB PUAN NOR ASILAH B MOHAMED ZIN	LIMBONGAN
32.	YB TUAN ZAMERI B MAT NAWANG	JELAWAT
33.	YB TUAN MOHAMAD NASRIFF B DAUD @ DAUD YATIMEE	PENGKALAN PASIR
34.	YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN <i>A.K.</i>	BUNUT PAYONG

HARI PERTAMA 21 JULAI 2025

35.	YB DATO' SHAARI B MAT HUSSAIN <i>D.P.T.J.</i>	PALOH
36.	YB DATO' ABDUL HADI B AWANG KECHIL <i>D.P.S.K., P.S.K. (Kelantan), J.M.N., K.M.N.</i>	KUALA BALAH
37.	YB TUAN ZUBIR B ABU BAKAR	MENGKEBANG
38.	YB TUAN SAIZOL B ISMAIL	SALOR
39.	YB TUAN HARUN B ISMAIL	TAWANG
40.	YB TUAN AHMAD ZAKHRAN B MAT NOOR	KEMUNING
41.	YB TUAN MOHD ALMIDI B JAAFAR	BUKIT BUNGA
42.	YB TUAN NOR SHAM B SULAIMAN	SEMERAK
43.	YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI B HJ. ABDUL GHANI	NENGGIRI
44.	YB DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM	KOTA LAMA
45.	YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN B HASHIM <i>J.M.K.</i>	GALAS

HARI PERTAMA 21 JULAI 2025

**AHLI MENURUT
PERKARA X111 (3)
UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN TUBUH KERAJAAN
KELANTAN,
BAHAGIAN PERTAMA**

YBM TENGKU KAYA PERKASA
DATO' DR TENGKU MOHAMED FAZIHARUDEAN BIN TENGKU
FEISSAL
[SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN]
S.P.S.K, D.J.M.K. (Kelantan)

YB DATO' IDHAM BIN HAJI ABD GHANI
[PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI KELANTAN]
D.P.S.K. (Kelantan)

YB DATO' ROSNAZLI BIN HAJI AMIN
[PEGAWAI KEWANGAN NEGERI KELANTAN]
S.P.S.K, D.P.S.K.(Kelantan)

**SETIAUSAHA DEWAN NEGERI
KELANTAN**

[MOHD FADZIL AZNAN BIN ABDUL AZIZ]

A.S.K.

HARI PERTAMA 21 JULAI 2025

**PERSIDANGAN KALI KEDUA
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI KELANTAN
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025
PADA 25, 26 DAN 27 MUHARAM 1447H BERSAMAAN
21HB, 22HB DAN 23HB JULAI 2025/
ISNIN, SELASA DAN RABU**

=====

SETIAUSAHA :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Persidangan Kali Kedua Bagi Tempoh Penggal Ketiga, Dewan Negeri Kelantan Kelimabelas.

الفاتحه

I. .. DOA.

[SAMBIL BERDIRI]

Susunan Urusan Persidangan Yang Pertama, Doa.

**II. .. PENGESAHAN PERINGATAN PERSIDANGAN KALI
PERTAMA, BAGI TEMPOH PENGGAL YANG KETIGA DEWAN
UNDANGAN NEGERI KELANTAN KELIMABELAS.**

SETIAUSAHA : Susunan Urusan Persidangan Yang Kedua, Pengesahan Peringatan Persidangan Kali Pertama, Bagi Tempoh Penggal Yang Ketiga Dewan Undangan Negeri Kelantan Kelimabelas.

YB DATO' SPEAKER : Minta cadangan. Gual Periok...

YB TUAN KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD :

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan Peringatan Persidangan Kali Pertama Bagi Tempoh Kali Yang Ketiga Dewan Negeri Kelantan Yang Kelimabelas yang telah diadakan pada hari-hari Isnin, Selasa, Rabu dan Khamis 22, 23, 24, dan 25 Syawal bersamaan dengan 1446 Hijriah bersamaan dengan 21hb, 22hb, 23hb, dan 24hb April 2025 Dewan Negeri Kelantan supaya diterima dan disahkan.

YB DATO' SPEAKER :

Sokongan ? Bunut Payong..

YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN :

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

YB DATO' SPEAKER :

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada di hadapan kita sekarang ialah satu cadangan supaya Peringatan Persidangan Kali Pertama Bagi Tempoh Penggal Ketiga Dewan Negeri Kelantan Yang Kelimabelas yang telah diadakan pada hari Isnin, Selasa, Rabu, dan Khamis, 22, 23, 24, dan 25 Syawal 1446 Hijriah bersamaan 21, 22, 23, dan 24 April 2025 Dewan Negeri Kelantan supaya diterima dan disahkan. Dengan demikian, sekarang saya kemukakan cadangan tersebut bagi diundi.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT YANG BERSETUJU, KATA "SETUJU",
AHLI-AHLI YANG TIDAK BERSETUJU, KATA "TIDAK."**

Dipersetujukan.

Peringatan Persidangan Kali Pertama Bagi Tempoh Penggal Ketiga Dewan Negeri Kelantan Kelimabelas yang telah diadakan pada hari-hari

Isnin, Selasa, Rabu, dan Khamis, 22, 23, 24, dan 25 Syawal 1446 Hijriah bersamaan 21, 22, 23, dan 24 April 2025 Dewan Negeri Kelantan supaya diterima dan disahkan.

III. .. UCAPAN YB DATO' SPEAKER.

SETIAUSAHA :

Susunan Urusan Persidangan Yang Ketiga, Ucapan Yang Berhormat Dato' Speaker.

YB DATO' SPEAKER :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Alhamdulillah Syukur Ke Hadrat Allah SWT, Persidangan Kali Kedua Bagi Tempoh Penggal Ketiga Dewan Negeri Kelantan Kelimabelas dapat diadakan pada hari ini. Terima kasih kepada semua Ahli Dewan yang memberi kerjasama dalam menyediakan soalan-soalan yang dikemukakan sama ada soalan bertulis mahupun soalan lisan. Terima kasih.

IV. .. KERTAS-KERTAS YANG DIBENTANG DI ATAS MEJA.

SETIAUSAHA :

Susunan Urusan Persidangan Yang Keempat, Kertas-Kertas Yang Dibentangkan Di Atas Meja.

Kertas-kertas tersebut ialah Kertas Dewan Bil.13 Tahun 2025 hingga Kertas Dewan Bil.15 Tahun 2025 sebagaimana yang dibentang di atas meja di hadapan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

HARI PERTAMA 21 JULAI 2025

1. Kertas Dewan Bil.13/2025 .. Penyata Kewangan Majlis Daerah Gua Musang Bagi Tahun 2023.
2. Kertas Dewan Bil.14/2025 .. Penyata Kewangan Yayasan Islam Kelantan Bagi Tahun berakhir 31 Disember 2023.
3. Kertas Dewan Bil.15/2025 .. Penyata Kewangan Yayasan Kelantan Darulnaim Bagi Tahun berakhir 31 Disember 2023.

V. .. SOALAN-SOALAN YANG DIBERITAHU.

SETIAUSAHA : Susunan Urusan Persidangan Yang Kelima, Soalan-Soalan Yang Diberitahu.

Soalan-soalan yang dikemukakan untuk mendapat **Jawapan Bertulis**.
Soalan-soalan oleh:

YB TUAN HJ MOHD ADANAN BIN HASSAN
YB TUAN HJ NIK BAHRUM BIN NIK ABDULLAH
YB PUAN DR HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM
YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN
YB TUAN HJ ZUR Aidin Bin Abdullah
YB TUAN KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD
YB DATO' HJ ABDUL RAHMAN BIN YUNUS
YB TUAN HJ MOHD HUZAImY BIN CHE HUSIN
YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR
YB TUAN HJ AZHAR BIN SALLEH
YB DATO' ABDUL HADI BIN AWANG KECHIL
YB TUAN HJ MOHD FAUZI BIN ABDULLAH
YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HJ ABDUL GHANI
YB TUAN MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM

Jawapan-jawapan bagi soalan-soalan tersebut adalah sebagaimana yang dibentang di atas meja di hadapan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian.

Soalan-soalan yang dikemukakan untuk mendapat **Jawapan Mulut**.

YB DATO' SPEAKER :

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Bunut Payong.

YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN :

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pohon jawapan bagi soalan saya nombor 1.

Soalan 1 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, berapakah keluasan Tanah Rizab Melayu yang masih ada di Kelantan dan apakah perancangan untuk membangunkan Tanah Rizab tersebut.]

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Bunut Payong yang mengemukakan soalan.

قال الله تعالى

هُوَ أَنْشَأَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ وَاسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا فَاسْتَغْفِرُوهُ ثُمَّ تَوْبُوا إِلَيْهِ ۚ

إِنَّ رَبِّي قَرِيبٌ مُجِيبٌ

Maksudnya : Dia lah Allah yang mencipta kamu daripada tanah dan ia memerintah supaya kau membangunkan tanah yakni bumi ini. Kemudian hendak lah kamu sentiasa memohon keampunan kepada-Nya dan kembali bertaubat kepada-Nya, sesungguhnya Tuhanku amat dekat rahmat-Nya dan amat memperkenankan segala doa-doa permohonan hamba-hamba-Nya.

Seluruh Negeri Kelantan telah diisytiharkan sebagai tanah rizab Melayu sebagaimana Warta Kerajaan No. 2044/2020 melainkan sebahagian kecil sahaja yang dikekalkan sebagai luar rizab Melayu. Keluasan tanah rizab Melayu adalah 1,361,114 hektar. Sehubungan dengan itu, semua perancangan pembangunan hampir keseluruhannya melibatkan tanah rizab Melayu memandangkan peratusan rizab Melayu dianggarkan 91.1 % daripada keseluruhan keluasan Negeri Kelantan.

Antara pendekatan strategik yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk pembangunan tersebut yakni bangunan tanah rizab tersebut ialah:

- i. Yang pertama, melaksanakan polisi terbuka untuk pembangunan impak tinggi bagi mana-mana pelabur.
- ii. Yang kedua, polisi pengekalan tanah rizab Melayu dimana sebarang pembangunan tidak menjejaskan atau mengurangkan keluasan tanah rizab Melayu.
- iii. Dan ketiga, pembangunan atas tanah rizab Melayu boleh dilaksanakan setelah mendapat kelulusan projek daripada Pihak Berkuasa Negeri.

Sekian.

YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih di atas jawapan daripada pihak Kerajaan. Soalan tambahan saya apakah pendekatan strategik Kerajaan Negeri dalam membangunkan tanah rizab Melayu sebagai projek berimpak tinggi.

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

Telah pun dijawab sekejap tadi.

YB DATO' SPEAKER :

Sila... Mengkebang.

YB TUAN ZUBIR BIN ABU BAKAR :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Soalan tambahan saya sejauh mana perbandingan keluasan tanah rizab Melayu Kelantan berbanding dengan tanah rizab Melayu di negeri-negeri semenanjung lain. Terima kasih.

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

Terima kasih. Berdasarkan penelitian saya berkaitan perbandingan keluasan tanah rizab Melayu bagi seluruh negeri di semenanjung Malaysia adalah menunjukkan bahawa Negeri Kelantan merupakan negeri yang tertinggi dengan keluasan yang saya sebutkan sebentar tadi iaitu 1,361,114 hektar. Angka ini jauh meninggalkan negeri lain seperti Perak, Johor serta Pahang. Kalau kita lihat tanah rizab Melayu di Perak 955 587.80 hektar. Manakala Negeri Perak bukan Negeri Perak, Negeri Kedah 829 782.06 hektar, Negeri Johor tanah rizab Melayu 561 787.83 hektar, Negeri Pahang 444 074.90 hektar. Negeri lain tu lebih-lebih sikit lah, maknanya Alhamdulillah kita Kelantan yang paling tinggi tanah rizab Melayu. Negeri lain tu rendah lah saya tak payah sebut lah. Sekian.

YB DATO' SPEAKER :

Galas, soalan.

YB TUAN MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya ucap tahniah lah kepada Yang Amat Berhormat MB kerana Kelantan rekod miliki tanah rizab Melayu tertinggi dalam negara kita. Kita di Kelantan Yang Berhormat ada memberikan konsesi ladang hutan, lombong, kuari, ladang sawit dan ladang musang king dan ia dibuat melalui kaedah

pajakan atau hak penggunaan eksklusif kepada pengusaha-pengusaha yang terlibat yang kebanyakannya bukan Melayu bumiputera anak Kelantan. Pajakan pula ada 30 tahun, ada 60 tahun.

Soalan saya adakah tanah-tanah ini termasuk juga dalam pengiraan keluasan tanah rizab Melayu Kelantan. Saya ambik contoh pajakan melalui *land exclusive usage title* Tanah Ladang Rakyat kepada syarikat milik Tan Kit Yong selama 60 tahun seluas 174 hektar dan 63.5 hektar. Adakah ini juga termasuk dalam kiraan keluasan tanah rizab Melayu serta adakah terdapat tanah rizab Melayu yang telah ditukar statusnya kepada bukan pemilikan Melayu atas alasan pembangunan di Negeri Kelantan. Terima kasih.

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

Terima kasih kepada Yang Berhormat Galas. Kita apa nama ni memang termasuk ladang-ladang yang dibangunkan status tanah rizab Melayu kita bagi tempoh pajakan penggunaan sahaja tapi status tetap tanah rizab Melayu. Kita tak ubah lah, masih tanah rizab Melayu. Maknanya selepas daripada pajakan itu habis, dia jadi hak kerajaan dan masih tanah rizab Melayu. Kita bagi 30 tahun, habis 30 tahun itu hak kita. Sama ada Kerajaan nak sambung atau tidak itu terpulang kepada Kerajaan semasa lah. Kita bagi 60 tahun makna masih statusnya tanah rizab Melayu, kemudian bila habis tempoh itu kalau kita tidak sambung maknanya itu menjadi hak Kerajaan. Sambung atau tidak itu terpulang kepada Kerajaan pada waktu itu. Sekian.

YB DATO' SPEAKER :

Pasir Tumboh.

YB DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN YUNUS :

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Tahniah kepada Kerajaan Negeri yang telah berjaya mempertahankan tanah rizab Melayu yang paling luas dalam Malaysia. Kalau mengikut kenyataan yang telah diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Soalan saya nya ialah mengenai kaitan isu ini bagaimana pula kah dasar Kerajaan Negeri yang melibatkan masyarakat Orang Asli, kedudukan masyarakat Orang Asli mengenai hal tanah ini.

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

Kerajaan Negeri sentiasa cakna terhadap pemberi milikan tanah pada rakyat termasuk juga kepada Orang Asli lah. Tentang masyarakat Orang Asli sebagaimana pendirian yang ditegaskan oleh pihak Kerajaan sebelum daripada ini, Kerajaan Negeri sentiasa prihatin terhadap kebajikan masyarakat Orang Asli termasuk mengambil langkahewartakan penempatan dan kawasan rayau bagi Orang-orang Asli. Pewartaan dibuat menerusi peruntukan perizaban dibawah Kanun Tanah Negara 1965 yang membenarkan Orang Asli menjalankan aktiviti harian tanpa sebarang gangguan. Ini adalah sebagaimana yang termaktub dalam Kanun Tanah Negara 1965, Akta Orang Asli 1954 serta enakmen-enakmen Negeri Kelantan yang berkaitan. Sekian.

YB DATO' SPEAKER :

Kota Lama.

YB PUAN DR. HAFIDZAH BINTI HAJI MUSTAKIM :

Terima kasih kepada Dato' Speaker. Tahniah juga kepada Kerajaan Negeri Kelantan kerana memiliki pemilikan tanah rizab Melayu antara tertinggi. Cuma daripada jawapan tadi bukannya ia agak mengelirukan bahawa kita ni ada yang terbesar tetapi hakikatnya ia dimajukan atau dipajakan oleh

orang lain. Jadi saya nak minta jawapan sama ada apakah strategi Kerajaan Negeri dalam memastikan apabila kita pajakkan kepada bangsa lain ia sebenarnya memberikan kepentingan atau menjaga kepentingan sosio-ekonomi rakyat kita. Dan saya juga nak bertanya sama ada Kerajaan Negeri ada tak senarai tanah-tanah kita yang sebenarnya diberi atau dibeli oleh orang lain menggunakan proxy nama orang Melayu di negeri kita. Terima kasih.

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

Terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Lama. Sebenarnya saya nak perbetulkan kita tidak jual tanah kepada bangsa lain, apa yang ada dipajak. Jadi kita nak membangunkan negeri ini memang kita buka kepada pelabur sama ada bumiputera ataupun tidak bumiputera. Ini dasar seluruh negara, jadi jangan lah nak membebankan dah lah tanah rizab Melayu kita paling luas, nak buat syarat kita di Kelantan ini tidak bumiputera tidak boleh melabur tidak boleh. Ini dasar seluruh negara, jadi kita... kita bagi pajakan, setelah habis tempoh pajakan tanah itu menjadi milik kita semula dan kita tidak tukar status. Maknanya statusnya tetap tanah rizab Melayu, jadi soal jual tak berbangkit, kita tak jual. Pajak... pajak dengan jual ni dua istilah yang jauh berlainan sebagaimana sebelah sana dengan sebelah sini jauh. Sekian.

YB DATO' SPEAKER :

Okay sila Jelawat.

YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :

Terima kasih Dato' Speaker. Berdasarkan kepada statistik tentang keluasan tanah rizab Melayu yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi setuju dengan saya, saya katakan bahawa sesungguhnya Kelantan adalah negeri yang terbaik yang menjaga kepentingan orang Melayu di Malaysia ini berbanding dengan negeri-negeri lain. Setuju ataupun tidak dengan saya ?

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

Saya rasa soalan itu patut orang lain jawab lah. Jadi kalau saya jawab takut ore kato masuk alik bakul angkat sendiri... tok molek pulok.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Kelaboran.

YB TUAN HAJI MOHD ADANAN BIN HASSAN :

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan kepada soalan saya nombor 2.

Soalan 2 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah perancangan yang akan dibuat oleh pihak kerajaan untuk memastikan pembangunan di sekitar projek keretapi laju ECRL dari segi indastri perkilangan dan pembuatan yang bakal melonjakkan ekonomi negeri Kelantan.]

YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Kelaboran. Sebelum daripada itu mungkin saya rasa pihak teknikal mungkin boleh betulkan sikit mikrofon sebab suasana agak kurang jelas, mungkin dari sudut balance dia boleh betulkan sikit sebab kadang-kadang soalan yang

ditanya kita tak berapa jelas. Biasanya tidak begini, mungkin dari sudut teknikal sahaja tidak rosak.

Okay Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri telah merangka perancangan strategik bagi memastikan pembangunan di sekitar jajaran projek ECRL dapat dimanfaatkan sepenuhnya, khususnya dalam sektor industri perkilangan dan pembuatan yang berpotensi melonjakkan ekonomi Negeri Kelantan.

Antara perancangan utama yang sedang dilaksanakan ialah :

1. Yang pertama, pembangunan berasaskan Cargo Oriented Development (COD) di Stesen Pasir Puteh yang mana kedudukan yang strategik berhampiran Pelabuhan Tok Bali dilihat mampu menarik bukan sahaja pelaburan swasta dalam dan luar negara malah ianya juga akan menjana rangkaian ekonomi hiliran seperti perkhidmatan pengangkutan, pembungkusan serta pembekalan bahan-bahan mentah. Antara pembangunan infrastruktur yang akan dibuat adalah seperti gudang, pusat pengedaran dan perkilangan yang pasti akan menarik pelabur swasta serta menjana pekerjaan bagi penduduk setempat.
2. Yang kedua adalah pembangunan berasaskan Transit Oriented Development (TOD) di Stesen Tunjong. Pendekatan pembangunan yang mengintegrasikan sistem pengangkutan awam dengan kawasan pembangunan bercampur seperti kawasan kediaman moden, kawasan komersil dan juga kawasan perniagaan, institusi pendidikan dan latihan serta kemudahan-kemudahan seperti hospital, taman serta pusat komuniti dan sebagainya. Pembangunan ini dilihat boleh menghidupkan Tunjong sebagai satu perbandaran baharu yang mewujudkan eko sistem ekonomi yang seimbang antara mobiliti rakyat, peluang pekerjaan dan juga kualiti hidup.

Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila.

YB TUAN HAJI MOHD ADANAN BIN HASSAN :

Terima kasih di atas jawapan yang diberikan bagi memastikan kawasan sempadan dapat tempias pembangunan diharapkan ECRL dapat disambungkan dengan cepat. Soalan tambahan saya, adakah Kerajaan Negeri bercadang mengemukakan semula cadangan agar jajaran asal ECRL berakhir di Tumpat dan apakah langkah yang diambil bagi memastikan ia tersenarai dalam projek perancangan Malaysia yang akan datang.

YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN :

Terima kasih kepada Kelaboran. Mohon maaf kerana Kerajaan telah menukar daripada Tumpat ke Rantau Panjang bukan lagi kepada jajaran asal Tumpat. Ianya adalah bagi memastikan cadangan ini selari dengan... selari dan *significant* dengan cadangan yang telah dipersetujui antara Kerajaan-kerajaan Malaysia dan juga Kerajaan Thailand iaitu untuk kita menghidupkan semula laluan kereta api sedia ada antara Pasir Mas di Kelantan dan Sungai Golok dibawah Keretapi Tanah Melayu Berhad yang akan menyambung semula rangkaian kereta api antara kedua-dua negara hingga ke ibu negara Thailand iaitu lah Bangkok sepertimana yang diumumkan oleh Menteri Pengangkutan Malaysia baru-baru ini. Walau bagaimanapun ia masih diperingkat kajian. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila... Nenggiri.

YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HAJI ABDUL GHANI :

Terima kasih Dato' Speaker. Berkaitan dengan kereta api laju ECRL ini, baru-baru ini telah diumumkan bahawa pembinaan KB Sentral yang akan

dimulakan pada Julai 2025 iaitu pada bulan ini, tahniah saya ucapkan kepada pihak Kerajaan Negeri Kelantan. Soalan saya adakah kerja-kerja tanah oleh CHEC anak syarikat CCCC ini telah pun bermula, jika sudah bermula berapa lamakah kita perlu menunggu untuk kerja-kerja pembinaan struktur utama KB Sentral ini bermula kerana jika kita lihat...

**YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN:
(MENCELAH)**

YB... YB Nenggiri, sebab itu saya katakan tolong perbetulkan kita tak berapa jelas. Boleh ulangkan sekali lagi.

YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HAJI ABDUL GHANI :

Saya ingin bertanya... soalan saya adakah kerja tanah oleh CHEC anak syarikat CCCC ini telah pun bermula, jika sudah bermula berapa lamakah kita perlu menunggu untuk kerja-kerja pembinaan struktur utama KB Sentral ini bermula ? Terima kasih.

YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN :

Okay YB, terima kasih kepada YB Nenggiri merujuk kepada KB Sentral. Okay terima kasih. Kerja-kerja tanah sedang dilakukan dan telah bermula sebenarnya dan sedang dilakukan. Dia kita dapati bahawa kerja-kerja tanah ini mengambil masa yang agak lama. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Okay sila Wakaf Bharu.

YB TUAN MOHD RUSLI BIN ABDULLAH :

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, jadi ECRL akan beroperasi pada 2027 dimana ia akan memberi kesan kepada ekonomi dan peluang pekerjaan kepada terutamanya kepada anak-anak Kelantan. Jadi apakah... soalan

saya apakah langkah Kerajaan Negeri untuk memastikan terutamanya yang melibatkan dua stesen utama ni akan memberi peluang yang terbaik kepada usahawan anak tempatan. Sekian terima kasih.

YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN :

Okay terima kasih kepada soalan daripada Wakaf Bharu tadi. Sebenarnya ada 3 soalan pada hari ini berkenaan dengan ECRL dan soalan itu lebih kurang sama dan saya ingin mengambil peluang untuk menjawab soalan itu sebab soalan itu nanti sama dengan soalan nombor 12 dan soalan nombor 31 pada hari ini Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Pasir Tumboh.

YB DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN YUNUS :

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebelum saya mengajukan soalan nombor 3, oleh kerana *sound system* sekarang ini tak jelas. Sebelah sana cakap sini tak dengar, jadi tak tahu...

YB DATO' SPEAKER : (MENCELAH)

Buke tok dengar... tok butir.

YB DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN YUNUS :

Tok butir....

YB DATO' SPEAKER : (MENCELAH)

Dengar...

YB DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN YUNUS :

Dengar dengar tapi tok berapa jelas. Tok jelas lah kironyo. Mohon jawapan soalan saya nombor 3.

Soalan 3 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan projek-projek pelaburan benar-benar memberi manfaat kepada rakyat seperti peluang pekerjaan dan pembangunan ekonomi setempat ?]

YB MEJAR (B) DATO' HAJI MD ANIZAM BIN ABDUL RAHMAN :

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Pasir Tumboh. Kalu tok dengar kena angkat tangan. Dengar ke dok ? Dengar soro ? Okay. Bagi memastikan setiap projek pelaburan yang dibawa masuk benar-benar memberi manfaat kepada rakyat, Kerajaan Negeri telah menetapkan beberapa syarat dan garis panduan pelaksanaan. Antaranya melalui Pekeliling Pembangunan Bilangan 4 Tahun 2019, insentif kepada pelabur yang melabur di Negeri Kelantan. Pelabur yang ingin mendapatkan insentif diwajibkan mematuhi penilaian yang berasaskan dengan izin Managerial, Technical dan Supervisory Indeks (MTS Index). Menerusi pendekatan ini, peluang pekerjaan yang ditawarkan mestilah diutamakan kepada rakyat Kelantan atau rakyat tempatan dengan kadar pengambilan melebihi 60 peratus melibatkan semua peringkat termasuk pengurusan dan sokongan.

Selain itu, setiap permohonan pelaburan juga perlu disertakan dengan pembentangan terperinci mengenai peluang pekerjaan yang akan diwujudkan untuk penduduk tempatan. Kerajaan Negeri turut sentiasa menggesa dan menggalakkan para pelabur untuk mengutamakan tenaga kerja tempatan dalam penawaran pekerjaan. Sebagai contoh, di

Pengkalan Chepa Ain Medicare, bilangan pekerja 1400 orang, 100% tempatan, di Pengkalan Chepa juga Sepatu Timur 50 orang pekerja, 100% tempatan, Romuk Elektronik 2300 pekerja, 98% tempatan. Di Tanah Merah, Kong Joo 71 pekerja, 83% tempatan. Di Kuala Krai, Batai Wood atau *ply wood* 245 bilangan pekerja, 90% tempatan. Di Bachok, Erawan LMW Industries Sdn Bhd 350 orang pekerja, 80% tempatan dan di lain-lain lagi. Itu sebagai contoh. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Soalan.. sila Pasir Tumboh.

YB DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN YUNUS :

Terima kasih kepada Kerajaan yang telah menjawab soalan nombor 3 tadi. Soalan tambahan sejauh manakah peranan GLC negeri dalam menarik pelaburan berimpak tinggi ke Negeri Kelantan.

YB MEJAR (B) DATO' HAJI MD ANIZAM BIN ABDUL RAHMAN :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih soalan tambahan. Kerajaan sentiasa memberi penekanan dan kita menganjurkan misi perdagangan pelaburan ke luar negara melalui Yang Berhormat Menteri MITI yang bertujuan untuk menyebarkan dan memberi makluman kepada pakar-pakar pelabur tentang peluang pelaburan Kelantan yang berimpak tinggi. Dan kita juga akan menyertai beberapa misi pelaburan di Osaka, Jepun masa terdekat ini dan di lain-lain tempat. Itu kita berharap ianya memberi peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila Salor... Salor.

YB TUAN SAIZOL BIN ISMAIL :

بسم الله الرحمن الرحيم

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih juga kepada YB Exco atas penerangan berhubung pelaburan di Kelantan ini. Cuma kita sedia maklum bahawa peranan untuk pelaburan ekonomi negeri bukan di atas bahu Kerajaan Negeri semata. Dan sebagaimana disebut oleh YB Exco tadi, insentif yang ditawarkan oleh pihak Kerajaan sendiri. Cuma soalan saya selain daripada insentif yang terlibat dalam kita menarik pelabur luar, apakah peranan lain yang dimainkan oleh pihak Persekutuan dalam menyokong ataupun menarik pelabur-pelabur daripada luar ini sendiri. Terima kasih.

YB MEJAR (B) DATO' HAJI MD ANIZAM BIN ABDUL RAHMAN :

Terima kasih kepada Yang Berhormat Salor. Aktiviti penggalakan pelaburan ini diteruskan dengan mengadakan pelbagai program bersama pejabat-pejabat kedutaan, Kerajaan Negeri, persatuan-persatuan industri begitu melibatkan MIDA dan juga merangka dasar pembangunan industri dan aktiviti strategik berimpak tinggi ini dibawah Rancangan Malaysia Ke-12, Rancangan Malaysia Ke-13 nanti. Sasaran kita ialah untuk memenuhi *New Industry Master Plan 2030* serta projek-projek melengkapkan ekosistem industri tempatan.

Kita tahu negeri ini kita ialah *agro based* tempat menyediakan makanan kepada negara juga tetapi industri itu kita tidak abaikan. Dan kita sentiasa dengan MIDA sebagai agensi utama negara bekerjasama dan kita juga membuat Expo Pelaburan di kawasan MIDA di Kuala Lumpur supaya ianya memberi peluang kepada pelabur-pelabur daripada negara-negara lain untuk melabur di Negeri Kelantan.

YB DATO' SPEAKER :

Sila... Mano tu ? Gual Ipoh.

YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Soalan saya adalah berkaitan dengan satu halal hub yang berada di Pasir Mas sebenarnya dibawah ECER tetapi banyak ruang-ruang kosong yang masih berbaki. Jadi apakah kita di pihak Kerajaan boleh mempelawa pelabur-pelabur khususnya dalam industri makanan kering daripada Thailand untuk menyertai di premis halal hub di Pasir Mas. Terima kasih.

YB MEJAR (B) DATO' HAJI MD ANIZAM BIN ABDUL RAHMAN :

Terima kasih kepada YB daripada Gual Ipoh. Memang menjadi tujuan kita dan menjadi pelaburan di kawasan halal hub ini, pertama kali kita telah menyertai expo di Bangkok tempoh hari untuk menyatakan daripada 10 kilometer jaraknya antara halal hub ke kawasan Sungai Golok ataupun Rantau Panjang dan juga ada minat daripada pelabur-pelabur daripada Bangkok. Cuma untuk menunggu ECRL ini siap 2027 dan sekarangny tahap sudah melebihi 30%. Yang terbaru Perodua sedang berada di halal hub dan hampir siap. Dan itu yang terbaru, bermakna sudah bergerak lah sedikit demi sedikit. In Shaa Allah pada masa akan datang halal hub ini semasa kita akan membuat lawatan ke Osaka dalam bulan ini In Shaa Allah kita akan mempelawa pelabur-pelabur daripada Jepun khususnya ataupun daripada Thailand untuk melabur dalam sektor halal di Rantau Panjang. Halal hub kita ada 100 ekar. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Tendong.

YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon jawapan untuk soalan nombor 4.

Soalan 4 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah status terkini pelaksanaan projek-projek infrastruktur bekalan air mentah di kawasan -kawasan pedalaman negeri Kelantan ?]

YB DATO' DR HAJI IZANI BIN HUSIN :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Sri Amar D'Raja Speaker, terima kasih Yang Berhormat Rozi. Soro tok berapa pagi ni. Untuk makluman YB, kawasan pedalaman Negeri Kelantan yang terlibat dalam pelaksanaan bekalan air ini ialah dibawah Bekalan Air Luar Bandar dan dibawah Bajet KKDW ataupun Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah. Jadi jajahan yang terlibat adalah dua jajahan, pertama Jajahan Kuala Krai dan yang kedua adalah Jajahan Gua Musang.

Di Jajahan Kuala Krai terdapat satu projek yang mana menaik taraf LRA Manek Urai serta sistem agihan Kuala Krai daripada 6.7 juta liter per hari kepada 20 juta liter per hari. Projek ini di peringkat penyediaan *terms of reference* dengan izin melantik perunding dalam proses pemilikan tanah dan projek ini In Shaa Allah akan dimulakan pada tahun 2028 dijangka siap pada 2030. Dan projek ini dibawah peruntukan Kementerian KKDW.

Yang kedua di Gua Musang ialah menaik taraf loji air di Limau Kasturi daripada 4 juta liter per hari kepada 10 juta liter per hari. Buat masa ini di Limau Kasturi itu air mencukupi tetapi berlaku banyak kali *trip electric* menyebabkan tak dapat air kadang-kadang sapa 2-3 hari gitu. Dan *trip* ini berlaku oleh haiwan rayau terutama sekali kera... dok nopak atas wayar elektrik tu. Dan hok ni jugok dibawah apa tu Bajet KKDW dan dijangka

kita mula bui pada 2027 dan dijangka siap pada 2029, juga pada peringkat TOR penyediaan melantik perunding dan juga pemilikan tanah.

Yang ketiga di Gua Musang juga menaik taraf LRA Paloh daripada 6 juta liter kepada 10 juta liter, juga dalam peringkat yang sama. Di Gua Musang juga menaik taraf Panggung Lalat kepada berkapasiti 2 juta liter bermula tahun 2026 dan dijangka siap pada 2028. Pembinaan LRA Setelu, Gua Musang berkapasiti 7 juta liter akan In Shaa Allah dimulakan pada 2027 dan dijangka siap pada 2029.

Yang akhir sekali Gua Musang ialah di Loji Bukit Chupak 10 juta liter dan In Shaa Allah susulan kita lawat baru ni pihak kontraktor telah melalui beberapa EOT dan In Shaa Allah janji dianya pada akhir tahun ini Disember ataupun Januari 2026 loji ini dapat diguna pakai In Shaa Allah. Dan selsesainya Loji Bukit Chupak dijangka air di bandar ataupun khusus di kawasan Gua Musang dapat diselesaikan, bandar baru dan juga bandar lama.

YB DATO' SPEAKER :

Sila Galas.

YB TUAN MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih kepada Yang Berhormat Exco mari melawat Bukit Chupak baru-baru ni walaupun Galas tidak diajak bersama tapi ambo ucap terima kasih lah tidak sebagaimana Yang Berhormat Menteri Besar lah, Menteri Besar mari ke kawasan Galas dio oyak ko Galas.

Menurut laporan daripada Water and Sewerage Handbook 2024 keluaran SPAN liputan kepada Akses Perkhidmatan Bekalan Air Luar Bandar adalah 81.9% pada 2024 dan ia merupakan penurunan berbanding tahun 2023, 83.1%. Soalan saya...

YB DATO' DR HAJI IZANI BIN HUSIN :

Mitok ule.. mitok ule. Ambo tok dengar...

YB TUAN MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Tok dengar dih..

Menurut laporan daripada Water Sewerage Handbook 2024 keluaran SPAN liputan kepada Akses Perkhidmatan Bekalan Air Luar Bandar telah menurun 2024 ni 81.9% sedangkan pada 2023, 83.1%. Soalan saya apakah punca penurunan ini dan apakah Kerajaan Negeri mengenakan sebarang fee untuk penyambungan paip baru ke rumah dibawah Enakmen Hak Akses dan Penggunaan Tanah Kelantan, jika ya dalam rangka untuk mempercepatkan capaian kepada bekalan air luar bandar dan memudahkan urusan rakyat Kelantan saya mencadangkkn kepada Dewan Yang Mulia ini agar Kerajaan Negeri mengecualikan sebarang bayaran fee untuk sambungan domestik. Terima kasih.

YB DATO' DR HAJI IZANI BIN HUSIN :

Terima kasih Galas. Maaf lah Galas wei tok ajok. Maroh ko ?

YB TUAN MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Dok...

YB DATO' DR HAJI IZANI BIN HUSIN :

Dok maroh takpo...

Hok lepas hok kure tu daripada pencapaian okay ado sebab-sebab tertentu lah masalah cuaca, masalah mace-mace masalah lah terutama sekali masalahnya kapasitinya tak cukup. Jadi oleh kerana kita telah mengenal kapasiti tak cukup kita buat Loji Bukit Chupak sekian lama dan In Shaa Allah selepas pada Loji Bukit Chupak ini selesai kita rasa

pegangan itu akan jadi cukup lah. Kita telah diberi apa itu penerangan oleh pihak SPAN bahawa dengan selesainya Bukit Chupak ini selesai bahagian industri, bahagian bandar lama dan bandar baru di Gua Musang. Dan juga alihan hok Limau Kasturi gapo semo tu kita jangka bagi 2028-2030 tu air di Gua Musang akan selesai. Hak akses tu kita mikir semula, kita bice dulu tokleh jawab sini dok pasal itu menyentuh kepentingan-kepentingan negeri. Kito keno ingat bahawa bilo kito korek, kito keno tampung, tampung keno ado kos deh. Kesemua pelan tu ado kos yang terlibat dengan Kerajaan satu. Oleh yang demikian, enakmen itu kita terima bersama sini doh maka pelaksanaan enakmen itu, jadi kita tengok *pro and contra* kita bice dulu dan saya tidak jawab sini untuk soalan sedemikian. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila Tendong.

YB TUAN ROZI BION MUHAMAD :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Exco atas jawapan soalan saya yang nombor 4 tadi. Sebagaimana soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagaimana yang kita tahu bahawa di kawasan-kawasan pedalaman terutamanya ia melibatkan soal pematuhan terhadap standard bekalan air terawat, jadi bagaimana Kerajaan Negeri untuk memastikan kepatuhan terhadap standard air terawat di kawasan pedalaman ini yang sering terkesan dengan isu parameter seperti e-coli, baki klorin dan alumunium yang tidak mencapai piawaian QAP (Quality Assovancy Programme) khususnya di LRA yang terletak jauh dari pusat agihan utama. Terima kasih.

YB DATO' DR HAJI IZANI BIN HUSIN :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih YB Tendong. Okay, Kerajaan Negeri melalui Air Kelantan (AKSB) dan dengan pemantauan agensi berkaitan seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Air

Negera (SPAN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaksanakan beberapa langkah kawalan dan pemantauan bagi memastikan standard kualiti air terkawal sentiasa dipatuhi termasuk di kawasan pedalaman. Antara langkah-langkah tersebut adalah :

- i. Semua air terawat perlu mematuhi standard air minum kementerian yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
- ii. Yang kedua, semua air parameter kritikal seperti kekeruhan terutama EDT, baki klorin, bakteria e-coli, PH, logam berat dan lain-lain diuji secara berkala.
- iii. Sistem pemantauan dan ujian kualiti secara berkala AKSB melaksanakan ujian berkala di LRA dan kawasan agihan termasuk di loji-loji mini di kawasan pedalaman seperti Gua Musang dan Kuala Krai. Ujian dilakukan secara harian, mingguan dan bulanan oleh Jabatan Kawalan Kualiti AKSB.

Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Chetok.

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

YB TUAN ZURAIN BIN ABDULLAH :

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan soalan saya nombor 5.

Soalan 5 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, adakah Kerajaan Negeri menetapkan KPI kepada semua Syarikat Pertanian milik

Kerajaan (GLC) bagi menyumbang kepada Sekuriti Makanan Negeri Kelantan dan apakah pencapaian setakat ini?]

YB DATO' HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

بسم الله الرحمن الرحيم

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih Chetok. Ya Kerajaan Negeri menetapkan KPI ataupun petunjuk prestasi utama kepada semua syarikat pertanian milik Kerajaan bagi menyumbang kepada Sekuriti Makanan Negeri iaitu melalui beberapa saluran berikut :

- a) Pertama, sasaran dan KPI tahunan syarikat.
- b) Yang kedua, hala tuju portfolio Kerajaan MMK 2024-2028.
- c) Yang ketiga, Dasar Pertanian Negeri Kelantan 2021-2025.
- d) Yang keempat, pelaksanaan projek-projek *flagship* portfolio.

Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan.

Antara pencapaian setakat ini adalah seperti berikut :

1. Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan ataupun PKPNK telah dan sedang menjalankan operasi tanaman sayuran hidroponik sebanyak 60,000 buah pot dan tanaman cili secara fertigasi. Tanaman-tanaman ini telah memberi hasil yang maksimum pada setakat ini serta telah menyumbang kepada bekalan sayur-sayuran tempatan. Sebagai contoh setakat ini PKPNK dapat membekalkan sebanyak 1 tan sayuran berdaun setiap minggu serta 2 tan cili bagi setiap pusingan dan turut dijual pada pasaran tempatan Negeri Kelantan.
2. Pihak perbadanan turut berusaha menambah jumlah tanaman untuk memaksimumkan lagi jumlah hasil pengeluaran sayur-

sayuran, juga membuat projek-projek kerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) yang telah meluluskan beberapa peruntukan bagi tanaman cili fertigasi, melon, tanaman bawang yang dijalankan di Agrovalley Rong Chenok, Pasir Mas bagi tahun 2024-2025. Di samping meneruskan projek pembangunan pembenihan ikan air tawar juga di Rong Chenok, juga meneruskan projek ternakan lembu hibrid di Rong Chenok dengan pilihannya ialah Charolais.

Kelantan Bio-tech Corp Sdn Bhd (KBCSB)

KBCSB, sebagai sebuah GLC pertanian di bawah PMBK mempunyai KPI dalam Halatuju AMMK 2024-2028 yang menyumbang kepada sekuriti makanan negeri. Antara pencapaian KBC ini ialah :

1. Membangunkan tanah rizab haiwan dan tanah terbiar dalam negeri yang diperuntukkan daripada 150 ekar telah dibangunkan seluas 90% iaitu 135 ekar di Gong Datok.
2. Juga membangunkan Kelantan BioART Centre sebagai pengeluar semen beku ternakan yang telah beroperasi, telah Berjaya menghasilkan trial produk semen beku atau straw semen, benih juga pilihannya lembu Charolais.
3. Yang ketiga, penghasilan makanan ruminan iaitu pembangunan projek rumput minyak seluas 50 ekar di Jeram Pasu, Pasir Puteh.
4. Membangun Pusat Nurseri Semaian yang telah beroperasi dan menampung sehingga 30,000 benih pada satu-satu masa terutamanya benih pisang kultur tisu, benih sayuran dan pokok buah-buahan.

Yang ketiga, Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) dibawah PKINK yang menfokuskan kepada projek-projek flagship antaranya :

1. Pembangunan Kilang Padi & Beras Darulnaim Sdn. Bhd.
2. Membangun Kilang Makanan Ternakan bersama komuniti

3. Projek-projek Gerakan Pertanian Al-Falah

Yang keempat, Darulnaim Agro Management Industries Sdn Bhd menfokuskan kepada pembangunan tanaman nenas, durian premium, kelapa, ubi keledek dan jagung bijian untuk makanan ternakan.

Itu lah empat GLC ataupun syarikat yang terlibat dengan membangunkan bersama dengan jabatan dan agensi lain bidang pertanian di Negeri Kelantan. Sekian terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Okay Chetok.

YB TUAN ZURAIN BIN ABDULLAH :

Okay terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Dan saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri khususnya kepada Exco Pertanian kerana telah membangunkan Agrovalley di Rong Chenok dan saya sempat mengadakan lawatan bersama dengan Yang Berhormat Exco Pertanian. Soalan tambahan saya apakah strategi bagi peningkatan hasil pertanian yang membolehkan KDNK pertanian meningkat dan kembali menyumbang kepada KDNK positif pertanian di Negeri Kelantan.

YB DATO' HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih soalan tambahan daripada Chetok. Sebenarnya banyak strategi ini yang kita telah dan sedang laksanakan, cuma saya akan sebut ada 7 lah strategi utama yang sedang dilaksanakan dan kita telah mula nampak keberkesanannya.

Pertama, pemodenan pertanian melalui teknologi iaitu kita memberi keutamaan kepada automasi dan mekanisasi penggunaan jentera moden seperti traktor, dron pertanian, mesin menuai automatic, pertanian pintar (smart farming), penggunaan sistem pertanian tepat.

Yang kedua, penyelidikan dan pembangunan R&D seperti pembangunan benih baru, memperkenalkan variasi tanaman yang tahan penyakit, cepat matang berupaya memberi hasil yang tinggi. Juga amalan agronomi terbaik, mempromosikan teknik seperti tanaman bergilir, penanaman bersepadu, penggunaan bio-teknologi.

Strategi yang ketiga ialah sokongan dasar dan subsidi Kerajaan. Kita banyak juga menyediakan subsidi, input pertanian, baja, *bio-control* racun serangga, peralatan input pertanian yang lain-lain. Insentif kewangan dan pinjaman mikro harga lantai dan harga pasaran.

Yang keempat, membangunkan infrastruktur pertanian iaitu kita sentiasa bersama dengan jabatan dan agensi melihat kepada pengairan cekap, kemudahan pinjaman dan rantai sejuk iaitu pengurangan kehilangan hasil selepas tuai dan membolehkan eksport nilai yang segar.

Yang kelima, kepelbagaian dan penambahan nilai iaitu kita tambah di bawah sektor pertanian ini agro tourism, agro pelancongan dan produk-produk agro makanan, menggalakkan para petani usahawan kita melibatkan diri dalam industri hiliran, produk makanan, proses kerepek, jus, rempah dan lain-lain. Juga pertanian organik dan premium, fokus kepada segmen pasaran bernilai tinggi yang semakin mendapat permintaan global.

Strategi yang keenam ialah memperbanyakkan latihan dan pendidikan kepada para petani. Latihan berkala, memberikan kursus kemahiran moden dan pendidikan teknikal dalam pengurusan ladang dan juga pengurusan kewangan petani itu sendiri dan usahawan. Pembangunan transformasi petani iaitu menggalakkan pemikiran usahawan di kalangan petani termasuk melahirkan usahawan-usahawan tani belia dan beliawanis.

Strategi yang ketujuh ialah akses pasaran dan digitalisasi iaitu penggunaan e-dagang dan platform digital menghubungkan para petani secara langsung dengan pengguna dan pemborong melalui platform atas talian. Juga kita menyokong koperasi-koperasi dan kumpulan usahawan

tani dengan bersama-sama membantu mereka membentuk koperasi untuk meningkatkan daya saing dan kuasa tawar menawar petani-petani yang berskala kecil ini.

Jika strategi yang sedang kita laksanakan ini berjalan dengan baik dan bersepadu In Shaa Allah kita akan dapat melihat dalam masa yang dekat dan akan datang peningkatan KDNK dalam sektor pertanian ini akan berlaku In Shaa Allah. Sekian terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila Dabong. Sila Dabong.

YBM KU MOHD ZAKI BIN KU HUSSIN :

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Soalan tambahan saya, adakah Kerajaan berhasrat untuk menggabungkan kesemua anak syarikat GLC ini di bawah satu perbadanan sahaja iaitu Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PKPNK)? Terima kasih.

YB DATO' HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih soalan tambahan daripada Dabong. Ye memang lah pihak Kerajaan telah berhasrat untuk menggabungkan atau meletakkan agensi-agensi yang berkaitan dengan pertanian di bawah satu bumbung yang mana dengan pembinaan ataupun pelaksanaan projek-projek ini dapat kita sepadukan dan selarakan. Bila mana ada satu pentadbiran yang selaras dan memantau kepada semua projek tadi. Apa pun ia bergantung kepada keperluan semasa dan strategi yang akan diperhalusi di peringkat Kerajaan dan di peringkat induk syarikat masing-masing yang kita ada 4, 5, 6 tadi In Shaa Allah akan diperhalusi. Dan penubuhan Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan yang bermula beroperasi 2019 itu lah hasratnya iaitu

menyelaraskan semua projek-projek pertanian supaya berjalan dengan lebih baik dan meningkatkan hasil. Sekian terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Chempaka.

YB TUAN HAJI NIK BAHRUM BIN NIK ABDULLAH :

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pohon untuk mendapatkan jawapan bagi soalan saya nombor 6.

Soalan 6 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah jenis tenaga hijau utama yang sedang dibangunkan di Negeri Kelantan pada masa ini serta berapa peratusan penggunaan tenaga hijau dalam keseluruhan penggunaan tenaga di Negeri Kelantan?]

YB DATO' WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Chempaka atas soalan yang diberikan.

Kerajaan Negeri Kelantan sedang giat melaksanakan pembangunan sektor tenaga hijau sebagai salah satu komponen penting dalam agenda kelestarian dan pembangunan mampan negeri. Tumpuan utama diberikan kepada sumber tenaga boleh diperbaharui iaitu sumber tenaga boleh diperbaharui ini antaranya air yang melahirkan hidro dan juga cahaya matahari yang boleh melahirkan solar. Tenaga hidro dan tenaga solar ini membuktikan komitmen negeri dalam menyokong dasar lestari

sejajar dengan matlamat negara untuk mempertingkatkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui.

Beberapa projek utama sedang dan telah dilaksanakan di Negeri Kelantan seperti Projek Hidro Pergau yang dikenali sebagai Sultan Ismail Petra telah mula beroperasi sejak tahun 2003 dengan kapasiti 600 megawatt menjadikannya loji bawah tanah terbesar di Semenanjung Malaysia. Selain itu, Projek Hidro Kecil di Sungai Kenerong turut menyumbang tenaga kepada grid dengan kapasiti 20 megawatt. Dalam kategori tenaga solar pula, Projek Solar Terapung Danau Tok Uban yang merupakan terbesar di Malaysia telah mula beroperasi pada Januari 2025 dengan kapasiti 60 megawatt.

Tambahan pula, pembinaan Empangan Hidro Elektrik Nenggiri (Nenggiri HEP) yang mempunyai kapasiti 300 megawatt sedang dijalankan dan dijangka siap menjelang tahun 2027. Ini merupakan projek tenaga boleh diperbaharui tunggal milik TNB di negeri ini. Di samping itu, terdapat projek hibrid yang menggabungkan tenaga hidro dan solar di Pergau dengan kapasiti 45 megawatt yang dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2026 dengan Integrasi Sistem Penyimpanan Tenaga (BESS).

Projek tenaga solar darat dibawah pelaksanaan Syarikat Samaiden Berhad menerusi program Large Scale Solar 5 ataupun LSS5 pula dijadualkan untuk mula beroperasi melalui perjanjian pajakan tanah seluas 400 ekar bersama Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK). Projek ini berkapasiti hampir 100 megawatt dan dijangka menyumbang sebanyak 150 gigawatt setahun. Tambahan pula rangkaian projek hidro sungai oleh Serasa dan Kemubu yang berkapasiti gabungan hampir 60 megawatt juga sedang dirancang melalui pembiayaan sukuk hijau. Dari segi penggunaan meskipun lebih 95% kapasiti penjanaan tenaga di Kelantan datang daripada sumber hijau kadar penyerapan ke dalam grid adalah lebih rendah disebabkan oleh kekangan sambungan kepada grid nasional.

Pada tahun 2025, dianggarkan sekitar 31% daripada permintaan tenaga elektrik negeri dijana daripada sumber boleh diperbaharui. Walau

bagaimanapun, dengan penyempurnaan projek-projek utama seperti Nenggiri HEP, LSS5 dan rangkaian Small Hidro Plans (SHP) peratusan ini dijangka meningkat kepada sekurang-kurangnya 46% menjelang tahun 2027.

Kesimpulannya, Kelantan sedang berada dalam landasan yang kukuh dalam memacu pembangunan tenaga hijau, sekali gus memperkukuh keupayaan negeri dalam menjana tenaga mampan dan menyumbang kepada sasaran tenaga boleh diperbaharui negara. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila Chempaka.

YB TUAN NIK ASMA' BAHROM BIN NIK ABDULLAH :

Pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas di atas inisiatif yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri tersebut untuk kita terus menggunakan *renewable resource* tersebut dengan izin. Cuma soalan tambahan saya ye kalau jika diizinkan saya pohon untuk dapat penjelasan daripada pihak Kerajaan sejauh mana sebenarnya penglibatan daripada syarikat tempatan ataupun anak-anak syarikat Negeri Kelantan dalam projek-projek penggunaan tenaga hijau dalam Negeri Kelantan ini.

YB DATO' WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih Chempaka soalan tambahan. Untuk makluman YB, teknologi hijau lazimnya dikaitkan dengan kelestarian alam sekitar. Jadi pada tahun 2015, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah melancarkan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), manakala Kerajaan Malaysia pula telah memperkenalkan Pelan Pembangunan Mampan Malaysia pada tahun 2016.

Di Negeri Kelantan kita telah melancarkan Pelan Induk Pembangunan Mampan Negeri Kelantan pada tahun 2019. Buat masa ini pelaksanaan inisiatif teknologi hijau masih bersifat sukarela, namun di peringkat

syarikat terdapat inisiatif ESG alam sekitar, sosial dan tadbir urus yang telah dilaksanakan secara mandatori ke atas semua syarikat tersenarai awam di bursa Malaysia. Sudah terdapat banyak syarikat pembuatan yang beroperasi di Kelantan yang telah memasang sistem solar di bumbung premis masing-masing sebagai sumber tenaga alternatif. Antara syarikat tersebut termasuk lah ROHM Semiconductor, Ain Medicare, Erawan Bottling dan lain-lain. Selain itu, kerjasama antara agensi negeri Kelantan Utilities Mubarakan Holding (KUMH) dan Syarikat Cypark Resources Berhad juga telah berjaya menyiapkan sepenuhnya ladang solar terapung terbesar di Malaysia yang terletak di Danau Tok Uban pada awal tahun ini.

Pada bulan Mei yang lalu, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah menjalinkan kerjasama dengan Syarikat Samaiden Group Berhad bagi pembinaan ladang solar berkapasiti 100 megawatt di atas tanah milik PKINK di Rantau Panjang. Dan pada tahun lepas pula Kelantan Utilities Mubarakan Holding (KUMH) telah berjaya memperolehi kuota daripada *Sustainable Energy Development Authority (SEDA)* bagi pembinaan sebuah loji mini hidro di Gua Musang. Untuk makluman, terdapat 3 projek mini loji hidro yang sedang dalam pembinaan di daerah Kuala Krai hasil kerjasama antara Syarikat Malakoff dan RP Hydro Kelantan. Di samping itu, Syarikat Sindiyen yang beroperasi di Lojing turut telah mengemukakan permohonan melalui Bahagian Pelaburan Kerajaan Negeri untuk membangunkan ladang solar berkapasiti 100 megawatt di Lojing.

GLC yang dipertanggungjawabkan untuk mempromosi teknologi hijau di Negeri Kelantan ialah KUMH. Sejak tahun 2016, KUMH telah mewakili Kerajaan Negeri dalam pameran IGEM International Greentech and Eco Product Exhibition and Conference Malaysia pameran teknologi hijau terbesar di Malaysia yang diadakan di KLCC bagi menarik pelaburan berkaitan teknologi hijau dan mempromosikan amalan kelestarian alam sekitar di Negeri Kelantan. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Persilakan Gual Ipoh.

YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker. Kita tahu berkenaan kepentingan alam sekitar yang baik untuk kehidupan. Jadi antaranya adalah mutakhir ini ialah penggunaan kenderaan yang berelektrik iaitu EV, apakah Kerajaan Negeri cuba ataupun mengambil inisiatif untuk penggunaan kenderaan EV ini bagi kegunaan Kerajaan ?

YB DATO' WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada soalan tambahan. Meme Kerajaan melalui KUMH juga sedang membuat kajian dan mempromosikan penggunaan kereta yang ke arah kita tanpa asap bagi memastikan tahap kesihatan rakyat kita ini meningkat. Jadi salah satunya kempen ke arah tanpa asap dengan kita mempromosikan kenderaan yang menggunakan tenaga... tenaga apa... tenaga elektrik ini. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Galas.

YB TUAN MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya nak ucapkan tahniah lah kepada KUMH kerana katanya sejak daripada tahun 2016 lagi telah pun terlibat secara langsung dalam sektor tenaga hijau ini. Cuma soalan saya Yang Berhormat, mengapa pelaburan swasta dalam sektor tenaga hijau di Kelantan ini masih rendah berbanding dengan negeri jiran seperti Terengganu dan juga Perak dan dalam membangunkan tenaga teknologi hijau di Negeri Kelantan kita ada dua projek sebagaimana yang kata Yang Berhormat Exco tadi Projek Solar Terapung di Danau Tok Uban dan Projek Mini Hidro di Kuala Krai, dan kedua-duanya dibangunkan oleh

syarikat swasta. Dan penglibatan GLC Kerajaan Negeri walau ada ia lebih kepada peranan kecil dalam syarikat yang melabur seperti Cypark Resources dan Malakoff Berhad sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Exco tadi.

Soalan saya dengan kepakaran yang ada pada anak-anak Kelantan di perantauan dalam pelbagai bidang termasuk teknologi hijau ini, bilakah Kerajaan Negeri melalui GLC akan membangunkan sendiri dengan sepenuhnya solar farm atau mini hidro tanpa penglibatan dari pelabur luar supaya ia bakal menjana hasil terus kepada Kerajaan Negeri. Yang kita sebut tadi kita seolah-olah kita menempel saja, kita sedia tanah dan semuanya disediakan oleh pihak pelabur. Jadi adakah Kerajaan punyai perancangan untuk kita sendiri yang menguruskan semuanya. Terima kasih.

YB DATO' WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Galas atas soalan tambahan. Kita nok maju ni keno banyak kerjasama dan saya dulu sukan kito latih anak-anak buah kito ni lawe hok excellent, baru lah kito cepat pandai. Kalu kito lawe gu kito hok slow tu mene sokmo lah kito. Jadi dalam bab tenaga hijau ini... teknologi hijau, Kerajaan KUMH... jadi KUMH yang mencari rakan kongsi dia untuk membangunkan teknologi hijau di Negeri Kelantan. Jadi cari lah mana-mana yang boleh membantu Kelantan dengan cara cepat dan pantas. Jadi kita lantik KUMH sebagai bagi pihak Kerajaan Negeri untuk menjalankan aktiviti-aktiviti ini. Tak timbul lah kita kata swasta dan sebagainya sebab ini dasar Kerajaan, mana-mana syarikat luar pun nok mari ke Kelantan mesti JV dengan anak syarikat Kerajaan Negeri supaya manfaat boleh kepada negeri dan boleh kepada rakyat Kelantan. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Saya mempersilakan Yang Berhormat Tawang.

YB TUAN HARUN BIN ISMAIL :

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya mohon jawapan kepada soalan saya nombor 7.

Soalan 7 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah inisiatif baru yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk menjaga kebajikan OKU?]

YB PUAN ROHANI BINTI IBRAHIM :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon saya menjawab soalan ini bersama dengan soalan Yang Berhormat Pantai Irama pada 23 Julai hari ketiga. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Tawang dan juga Pantai Irama atas soalan yang berkaitan dengan kebajikan keluarga OKU Negeri Kelantan.

Untuk makluman YB, sehingga kini jumlah Orang Kurang Upaya (OKU) yang didaftarkan melalui Sistem Pengurusan Orang Kurang Upaya dari tahun 2015 sehingga kini iaitu Jun 2025 bagi Negeri Kelantan adalah sebanyak 42,582 orang. Alhamdulillah di Negeri Kelantan dengan adanya kerjasama padu bersama Majlis Persefahaman Pertubuhan OKU Kelantan iaitu MPPOK yang melibatkan pelbagai NGO OKU, kelangsungan usaha Kerajaan Negeri Kelantan dalam menjaga kebajikan dan hal ehwal OKU sentiasa diperkasa dan ditambahbaik dari semasa ke semasa.

Kerajaan Negeri Kelantan setiap tahun telah memperuntukkan lebih daripada RM 600,000.00 untuk kebajikan dan pembangunan golongan OKU bagi Negeri Kelantan. Pelbagai program yang kita laksanakan untuk

mereka iaitu melalui U-KEKWA dan agensi-agensi kerjasama yang lain termasuk juga kerjasama Badan-Badan Pertubuhan Bukan Kerajaan iaitu NGO. Antara program yang kita laksanakan adalah:

1. Program Pemerkasaan Penggerak OKU iaitu di kalangan Penyelaras Pembangunan OKU Parlimen ataupun PKO dan MPPOK yang dilaksanakan secara berterusan. Antaranya usrah dan juga mesyuarat penyelarasan berkala, kursus pemerkasaan organisasi, jaulah dan lawatan kerja, qiam cinta rasul dan seminar undang-undang dan isu yang berkaitan dengan golongan-golongan istimewa ini.
2. Melalui Program Agihan Bantuan. Agihan Bantuan Maaruf OKU iaitu agihan ini adalah berbentuk *one-off* kepada golongan OKU melalui Pusat Khidmat DUN dan juga beberapa NGO yang terpilih. Seramai 30 orang OKU setiap tahun menerima bantuan ini dan 50 orang OKU dari 3 NGO terpilih dengan kadar RM300 seorang menjadikan 1400 penerima seluruh Kelantan pada tahun ini.
3. Majlis Hari Raya dan Iftar bersama Kepimpinan Kerajaan Negeri yang melibatkan 900 OKU yang mana mereka ini menerima sumbangan hari raya dan sebahagian besar mereka ini dirai dengan bersama-sama dengan pimpinan Kerajaan Negeri terutamanya Yang Amat Berhormat Menteri Besar.
4. Program-program lain dengan kerjasama agensi dan NGO pula :
 - Kembara Muhibbah OKU dengan kerjasama Persatuan Down Sindrom Negeri Kelantan.
 - Program Pemantapan Pengendalian Anak-Anak Autisme Dalam Kalangan Ibu Bapa dan Penjaga. Kita juga bekerjasama dengan Persatuan Autisme USM dan juga Persatuan Autisme Negeri Kelantan.
 - Bantuan Banjir khusus untuk warga OKU kerjasama Badan Korporat dan juga NGO.

- Program Pemerkasaan dan Kelestarian Ekonomi Golongan OKU wanita B40 iaitu Projek I-Akuaponik.
- Wacana Strategik PKS-MPPOK.

Semoga dengan usaha-usaha yang diatur yang semua program ini bersifat dinamik. Ia dapat ditambahbaik dari semasa ke semasa. OKU Kelantan agar dapat terus diperkasa dan mereka tidak terasing dari arus pembangunan dan kemajuan semasa. Sekian terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Dipersilakan Tawang soalan tambahan.

YB TUAN HARUN BIN ISMAIL :

Terima kasih di atas jawapan yang diberi. Alhamdulillah terima kasih juga kepada Kerajaan Negeri yang mengambil berat dan juga cakna terhadap orang kelainan upaya di Negeri Kelantan, Alhamdulillah dan tahniah Kerajaan Negeri Kelantan. Persoalannya apakah inisiatif ataupun usaha-usaha yang lebih lagi yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Kelantan bagi melahirkan OKU yang berakhlak, yang beragama, yang beriman, bertakwa selaras dengan Dasar OKU Muqarrabun Kerajaan Negeri Kelantan. Terima kasih.

YB PUAN ROHANI BINTI IBRAHIM :

Terima kasih kepada Yang Berhormat Tawang atas soalan tambahan. Selain daripada program-program yang saya maklumkan sekejap tadi, pihak kami Kerajaan Negeri Kelantan bersama program-program dengan kerjasama MPPOK juga kami turut mengiktiraf dan melibatkan Program Persefahaman MPPOK sebagai badan utama yang membantu pihak Kerajaan dalam menterjemah aspirasi Negeri Kelantan iaitu Membangun Bersama Islam dalam konteks keperluan komuniti golongan OKU. Dengan kerjasama mereka, mereka terus aktif turun kepada masyarakat iaitu dalam Siri Jelajah OKU Imarah Masjid, kuliah dhuha, taklimat OKU Muqarrabun di peringkat DUN, jelajah duta OKU.

Bahkan dalam program-program tertentu termasuk lah Muhabbah Ramadhan setiap tahun menjelang Aidilfitri mereka ini diberi tanggungjawab untuk menyantuni golongan ini dengan lebih rapat lagi.

Kedua, Skuad Upaya yang terdiri daripada penggerak OKU sendiri mereka ini bergerak dengan cemerlang. Wat kijo tok berhenti tanpa sebarang rungutan dan sangat membanggakan kerana ianya satu-satunya model program seumpama ini di Malaysia.

Selain itu, penerapan solat berjemaah dan tazkirah kefahaman OKU Muqarrabun juga diterapkan dalam program bersama OKU dalam majlis-majlis iftar, dan juga program-program yang melibatkan keagamaan di masjid-masjid.

Kelas Al-Quran Braille yang diusahakan dan diuruskan oleh Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Malaysia iaitu PERTIS.

Kami juga mengadakan kelas fardu ain khusus untuk orang pekak melalui Persatuan OKU Pekak Kelantan dengan kerjasama MAIK. Usaha penerbitan Buku Fiqh Siasah OKU sebagai pemerksaan keluarga OKU di Negeri Kelantan dan ianya dalam proses untuk diterbitkan dalam masa yang terdekat.

Saya ingin merakamkan mengambil kesempatan dalam Dewan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Haji Mohd Faizal Che Yusof iaitu seorang *lawyer* yang cacat penglihatan, dia adalah merupakan Yang Dipertua Orang-Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia dan juga teamnya yang telah menjadi duta OKU Muqarrabun bagi Negeri Kelantan yang telah menjelajah ke negeri-negeri luar Kelantan bagi memberi kefahaman dan juga memperkasakan kefahaman Islam di kalangan warga OKU. Sekian terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Kuala Balah.

YB DATO' ABDUL HADI BIN AWANG KECHIL :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Kita telah banyak melaksanakan kemudahan kepada OKU Alhamdulillah. Di negara-negara maju Yang Berhormat Dato' Speaker, mereka telah mengaktakan kemudahan yang diperlukan oleh yang perlu diberikan kepada OKU. Kita mungkin untuk maju untuk menjadi negara maju kita akan sampai ke situ. Soalan saya adalah kemudahan yang ada pada kita dari segi pembangunan Kerajaan Negeri setakat mana usaha kita untuk memberi keselesaan terutama design bangunan itu, keselesaan kepada OKU. Terima kasih.

YB PUAN ROHANI BINTI IBRAHIM :

Untuk ke... terima kasih kepada Kuala Balah. Untuk kemudahan dan keselesaan golongan istimewa ini ianya telah diselaraskan di peringkat seluruh Malaysia melalui PBT... melalui PBT... apa orang panggil ianya harus dilaksanakan mengikut kebenaran dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh PBT In Shaa Allah ianya akan terus diperkasakan bagi mendapatkan keselesaan kepada golongan ini.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Mengkebang.

YB TUAN ZUBIR BIN ABU BAKAR :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Exco, sebagaimana ajaran kita bahawa OKU hendaklah dekat di hati kita semua, itu ajaran kita. Dan Mengkebang ingin menegaskan bahawa Mengkebang ini adalah pencinta tegar OKU golongan OKU khususnya Tawanglah, di mana ada Tawang, di situ lah ada Mengkebang. Soalan saya adakah Kerajaan Negeri menyediakan program khusus bagi meningkatkan ekonomi usahawan OKU atau membantu ekonomi apa ni usahawan OKU dalam meningkatkan ekonomi golongan OKU tersebut. Okay terima kasih.

YB PUAN ROHANI BINTI IBRAHIM :

Terima kasih Mengkebang kerana rapat sangat dengan OKU. Terima kasih di atas soalan tambahan daripada Mengkebang. Antara program-program ataupun inisiatif bagi meningkatkan ekonomi atau membantu usahawan OKU ini, antaranya adalah :

- i. Aktiviti kemahiran jaya diri seperti bengkel kulinari, jahitan dan sulaman yang telah dilaksanakan di Pusat Latihan Wanita OKU dan Armalah (PLWOA) juga disediakan untuk membantu warga OKU dalam membina kemahiran diri dan menjana ekonomi mereka.
- ii. Kedua, Bantuan Tabung Usahawan dibawah Exco Usahawan dan juga Tabung Usahawan Wanita dibawah seliaan U-KEKWA bagi memberi bantuan peralatan perniagaan yang merupakan bantuan tahunan untuk bantuan para usahawan termasuk usahawan OKU.
- iii. Ketiga, Projek OKU Tani Al-Falah berbentuk bantuan projek pertanian dan juga penternakan dibawah Exco Pertanian.
- iv. Keempat, Program Gerak Ekonomi Belia Upaya Rakyat 2022 Gempur 2022 dengan kerjasama U-BeS Negeri Kelantan.
- v. Kelima, Program Pemerkasaan Keusahawanan OKU kerjasama strategik dengan pihak universiti dan juga yayasan antaranya UMK, UITM dan beberapa lagi NGO.
- vi. Pusat Latihan Pekerjaan OKU Masalah Pembelajaran. Projek ini dibawah kerjasama JKM, USM dan juga Koperasi Cakna OKU.
- vii. Selain itu, terdapat juga Pusat Latihan Pekerjaan dibawah JKM yang disediakan berpusat untuk membantu warga OKU seperti latihan kemahiran di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan, Bengkel Terlindung JKM di Klang, Selangor, Sungai Petani Kedah serta perkhidmatan sokongan *job coach* bagi

membantu OKU untuk penyesuaian dan penempatan pekerjaan OKU agar mereka terus kekal dalam sektor pekerjaan.

Diharapkan dengan pelaksanaan program dan inisiatif ini para usahawan OKU dapat memanfaatkan sepenuhnya peluang yang diberikan sekali gus dapat meningkatkan taraf hidup mereka. Semoga segala usaha kita ini diberkati Allah dan memberikan manfaat yang berpanjangan kepada golongan istimewa ini. Sekian terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Wakaf Bharu.

YB TUAN MOHD RUSLI BIN ABDULLAH :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato Speaker, pohon jawapan soalan saya nombor 8.

Soalan 8 :

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, inisiatif serta program yang dirancang dan telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk menangani pelbagai isu yang melibatkan kekeluargaan seperti penceraian, keganasan rumah tangga dan pengabaian tanggungjawab khususnya dalam kalangan masyarakat B40 serta luar bandar.

YB HAJI MOHD ASRI B MAT DAUD :

Terima kasih kepada Wakaf Bharu. Ya, sememangnya pihak Jabatan Agama sendiri telah bekerjasama dengan semua pihak termasuklah Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan yang sentiasa peka di dalam masalah menangani masalah Institusi Keluarga yang berhadapan dengan apa-apa masalah. Jadi sebab itulah diadakan program-program inisiatif di Masjid-masjid yang mana imam-imam itu

sendiri menjadi sebagai pihak yang penyelesai kepada masalah-masalah institusi ini.

Selain daripada lawatan-lawatan ziarah daripada pihak yang telah dilaksanakan oleh Pembangunan Insan dan juga UKEKWA, skuad SKC Skuad Kita Cakna yang kita turun rumah ke rumah. Di sini kita dapat melihat setiap keluarga yang kita turun tersebut di samping kita menyampaikan kepada mereka sumbangan-sumbangan yang terpilih tetapi kita dapat melihat keadaan situasi keluarga itu sendiri. Jabatan Agama sendiri telah melaksanakan pelbagai program termasuklah Membina Remaja Iman yang mana telah dilaksanakan 11 kem setiap tahun. Yang melibatkan 550 hinggalah 600 peserta setiap tahun untuk memastikan bahawa tidak adanya masalah-masalah gejala sosial yang berlaku apabila mereka akan membentuk rumah tangga nanti. Jadi kita adakan program lebih awal di samping program-program kekeluargaan yang kita adakan di semua peringkat. Di Jabatan Agama termasuklah di masjid-masjid dan juga di lain-lain tempat yang diberi kerjasama oleh NGO yang ada. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Silakan Limbongan.

YB PUAN NOR ASILAH BINTI MOHAMED ZIN:

Terima kasih Dato' Speaker, melihat kepada jawapan yang diberi oleh YB Exco berkaitan dengan keganasan rumah tangga dan juga pusat-pusat penempatan yang diletakkan semuanya kebanyakan berkisar kepada wanita. Jadi soalan saya berkaitan dengan Adakah pihak JAHEAIK mengambil langkah khusus untuk mengenal pasti keganasan rumah tangga terutamanya dalam kalangan lelaki?

YB HAJI MOHD ASRI B MAT DAUD:

Terima kasih Limbongan. Keganasan rumah tangga jadi yang kita teliti setakat ini dia berlaku hasil daripada pertama sekali ialah tidak ada persefahaman di dalam keluarga itu sendiri iaitu di antara ketua keluarga, suami dan isteri itu sendiri. Dengan masalah-masalah yang pelbagai kewangan, masalah kerjaya dan masalah boleh jadi yang melibatkan

institusi kekeluargaan itu. Dan bermakna masalah kekeluargaan ini bukan sahaja sebelah pihak wanita tetapi ia juga ada masalah di pihak lelaki iaitu ketua keluarga dan sebagaimana yang telah hadis yang kita nyatakan tadi maksudnya penyelesaian yang ampuh ini ialah ia bergantung kepada ketua keluarga iaitu lelaki. والرجل في أهله iaitu lelaki di dalam keluarga itu. Dialah yang bertanggungjawab yang menjadi *priority*. Tanggungjawab yang utama untuk menyelesaikan masalah ini dan sekiranya masalah ini datang daripada ketua keluarga lelaki itu sendiri memang dia akan mengambil masa lambat sikit nak selesai.

Tetapi untuk setakat ini Alhamdulillah pihak kerajaan sendiri telah melakukan pelbagai inisiatif lah untuk menyelesaikan masalah ini dengan termasuklah dengan mewujudkan antara yang terkini ialah *Destiny Jodoh*. *Destiny Jodoh* ini untuk mencari jodoh melalui online. Tetapi patuh syariah dengan ada *guideline* dan pihak urusetia sebagai Bait Muslim. Rumah tangga islam untuk mengawal supaya jodoh yang dibentuk ini rumah tangga yang dibentuk ini mereka tidak lari daripada kacamata syariah itu sendiri dan sekarang ini dinamakan "*Destiny Jodoh*" ini kepada portal Jodoh Darul Naim.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan, semenjak daripada 2012 sehinggalah terkini seramai 457 yang telah berdaftar untuk mencari jodoh melalui portal Jodoh Darul Naim ini dan kita mempunyai satu pra syarat. Dan mempunyai *guideline* peraturan-peraturan yang ketat dan sebenarnya adalah untuk mengekang daripada masalah-masalah kekeluargaan penceraian, isu keganasan rumah tangga. Kerana kita akan sentiasa memantau mereka walaupun setelah mereka mendirikan rumah tangga dan yang ini juga syarat dia kepada yang ada keperluan mendesak. Ada masalah-masalah mendesak pun dibolehkan jugak untuk masuk *Destiny Jodoh* termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat pun boleh juga untuk mendaftar. Takdok masalah.

[KENDENGARAN GELAK KETAWA DARI AHLI YANG BERHORMAT]

Jadi itu adalah Program yang telah dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri setakat ini.

Sekian.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Silakan, Kota Lama.

YB PUAN DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM:

Terima kasih, Dato' Speaker. Terima kasih kepada YB EXCO yang telah menceritakan kepada kita begitu panjang lebar. Saya cuma terfikir dengan begitu banyak program-program yang telah dilaksanakan. Adakah ia mencapai sasarannya, ataupun program-program kerajaan negeri ni disasarkan kepada yang baik-baik sahaja? Saya nak kaitkan ataupun nak bawa data penceraian tahun 2023 Kelantan. Menunjukkan bahawa terdapat 4468 penceraian yang berlaku dan jika kita bandingkan tiga Negeri Pantai Timur, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Kita mencatatkan angka yang tertinggi.

Begitu juga dengan angka Keganasan Rumah Tangga tadi yang disebutkan oleh sahabat saya YB Limbongan. Yang menunjukkan tahun yang sama mencatatkan angka tertinggi di Pantai Timur iaitu 7.5 % sementara Terengganu 5 % dan Pahang 3.8 % dan nak menambah daripada apa yang YB EXCO sebutkan tadi penyalahgunaan dadah juga menyumbang kepada penceraian yang tinggi. Jadi persoalan saya adalah dengan program yang begitu banyak yang dilakukan ini sudah mencapai sasarannya adakah kita mungkin *miss pocket-pocket* ini yang kita kena cegah, rawat. Sebab kita tahu walaupun kita bergelak-gelak pasal kahwin ramai dan sebagainya saya juga nak membangkitkan berapa banyak di Negeri Kelantan yang kahwin di Sempadan ataupun di luar Kelantan tetapi hakikatnya ramai yang tidak didaftarkan di negeri ini menyebabkan kesusahan kepada ramai wanita. Jadi mungkin YB EXCO pun berhadapan dengan masalah ini, mungkin boleh cerahkan kita supaya kita semua bermula dengan satu harapan lah terhadap kekeluargaan apatah lagi di akhir-akhir ini

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Ringkaskan soalan...

YB PUAN DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM :

Masalah ini ...

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Kota Lama, ringkaskan soalan...

YB PUAN DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM:

Berkaitan jugak dengan masalah kekeluargaan... Terima kasih...

YB HAJI MOHD ASRI B MAT DAUD:

Terima kasih Kota Lama. Cuma saya ingin memperbetulkan Kota Lama ada menyebut bahawa program-program yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri. Program-program berbentuk kebaikan, program-program baik. Memang lah, betul. Itu adalah satu kenyataan ia sebenarnya tak boleh. Memang kita kena lakukan program – program yang baik ini, dan Kerajaan Negeri sejak daripada 1990 sehinggalah sekarang ini kita memang melaksanakan semua di MTT segmen Program-program baik. Kerana kita tengok sabda SAW sendiri Nabi sebut :

وَاتَّبِعِ السَّيِّئَةَ الْحَسَنَةَ تَمْحُهَا

maksudnya hendaklah diiringi dihapuskan perkara-perkara jahat yang berlaku dalam negeri dalam masyarakat dengan perkara-perkara baik barulah perkara jahat tadi terhapus. Kena melaksanakan perkara baik jadi dengan inilah Kerajaan melaksanakan semua perkara baik. Macam di Malaysia ini mana ada sebuah Kerajaan yang menubuhkan sehingga 93 buah sekolah yang mana ada Pengajian Islam, Pendidikan Islam, Pengajian Agama kerana itu adalah baik untuk mengekang daripada berlaku gejala-gejala yang tidak baik di kalangan pelajar. Begitulah juga dengan entiti-entiti lain yang ditubuhkan program-program kalau kita tengok daripada semua portfolio, program-program kebaikan itu terlalu banyak dan kita yakini dengan program yang baik inilah yang Inshaa-Allah SWT akan memberkati dan mengurangkan kadar-kadar gejala-gejala sosial yang berlaku sama ada di dalam institusi keluarga, dalam masyarakat di dalam mana-mana pihak sendiri pun. Kita dapat mengurangkan beban PDRM, AADK, gerak kerja kepimpinan Kerajaan Negeri dan lain-lain, dan terima kasih kerana memberi perhatian dalam institusi keluarga ini dan kita benar-benar Kerajaan Negeri selain daripada pihak yang menjaga kebajikan keluarga. Semua kepimpinan

Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan seluruh kepimpinan sentiasa memikirkan dan Jabatan Agama dan Majlis Agama termasuklah institusi-institusi NGO Agama yang ada ini sebenarnya mereka sentiasa bersama bagaimana untuk menyelesaikan isu-isu kekeluargaan yang sehingga ke hari ini yang kita kata berlaku dan kadang-kadang masalah itu dia berlaku secara meluas kerana zaman ataupun era kini kita tengok keadaan-keadaan yang extreme berlaku dalam keadaan cuaca global pekerjaan dan lain-lain. Itu sebab-sebab yang semua pihak kena bertanggungjawab dan saya nak kembali bahawa semua kita termasuklah institusi keluarga itu sendiri mengambil peranan berkerjasama dengan pihak Kerajaan untuk selesaikan isu ini.

Sekian sahaja,

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Terima kasih, Dato' Speaker.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Saya mempersilakan Yang Berhormat Pengkalan Pasir.

YB TUAN HAJI MOHAMAD NASRIFF B DAUD @ DAUD YATIMEE:

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, mohon jawapan kepada soalan saya nombor 9.

Soalan 9 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah usaha kerajaan meningkatkan kesedaran isu Kebersihan dan langkah penguatkuasaan di PBT bagi memastikan negeri Kelantan di tahap yang cemerlang].

YB TUAN HILMI B ABDULLAH:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Pengkalan Pasir atas soalan mengenai usaha Kerajaan dan Penguatkuasaan isu kebersihan di Negeri Kelantan.

Untuk makluman Yang Berhormat Pengkalan Pasir antara usaha Kerajaan untuk meningkatkan Kesedaran Isu Kebersihan dengan mengadakan yang pertama Kempen Kesedaran Yang Berterusan iaitu pelaksanaan program seperti *Kempen Kelantanku Bersih*, gotong royong perdana yang melibatkan agensi-agensi kerajaan dan komuniti setempat. Kempen ni lama dah kita buat yang berterusan sehingga kini.

Dan yang kedua ialah Penyebaran Maklumat secara berterusan. Melalui media sosial, poster dan risalah kesedaran menjaga kebersihan di tempat awam, sekolah dan rumah ibadat. Ni saya mintak kepada semua Ahli Yang Berhormat supaya *follow* dan juga *like* posting-posting yang dibuat oleh semua PBT mengenai program-program kebersihan dan sebagainya.

Yang ketiga, memberi pendidikan komuniti iaitu kerjasama dengan sekolah dan insitutsi pendidikan untuk mendidik murid dan pelajar tentang pentingnya kebersihan di peringkat awal persekolahan. Yang sebagaimana disebut oleh Yang Berhormat EXCO Pendidikan. Kita ada Program Fiqah, Fiqah yang telah disertai oleh 100 buah sekolah dengan ahli yang melebihi 15 ribu orang. Dan ini usaha kita untuk memberi pendidikan awal kepada para pelajar pentingnya menjaga kebersihan alam sekitar.

Yang keempat, penerapan pendidikan sivik berkaitan penjagaan kebersihan dan alam sekitar yang melibatkan pelbagai peringkat komuniti. Yang seterusnya, Insentif dan Pengiktirafan. Iaitu Anugerah Kebersihan dalam Pertandingan Kelantanku Bersih kepada PBT-PBT untuk kategori Kecemerlangan PBT, Taman Awam Terbersih, Tandas Awam Terbersih, dan pengiktirafan turut diberikan kepada Persatuan

yang mengelola Taman Perumahan dan Pasar Awam di bawah PBT yang berjaya mencapai tahap kebersihan yang cemerlang.

Ini adalah Program Tahunan kita ni, kita ada 12 kategori untuk dipertandingkan daripada peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, peringkat IPT sehinggalah Perumahan dan juga kategori dalam PBT. Seterusnya untuk langkah penguatkuasaan oleh PBT. Sebagaimana berikut yang pertama Pemantauan dan Rondaan Berkala. Penguatkuasaan melalui rondaan oleh Bahagian Penguatkuasaan PBT bagi mengenal pasti yang mengekang lokasi berisiko dijadikan kawasan pembuangan sampah haram. Kita selalu membuat rondaan, sama ada menggunakan dengan motosikal pancuan empat roda dan juga pemantaun menggunakan cctv. Seterusnya, pengeluaran notis dan kompaun. Tindakan undang-undang seperti pengeluaran notis amaran, kompaun, dan pendakwaan kepada individu atau premis yang melanggar peraturan kebersihan di bawah Undang-undang Kecil PBT.

Yang ketiga, penggunaan teknologi menggunakan sistem aduan awam secara dalam talian untuk memudahkan orang ramai melaporkan kes pelanggaran kebersihan. Yang ada sekarang ini aduan awam digunakan oleh rakyat untuk membuat aduan mengenai dengan jalan yang berlompak. Sampah tidak dikutip, kita mintak kepada rakyat semua untuk membuat aduan melaporkan kesalahan-kesalahan berkaitan kebersihan. Kalau nampak orang bawok sapoh atas bonet kereta, ambik gambar dan wak masuk dalam aduan awam. Inshaa-Allah dengan maklumat yang lengkap kita dapat mengambil tindakan kepada para pesalah-pesalah yang melanggar undang kecil kebersihan.

Dan yang akhir sekali, Pemantaun di Tempat Pembuangan Sampah (Rumah Sampah) iaitu pengawasan moden melalui penggunaan Kamera Litar Tertutup (CCTV) di tempat pembuangan sampah boleh membantu PBT dalam pemantaun tahap pembuangan sampah, mengesan pelaku kesalahan kebersihan dan *vandalisme*, menyokong tindakan penguatkuasaan berasaskan bukti dan memberi isyarat pencegahan kepada masyarakat. Sebagaimana yang berlaku pada dua minggu lepas, pembekal ikan keli dihantar keli ke ternakan. Keli yang mati dio tohok tepi tong sampah, dia jadi bau busuk anjing kero mari tapi Alhamdulillah

kecaknaan masyarakat dia ambik gambar dia siap dengan apo ni nombor plate pun dia ambik hantar ke PBT. Kita kenalpasti buat cagaran dengan JPJ kenderaan daripada luar Kelantan. Pembekal luar Kelantan datang buang sisa ataupun bekalan keli yang dah mati di tepi tong sampah. Itu terima kasih kepada rakyat yang cakna kebersihan masing-masing buat pemantauan dan laporkan kesalahan-kesalahan kepada PBT dengan maklumat yang lengkap Insyaa-Allah kita dapat memberikan pendidikan kepada semua rakyat supaya dapat menjaga kebersihan dengan kaedah pelaksanaan inforcement bermula tahun ini kita dapat Berjaya mengurangkan banyak isu-isu kebersihan ini. Insyaa-Allah.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Silakan, Pengkalan Pasir.

YB TUAN HAJI MOHAMAD NASRIFF B DAUD @ DAUD YATIMEE:

Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO yang telah memberikan penerangan yang cukup jelas bagaimana bermula kempen kesedaran, penguatkuasaan dan sebagainya.

Dan kalau kita lihat hadis Nabi SAW menyebut الطهور شرط الإيمان

kebersihan tu sebahagian daripada iman. Persoalan saya apabila kita bercakap tentang kebersihan sudah tentulah ia melibatkan institusi keluarga, masyarakat, kerajaan dan sebagainya. Bagaimanakah kita memastikan penglibatan-penglibatan tertutamanya dalam segi NGO sebab keberkesanan program ini sudah berlaku di seluruh peringkat pertama di peringkat keluarga itu sendiri dan adakah kerajaan bercadang sebagaimana disebut tadi pendidikan menjadikan *syllabus* dan kalau kita ingat masa kita kecik-kecik dulu ada satu *syllabus* sivik. Bagaimana mengajar anak-anak kita, kalau kita tengok di Jepun tu dia suruh budak-budak tu basuh jamban tu dan sebagainya. Dah sudah sampai masanya kita lakukan satu *syllabus* aplikasi biar anak kito pehe. Dan dari generasi-generasi inilah yang akan membantu kita dan seterusnya bagaimanakah kita nak pastikan sejauh manakah kegiatan NGO-NGO untuk bersama dalam kempen ini untuk memastikan kito ni dillihat salah satu daripada negeri terbersih di Malaysia.

YB TUAN HILMI B ABDULLAH:

Terima kasih soalan tambahan daripada Pengkalan Pasir mengenai penglibatan. Bukan sahaja NGO tetapi seluruh masyarakat ambo percaya semo dalam dewan ni sempat merasai zaman persekolahan rendah dulu. Tahun 80an, tahun 70an kita kalu gi sekolah keno gi awal sekolah, pukul 7 tu sapa dah sekolah. Diberikan tugas-tugas, kelas satu. 1A cuci longkang, 1B cuci tandas, 1C kutip sampah dan 1D cuci cermin. Dulu *syllabus* pendidikan diterapkan di peringkat awal malangnya sekarang sudah tidak ada *syllabus* berkenaan dengan kebersihan peringkat awal. Jadi kalau kita cikgu arahkan pelajar kutip sampah dan cuci longkang akan ada aduan lah. Aduan ibu bapa kepada sekolah sepatutnya program sebegini diterapkan oleh Kementerian Pendidikan di peringkat awal dan saya menyokong saranan daripada Pengkalan Pasir tadi untuk dikembalikan semula latihan kepada para-para pelajar sekolah sebagaimana ada diamalkan di Negara Jepun.

Negara Jepun ni pelajar akan memungut sisa-sisa sampah dan letak di dalam poket. Make cokelat letok di dalam poket seluar, kita make cokelat buang keluar. Kenapa? Kerana ibubapa dia juga makanan sisa dibuang keluar. Bapa borek anak rintik. Dan kita di peringkat PBT ada *engagement* dengan satu NGO yang mempromosikan dan memberi penempatan kepada Program Gotong Royong Kelantan, NGO Kelantanku Bersih. Boleh buka facebook dan kita ada NGO Kelantanku Bersih logo yang bulat tu ada yang khusus dan ada beberapa lagi NGO yang menyokong PAPISMA dan bulan ni ada satu NGO yang akan turun, bukan turun ke Kuala Lumpur tapi turun pada 26 haribulan untuk membersihkan di Pantai Kubang Golok. NGO geng plastik hijau, sampai ke pantai. Kita ada juga NGO-NGO yang membersihkan sungai iaitu Wira Sungai. Ada pelbagai NGO dengan minat masing-masing. Yang datang berjumpa kita dengan menunjukkan minat dengan memberikan bantuan sokongan mereka untuk mereka menjayakan program.

Di peringkat sekolah tadi kita ada Fiqah untuk latihan awal kepada para pelajar dan pada tahun lepas kita tambah satu lagi anugerah iaitu Tokoh Anak Muda Bersih. Kalau kita buka tiktok nama dia "kchannel" dia ni anak muda yang memakai pakaian Jepun. Kimono untuk wanita, dia galas

bakul dia kutip sampah. Antara tempat utama dia di Lembah Sireh dan viral. Dan kita bagi anugerah kepada beliau sebagai Ikon Anak Muda Kelantan Bersih pada tahun lepas dan pada tahun ini kita akan cari Tokoh Anak Muda yang melakukan kerja-kerja pembersihan secara sesuka rela dan Insyaa-Allah dengan sambutan Anak Muda pelbagai sekolah peringkat sekolah rendah peringkat sekolah menengah dan IPTA, IPTS yang bersama-sama dengan kita. Di samping kita menubuhkan komuniti setempat dan saya memohon semua Dun yang menubuhkan (JKP) Jawatankuasa Kawasan Penduduk yang diiktiraf oleh PBT masing-masing. Sebab kita ada dana di peringkat persekutuan di bawah SDG ada dana my local agenda 21 yang akan memberikan peruntukkan kepada Jawatankuasa Penduduk untuk ditubuhkan secara rasmi *engage* dengan PBT dan akan disalurkan kepada NGO tersebut untuk melaksanakan program-program tersebut Kempen Bergotong Royong, Kebersihan Alam Sekitar. Jadi kita nak ke bersih ni ada dua komponen yang pertama Kerajaan kita sediakan interest yang secukupnya. Program-program yang secukupnya kawasan indah lebih ceria naik taraf kebersihan dan yang kedua komponen di peringkat rakyat. Dia kena dua-dua bergerak sekali dan kalau Kerajaan bersungguh dan rakyat ada sambutan. Rakyat bersungguh kerajaan tidak menyambut tidak jadi. Dia kena dua-dua dapat membina sebuah negeri yang bersih. Inshaa-Allah, terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Dipersilakan Yang Berhormat Salor.

YB TUAN SAIZOL B ISMAIL:

Bismillah, terima kasih Dato' Speaker. Mohon jawapan soalan saya nombor 10.

Soalan 10 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, dasar kerajaan negeri dalam membina belia berakhlak tinggi dan menyekat pengaruh budaya luar yang negatif?]

YB TUAN ZAMAKHSHARI BIN MOHAMAD:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Salor dan Timbalan Dato' Speaker. Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa komited dalam usaha membentuk golongan belia yang berakhlak mulia serta berdaya tahan terhadap pengaruh budaya luar yang *negative*. Selaras dengan Dasar Anak Muda Kelantan (DAMAK) dan pendekatan Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI), pelbagai dasar dan inisiatif telah dirangka dan dilaksanakan melalui (U-BeS) Urus Setia Belia dan Sukan Negeri. Kerajaan Negeri juga melalui portfolio Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat sentiasa meletakkan keutamaan yang tinggi terhadap usaha membentuk belia yang berakhlak mulia dan berdaya tahan terhadap pengaruh luar yang merosakkan.

Walaupun kita menghadapi pelbagai cabaran berdasarkan data golongan belia yang berumur 15-30 tahun di Kelantan berjumlah lebih kurang ½ Juta, 500,000 dan berdasarkan data juga pelajar-pelajar ataupun anak-anak muda belia-belia kita yang berada di Pendidikan Arus Perdana ataupun di bawah jabatan pendidikan negeri yang berjumlah 360,000. Manakala di bawah YIK sebanyak lebih kurang 30,000 maksudnya hanya 8.5 % pelajar-pelajar ataupun belia-belia mendapat pendidikan atau tadbir urus terus daripada Kerajaan. Dan itu adalah salah satu cabaran-cabaran yang kita hadapi jadi lanjutan daripada itu antara dasar ataupun kerangka dasar ini berteraskan dasar anak muda ataupun DAMAK sebagai dokumen rujukan utama Pembangunan Belia Negeri, Visi Pembangunan Belia adalah untuk melahirkan generasi *Qawiyul Al-Amin* iaitu golongan muda yang cergas, berintegriti, dan berpaksikan nilai-nilai Islam. Pendekatan ini disokong dengan pelan tindakan tahunan yang berasaskan model SOSTAC, iaitu perancangan Strategi, Objektif, Taktik dan Pemantauan yang teratur.

Ilmuan islam, saya juga ingin mengatakan jika kamu ingin melihat masa hadapan sesebuah bangsa lihatlah kepada pemuda hari ini. Lanjutan itu

daripada peringkat Kerajaan Negeri kita tidak ingin melihat, kita tidak hanya ingin melihat belia pada hari ini tetapi kita ingin membentuk belia pada hari ini. Antara inisiatif yang telah ataupun yang sedang lakukan bagi tujuan tersebut ialah kita telah mewujudkan Kelantan Future Leaders Camp Institute iaitu sebuah program ataupun sebuah unit di bawah portfolio Belia, Sukan, Masyarakat dan Perpaduan Masyarakat yang memfokuskan pembinaan kepimpinan belia berasaskan idealisme, nilai, dan integriti. Jadi di bawah KFLI ini pelbagai inisiatif telah kita lakukan yang mensasarkan kepimpinan masa depan. Sebab kita percaya untuk melahirkan belia pada masa hadapan apabila kita fokus kepada melahirkan kepimpinan maka kepimpinan inilah yang akan memimpin ataupun membimbing rakan sebaya. Sebab itulah pendekatan kita ialah ingin melahirkan pemimpin-pemimpin yang mampu memimpin rakan sebaya. Jadi antara program-program yang telah kita lakukan atau yang akan dilaksanakan ialah Kelantan Future Leaders Camp, yang mana Program ini mensasarkan pelajar-pelajar peringkat menengah ke seluruh Kelantan. Termasuklah juga anak-anak muda Kelantan, perantauan ataupun yang di bawah MRSM, Asrama Penuh dan sebagainya jadi kita ingin seluruh anak-anak Kelantan bukan sahaja di bawah Yayasan Islam Kelantan yang juga berada di Sekolah Asrama Penuh dan sebagainya mendapat ataupun berjaya ditarbiah oleh Kerajaan Negeri.

Selain daripada itu kita juga mengadakan Kelantan Future Leaders Camp yang mana sasaran kita ialah lepasan SPM. Maknannya selepas dia habis SPM sebagai persediaan mereka ke Universiti atau sebagainya. Pelbagai program dan inisiatif ataupun persiapan yang kita lakukan untuk mereka memimpin apabila mereka berada di alam seterusnya. Selain daripada itu juga kita mengadakan Kelantan Future Leaders Academy yang ini InShaa-Allah akan diadakan pada awal bulan lapan nanti, 6-9 Ogos yang melibatkan kepimpinan mahasiswa anak-anak Kelantan, sama ada mereka di Persatuan Anak-anak Negeri ataupun mana-mana anak-anak muda Kelantan yang memegang kepimpinan di peringkat Universiti. Jadi kita ingin mendekati mereka dan supaya mereka juga dapat menyumbang kepada pembangunan negeri dan juga pembangunan belia Kelantan. Dan pelbagai agenda yang kita isi antaranya adalah untuk

menanam nilai kepimpinan rabbani dan patriotik serta menyemai semangat khidmat masyarakat dan kefahaman tanggungjawab sosial.

Selain daripada itu juga kita mengadakan Program Kolej Gentera di mana program ini mensasarkan belia-belia lepasan SPM sehinggalah berumur 30 tahun. Pelaksanaan bagi musim keempat dan yang berterusan dengan konsep (*Touch N Stay*) sebagai benteng kepada para belia untuk mengatasi gejala sosial. Program selain daripada itu Program Felo Darulnaim juga akan dilaksanakan bagi membina barisan pelapis pelaksana dasar dengan pendedahan langsung pada pengurusan Kerajaan dan juga dasar pembangunan dasar belia. Dan kita juga InShaa-Allah pada penghujung tahun ini akan mengadakan Konvensyen Kepimpinan Belia Kelantan dimana akan menjadi wacana pemikiran penyatuan belia dan juga peneguhan naratif belia beradab dan bertamadun.

Jadi tadi saya sebut secara umumnya fokus kita lebih kepada kepimpinan dan pada masa yang sama kita memberi perhatian kepada anak-anak muda yang lain yang berada di kawasan-kawasan ataupun di parlimen. Kerajaan Negeri turut melaksanakan pelbagai program pembangunan kerohanian dan menghayatan Al-Quran serta pengisian kesedaran isu social dalam kalangan belia secara *roadtour* dengan kaedah yang '*keno denge jiwo ore mudo*' dengan pendekatan jiwo orang mudo ke kawasan melalui program yang telah kita lakukan Anak Muda Tamu Ramadhan (AMTAR) yang mensasarkan belia-belia di parlimen-parlimen untuk memahami dan menghayati Ramadhan. Pengukuhan komuniti belia setempat melalui aktiviti kerohanian, kesukarelawanan dan khidmat masyarakat yang berterusan melalui program Rakan Muda Al-Quran sebagai medium memenuhi masa mereka dengan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat. Sebab kita yakin dengan sabda Rasulullah SAW "aku tinggalkan kamu dengan 2 perkara, kamu tidak akan sesat selamanya selagi mana kamu berpegang teguh kepadanya."

Iaitu Al-Quran Sunnah dan InShaa-Allah apabila anak-anak muda diberi kefahaman tentang islam, tentang al-quran, tentang Sunnah maka mereka akan mempunyai daya tahan yang tinggi dan tidak akan tersesat ataupun terlibat dengan gejala-gejala *negative*. Selain daripada itu pengukuhan peranan NGO Strategik melalui PEMADAM Negeri Kelantan PEMADAM

Kelantan, Persatuan Mencegah Dadah Malaysia berperanan besar sebagai rakan strategik utama Kerajaan Negeri dalam menangani isu penyalahgunaan dadah dan juga pengaruh *subculture* negatif. Beberapa sesi libaturus, *retreat* PEMADAM serta Bengkel Plan Jihad ataupun Bengkel Plan Jihad Strategik Perangi Dadah yang telah dijalankan oleh PEMADAM Negeri Kelantan bentuk tindakan bagi menjalankan program kesedaran, pencegahan awal dan advokasi di sekolah, kampus dan komuniti dengan pendekatan pendidikan dan juga intervensi. Kerjasama yang erat di antara Urus Setia Belia & Sukan, NGO-NGO Strategik, PEMADAM, AADK dan NGO belia akan membantu mencipta ekosistem sokongan untuk belia yang terdedah kepada risiko gejala sosial.

Sekian terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Salor soalan tambahan.

YB TUAN SAIZOL B ISMAIL :

Terima kasih Yang Berhormat EXCO atas jawapan. Dan kita sedia maklum dan lihat banyak inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam kita membangunkan jati diri anak belia Kelantan kita. Dan selaras dengan vision Kelantan Future State 2033 dan kita letakkan sasaran satu daripada elemennya melahirkan anak muda belia kalis masa hadapan setahu saya. Cuma sebagaimana sebelum ini biasa disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Besar berkaitan dengan *Endorsement* Rakyat Kelantan. Cuma saya nak fokus kepada belia, adakah hasrat pihak Kerajaan Negeri untuk menilai suatu yang boleh kita namakan sebagai Indeks Sosial Taqwa Anak Kelantan selaras dengan hasrat pihak Kerajaan Negeri sendiri dan elemen yang sebagaimana saya sebut tadi.

Terima kasih.

YB TUAN ZAMAKHSHARI BIN MOHAMAD:

Terima kasih Salor atas soalan tambahan, dimana cadangan untuk mewujudkan ataupun membangunkan Indeks Sosial Taqwa Anak Muda Kelantan sangat bertempatan dengan semangat DAMAK. Dan dasar Pembangunan Belia berpaksikan nilai Islam. Dimana komitmen terhadap pemantaun yang berdasarkan *output* dan *outcome* pihak di

bawah Jawatankuasa Belia & Sukan, NGO dan perbadanan masyarakat kita fokus terhadap setiap program kita setiap program-program yang disusun akan memberi focus kepada berdasarkan *outcome*, bukan kata Program *one off*. Mana kita melihat kepada *outcome* dia. Seperti yang disebut di dalam dasar Pelaksanaan Kerajaan Negeri telah mula membina system kawalan dan nilaian yang berasaskan *output* dan *outcome* serta juram prestasi tahunan program-program belia. Maknanya setiap program yang kita adakan, kita akan melihat hasil dia apa sasaran dia dan apa ruang-ruang penambahbaikkan yang perlu kita lakukan.

Selain daripada itu, Pembangunan Pusat Data dan Belia yang ada juga Ekosistem Alumni peserta-peserta atau belia-belia yang mengikuti program-program yang dianjurkan. Dimana ia kini diperingkat pembangunan dimana Pusat Belia Negeri Kelantan akan menjadi platform pengumpulan maklumat ***longitudinal*** belia yang boleh digunakan sebagai asas bagi pembangunan indeks yang seperti dicadangkan. Apabila semua bahan-bahan tersebut maka kita dapat melihat *item-item* atau perkara-perkara yang kita boleh nilai untuk indeks tersebut.

Dimana potensi "*Indeks Sosio-Taqwa*" tersebut Pusat Data Belia Taqwa ini boleh menjadi ukuran strategik untuk menilai tahap jati diri Islam dan amalan sosial, literasi agama digital, serta keterlibatan belia dalam kegiatan dakwah dan juga khidmat masyarakat. Dan akhir sekali kerjasama akademik dengan agensi negeri terbuka kepada Kerajaan rintis bersama dengan IPTA, IPTS di Kelantan dan juga agensi agama untuk membangun model indeks ini. Sekaligus meningkatkan keupayaan pemantauan dasar belia Islam negeri. InShaa-Allah.

Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya berhasrat untuk menangguhkan persidangan kita pada pagi ini. Dewan akan bersambung semula pada jam 11.40 pagi. Marilah kita menangguhkan sidang kita pada pagi ini dengan Tasbih Kafarrah dan Surah Al-Asr.

PERSIDANGAN DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 11.40 PAGI DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA ESOK HARI 22 JULAI 2025 PADA JAM 09.00 PAGI.

HARI KEDUA 22 JULAI 2025

**PERSIDANGAN KALI KEDUA
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI KELANTAN KELIMABELAS**

=====

**[26 MUHARAM 1447H / 22HB JULAI 2025]
AHLI-AHLI YANG HADIR**

BIL	NAMA	KAWASAN
1.	YB DATO' SRI AMAR D'RAJA DATO' HJ MOHD AMAR B ABDULLAH <i>S.J.M.K.,D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)</i>	PANCHOR / SPEAKER
2.	YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' HJ MOHD NASSURUDDIN B HJ DAUD <i>S.J.M.K.,D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Pentadbiran Awam, Kewangan, Ekonomi & Tanah)	MERANTI / MENTERI BESAR
3.	YB DATO' DR. HJ MOHAMED FADZLI B DATO' HJ HASSAN <i>D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wilayah, Sumber Asli, Integriti, Pembangunan Insan & Undang-undang)	TEMANGAN / TIMBALAN MENTERI BESAR
4.	YB MEJ. (B) DATO' HJ MD ANIZAM B AB RAHMAN <i>D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan & Keusahawanan)	KEMAHANG
5.	YB DATO' DR. IZANI B HAJI HUSIN <i>D.J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Kerjaraya, Infrastruktur, Air & Pembangunan Luar Bandar)	KIJANG
6.	YB DATO' TUAN HJ SARIPUDIN B TUAN ISMAIL <i>D.J.M.K., J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan & Komoditi)	SELISING

HARI KEDUA 22 JULAI 2025

7.	YB DATO' HJ WAN ROSLAN B WAN HAMAT <i>D.J.M.K., J.M.K., A.S.K.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital & Inovasi)	PENGKALAN KUBOR
8.	YB TUAN MOHD ASRI B MAT DAUD <i>J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan & Hubungan Seranta)	DEMIT
9.	YB TUAN HILMI B ABDULLAH (Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan & Alam Sekitar)	GUCHIL
10.	YB PUAN HJH ROHANI BT IBRAHIM <i>J.M.K., S.M.K.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga & Wanita)	TANJONG MAS
11.	YB TUAN ZAMAKHSHARI B MUHAMAD <i>J.M.K</i> (Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, NGO & Perpaduan Masyarakat)	APAM PUTRA
12.	YB DATUK KAMARUDIN B MD NOR <i>D.M.S.M.,A.M.N.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian & Warisan)	AYER LANAS
13.	YB DATO' MOHAMED FARID B MOHAMED ZAWAWI <i>D.I.M.P.</i>	KOK LANAS / TIMBALAN SPEAKER
14.	YB DATO' BENTARA KANAN USTAZ DATO' HJ AHMAD B YAKOB <i>S.J.M.K.,D.J.M.K.,S.M.K.,J.P.</i>	PASIR PEKAN
15.	YB DATO' SR HJ AZAMI B MOHD NOR <i>D.J.M.K.,J.M.K.</i>	KADOK
16.	YB DATO' HJ ABDUL FATTAH B MAHMOOD <i>D.J.M.K.,J.M.K.</i>	BUKIT PANAU
17.	YB DATO' HJ ABD. RAHMAN B YUNUS <i>D.J.M.K, J.M.K.</i>	PASIR TUMBOH

HARI KEDUA 22 JULAI 2025

18.	YB TUAN HJ MOHD FAUZI B ABDULLAH <i>J.M.K</i>	MANEK URAI
19.	YB TUAN HJ MOHD HUZAIMY B CHE HUSSIN <i>J.M.K.,A.K.</i>	PANTAI IRAMA
20.	YB TUAN ROZI B MUHAMAD <i>J.M.K</i>	TENDONG
21.	YB TUAN AZHAR B SALLEH <i>A.S.K.</i>	PULAI CHONDONG
22.	YB TUAN HJ ZURAIDIN B ABDULLAH <i>J.M.K</i>	CHETOK
23.	YB TUAN MOHD RUSLI B ABDULLAH	WAKAF BHARU
24.	YB KU MOHD ZAKI B KU HUSIN <i>S.M.K</i>	DABONG
25.	YB TUAN MOHD RODZI B JAAFAR	GAAL
26.	YB TUAN HJ MOHD ADANAN B HASSAN <i>J.M.K.</i>	KELABORAN
27.	YB TUAN WAN ROHIMI B WAN DAUD <i>A.K.,J.S.M.</i>	MELOR
28.	YB TUAN KAMARUZAMAN B MOHAMAD <i>J.S.M.</i>	GUAL PERIOK
29.	YB TUAN NIK BAHRUM B NIK ABDULLLAH <i>A.S.K.</i>	CHEMPAKA
30.	YB TUAN BAHARI B MOHAMAD NOR	GUAL IPOH
31.	YB PUAN NOR ASILAH B MOHAMED ZIN	LIMBONGAN
32.	YB TUAN ZAMERI B MAT NAWANG	JELAWAT
33.	YB TUAN MOHAMAD NASRIFF B DAUD @ DAUD YATIMEE	PENGKALAN PASIR
34.	YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN <i>A.K.</i>	BUNUT PAYONG

HARI KEDUA 22 JULAI 2025

35.	YB DATO' SHAARI B MAT HUSSAIN <i>D.P.T.J.</i>	PALOH
36.	YB DATO' ABDUL HADI B AWANG KECHIL <i>D.P.S.K., P.S.K. (Kelantan), J.M.N., K.M.N.</i>	KUALA BALAH
37.	YB TUAN ZUBIR B ABU BAKAR	MENGKEBANG
38.	YB TUAN SAIZOL B ISMAIL	SALOR
39.	YB TUAN HARUN B ISMAIL	TAWANG
40.	YB TUAN AHMAD ZAKHRAN B MAT NOOR	KEMUNING
41.	YB TUAN MOHD ALMIDI B JAAFAR	BUKIT BUNGA
42.	YB TUAN NOR SHAM B SULAIMAN	SEMERAK
43.	YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI B HJ. ABDUL GHANI	NENGGIRI
44.	YB DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM	KOTA LAMA
45.	YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN B HASHIM <i>J.M.K.</i>	GALAS

HARI KEDUA 22 JULAI 2025

**AHLI MENURUT
PERKARA X111 (3)
UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN TUBUH KERAJAAN
KELANTAN,
BAHAGIAN PERTAMA**

YBM TENGKU KAYA PERKASA
DATO' DR TENGKU MOHAMED FAZIHARUDEAN BIN TENGKU
FEISSAL
[SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN]
S.P.S.K, D.J.M.K. (Kelantan)

YB DATO' IDHAM BIN HAJI ABD GHANI
[PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI KELANTAN]
D.P.S.K. (Kelantan)

YB DATO' ROSNAZLI BIN HAJI AMIN
[PEGAWAI KEWANGAN NEGERI KELANTAN]
S.P.S.K, D.P.S.K.(Kelantan)

**SETIAUSAHA DEWAN NEGERI
KELANTAN**

[MOHD FADZIL AZNAN BIN ABDUL AZIZ]

A.S.K.

HARI KEDUA 22 JULAI 2025

**PERSIDANGAN KALI KEDUA
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI KELANTAN
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025
PADA 25, 26 DAN 27 MUHARAM 1447H BERSAMAAN
21HB, 22HB DAN 23HB JULAI 2025/
ISNIN, SELASA DAN RABU**

=====

SETIAUSAHA:

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Persidangan Kali Kedua Bagi Tempoh Penggal Ketiga, Dewan Negeri Kelantan yang Kelimabelas. **HARI KEDUA.**

Al-Fatihah.

I. .. DOA.

[SAMBIL BERDIRI]

SETIAUSAHA: Susunan Urusan Persidangan Yang Pertama, Bacaan Doa....

II. .. SOALAN-SOALAN YANG DIBERITAHU

Soalan-soalan yang diberitahu, soalan-soalan yang dikemukakan untuk mendapat **Jawapan Mulut.**

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Dipersilakan Yang Berhormat Melor.

YB TUAN WAN ROHIMI B WAN DAUD:

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pohon jawapan daripada soalan saya nombor 1. Terima kasih.

Soalan Nombor 1:

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, berapakah kadar Pemberian Ikut Kepala (Pemberian dan Sumber Hasil yang diserahkan kepada Negeri) berdasarkan Bahagian 1 Jadual Kesepuluh, Perkara 109 (1)(a) Perlembagaan Persekutuan kepada Negeri Kelantan, dan bilakah kali terakhir kadar ini disemak oleh Kerajaan Persekutuan serta berapa jumlah tahunan yang dibayar kepada Kerajaan Kelantan bagi tempoh 10 tahun terakhir.]

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Melor yang mengemukakan soalan.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

قال الله تعالى :

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

وَالْبَغْيِ يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

Sesungguhnya Allah SWT menyuruh kamu berlaku adil dan berbuat kebajikan serta memberi hak kepada kaum kerabat dan Allah melarang kamu daripada melakukan perbuatan yang keji dan mungkar serta Allah melarang kamu daripada kamu lakukan kezaliman, Allah memberi nasihat pengajaran kepada kamu supaya kamu mendapat mengambil pelajaran daripadanya.

Kadar pemberian ikut kepala berdasar kepada Bahagian 1 jadual Kesepuluh perkara 109 (1)(A) Perlembagaan Persekutuan kepada negeri

Kelantan sebelum ini yang dikuatkuasakan melalui Undang-undang Malaysia Perlembagaan Persekutuan PU(A)164/2009 adalah sebagaimana berikut. Bagi 100,000 ribu orang yang pertama mengikut kadar RM72.00 bagi tiap-tiap orang. Bagi 500,000 ribu orang yang berikutnya mengikut kadar RM10.20 bagi tiap-tiap orang. Bagi 500,000 ribu orang yang berikutnya mengikut kadar RM10.80 bagi tiap-tiap orang. Bagi yang selebihnya mengikut kadar RM11.40 bagi tiap-tiap orang.

Kadar ini tidak disemak sejak daripada tahun 2002 lagi, dalam mesyuarat Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri pada tahun yang lepas saya mewakili Negeri Kelantan telah mengemukakan usul supaya geran per kapita dikaji semula. Memandangkan kadar semasa yang diguna pakai adalah yang telah dikuatkuasa mulai pada 1 Januari 2002. Alhamdulillah, cadangan saya ini dipersetujui oleh semua menteri-menteri besar dan mendapat respon yang agak positif daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Yang Berhormat Perdana Menteri menyatakan bahawa beliau sedar bahawa kadar ini kadar lama. Yang sepatutnya dikaji tetapi kerajaan juga mempunyai kekangan kewangan. Walaubagaimanapun PM menyatakan kesediaan untuk dibuat kajian balik dan dinaikkan mengikut kadar kemampuan Kerajaan Persekutuan.

Dan Alhamdulillah dalam Mesyuarat Majlis Kewangan Negara tahun 2025, tahun ini yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bersetuju untuk menaikkan kadar pemberian mengikut kepala dengan kenaikan secara purata dibayar secara purata 24.9 % dibayar mulai tahun 2026 melibatkan negeri-negeri. Mulai tahun hadapan, InShaa-Allah. Kadar baru yang telahpun dipersetujui di dalam mesyuarat tersebut 100,000 ribu orang yang pertama dinaikkan daripada kadar RM72.00 seorang kepada RM102.00 seorang. Manakala 500,000 ribu orang berikutnya dinaikkan daripada RM10.20 seorang kepada RM14.00 seorang, 500,000 ribu orang berikutnya dinaikkan daripada RM10.80 seorang kepada RM13.50 seorang. Bagi bilangan orang selebihnya dinaikkan kepada RM11.40 seorang kepada RM 13.00 seorang.

Kerajaan Negeri telah menerima pemberian mengikut bilangan orang dari tahun 2015 hingga 2025 berjumlah RM291.06 Juta. Iaitu tahun 2015 RM24.75 Juta, tahun 2016 RM25.06 Juta, tahun 2017 RM25.37 Juta, tahun 2018 RM25.69 Juta, tahun 2019 RM26.03 Juta, 2020 RM26.38 Juta, 2021 RM26.75 Juta, 2022 RM27.14 Juta, 2023 RM27.54 Juta, 2024 RM27.96 Juta manakala tahun 2025 RM28.9 Juta.

Sekian.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Melor, tiada soalan tambahan? Dipersilakan, Gual Ipoh.

YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR:

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Dari Tanah Merah ke Kota Bharu, menghadiri Persidangan Dewan Undangan Negeri, Alhamdulillah hari kedua nampak bertambah meriah. Ahli Dewan indah berseri-seri.

Boleh la dok?

Jadi soalan saya sebenarnya Apakah Rasional Kerajaan Negeri dalam merancang bajet tahunan ataupun berdasarkan kepada anggaran pemberian daripada Persekutuan ataupun Projek?

Dan apakah terdapat sekiranya Pelan Kontigensi sekiranya kadar pemberian ikut per kepala berkurang akibat daripada pindaan perundangan ataupun pemberian daripada pusat tidak sebagaimana yang dirancang?

Terima kasih.

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Gual Ipoh. Gapo? Guillemard.
(Ketawa kecil)

[KEDENGARAN GELAK KETAWA DARI AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI]

Terima kasih di atas soalan tambahan yang dikemukakan. Rasional utama Kerajaan Negeri Kelantan merencanakan bajet tahunan berdasarkan pada anggaran kadar pemberian Kerajaan Persekutuan adalah berasaskan kepada tanggungjawab Kerajaan Persekutuan menurut perkara 109 (1) Perlembagaan Persekutuan yang dibaca bersama bahagian 1 jadual kesepuluh. Ini tanggungjawab dan semua kita tahu bahawa Kerajaan Persekutuan ini terbentuk hasil daripada kerajaan-kerajaan negeri. Asalnya tak dok Kerajaan Persekutuan ni, ada kerajaan-kerajaan negeri sebab tu di Kelantan dulu di Kelantan dia tidak panggil Menteri Besar dia panggil Dato' Perdana Menteri, Dato' Perdana Menteri maknanya itu suatu seolah negara dulu. Pemerintahan asing Kelantan dia ada Perdana Menteri dia negeri lain dia ada Perdana Menteri dia samaada gelaran macam-macam tapi seolah Perdana Menteri kemudian kita bila kita nak mencapai kemerdekaan makna kita bersetuju. Ini sejarah bersetuju kerajaan-kerajaan negeri bergabung mewujudkan suatu Kerajaan Persekutuan sebab itu Kuala Lumpur itu sendiri adalah milik Selangor sebenarnya. Asalnya Selangor, Kerajaan Pusat ni tidak wujud sebelum ini kemudian Selangor bagi Kuala Lumpur menjadi hak Persekutuan.

Begitu juga Putrajaya, Putrajaya adalah hak Selangor asalnya. Labuan, Labuan hok Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan. Jadi ini adalah hak. Hak kita dan Kerajaan Pusat pun tahu perkara ini dan sedar perkara ini. Dan mereka Alhamdulillah pusat pun laksanakan tanggungjawab kita ucap terima kasih. Terimaan Kerajaan Persekutuan merupakan sebahagian daripada sumber hasil penting yang menyumbang kepada pendapatan kerajaan.

Untuk tahun 2025 terimaan Kerajaan Persekutuan berjumlah 36.64 % daripada jumlah keseluruhan hasil negeri. Jadi bukan, bukan semua dok 36, baki tu hasil negeri. Manakala lain-lain pendapatan utama disokong oleh sumber dalam negeri khususnya hasil tanah, hasil berkaitan sumber asli dan galian dan bagi memastikan kedudukan kewangan negeri kekal stabil Kerajaan Negeri sentiasa menekankan kepada perancangan fiskal yang realistik sejajar dengan sumber sebenar yang boleh dijangka diterima berasaskan kepada trend terimaan sebenar iaitu ke atas bajet berimbang dan berhemah melaksanakan kawalan perbelanjaan berasaskan keutamaan dan

dasar penjimatan serta menggalakkan pelaksanaan penswastaan projek-projek pembangunan manakala bantuan per kapita dia, kita tidak jangka berkurangan, malah bertambah saya ada sebut dah dalam Majlis Kewangan Negera, telahpun dipersetujui semua setuju Majlis Kewangan Negara pengerusikan oleh Perdana Menteri akan dinaikkan saya sebut dah tadi 10,000.00 pertama dinaikkan daripada RM72.00 seorang kepada RM102.00, jadi maksudnya dia tidak akan berkuranglah dia akan bertambah sebab bilangan rakyat kita pun bertambah. Bila bertambah jadi bantuan per kapita mengikut kepala pun juga akan bertambah. Sekian.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Dipersilakan Gual Periok dahulu.

YB TUAN KAMARUZAMAN B MOHAMAD:

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, Alhamdulillah di atas penjelasan yang baik diberikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang berkenaan konsep *Federalisme* dan juga tanggungjawab Kerajaan Persekutuan terhadap Kerajaan Negeri.

Jadi berdasarkan ada satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Sri Zahid Hamidi pada 11 Julai 2025, menarik kenyataan ini. Iaitu tanpa peruntukkan persekutuan pembangunan di Kelantan tercorot. Jadi mohon apa pandangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar terhadap kenyataan ini?

Terima kasih.

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR:

Terima kasih kepada Gual Periok. Dia sebenarnya tanpa, tanpa macam mana itu hak. Tanpa pemberian suami kepada isteri, isteri tidak akan dapat bantuan kewangan. Tidak boleh tanpa. Itu hak...

[KEDENGARAN KETUKAN MEJA DARI AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI]

Tanpa tu pun kita tidak boleh sebab hak jadi nanti orang boleh buat tanggapan tanpa Kerajaan-kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan tidak akan wujud. Jadi tidak boleh tanpa itu. Pertama sekali saya ingin menegaskan bahawa sistem

pemerintahan negara ini dibina atas asas persekutuan. Yang termaktub dalam perlembagaan persekutuan. Dalam semangat ini Kerajaan Persekutuan memikul tanggungjawab berperlembagaan untuk menyalurkan peruntukkan kepada setiap negeri. Bukan sahaja Kelantan tapi di setiap negeri tanpa mengambil kira tentang latar belakang politik.

Peruntukan-peruntukan ini bukanlah bersifat ihsan politik, tidak. Tetapi merupakan hak perlembagaan yang wajib disalurkan kepada semua negeri. Bukan ihsan sebab kalau dalam ayat yang saya baca dalam muqaddimah yang saya baca sekejap tadi Allah berfirman بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ, Allah memerintah kamu supaya berlaku adil dan berbuat ihsan. Ayat ini selalu dibaca oleh Khatib hari Jumaat, ayat ni ayat yang wajib dibacalah walaupun boleh baca ayat lain tapi dibaca ayat ini.

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

Yang pertama, Allah memerintah berlaku adil. Yang kedua, Allah memerintah supaya berbuat ihsan. Apa beza adil dengan ihsan? Barangkali kita rasa seolah sama bila adil tu orang ni dah tu berlaku ihsan, tidak. Adil ni makna adil وضع الشيء في موضعه adil makna meletak sesuatu kena pada tempat, itu makna adil. Apa makna ihsan? Ihsan memberi makna yang lebih mendalam, Nabi Isa AS menyebut ليس الإحسان أن تحسن إلى من أحسن إليك ولكن الإحسان أن تحسن إلى من أساء إليك dia kata ihsan itu bukan kamu berbuat baik kepada orang yang berbuat baik kepada kamu kalau kamu berbuat baik kepada orang yang buat baik kepada kamu, itu biasa. Semua orang tahu bila buat baik kito, kito buat baik kokre. Orang berbuat baik kepada kita, kita berbuat baik kepada orang. Orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa. Semua orang tahu, tapi kata Nabi ISA ولكن الإحسان أن تحسن إلى من أساء إليك tapi Ihsan yang sebenarnya ialah boleh buat baik kepada orang yang buat jahat kepada kamu. Kalau kita buat baik kepada orang yang buat baik itu belum ihsan lagi. Ihsan ini arti kita berbuat baik kepada orang yang berbuat jahat kepada kita, sebab itu saya setuju sebut nama Duit Ihsan, sebab dia keno bagi banyok lagi. Ihsan ni kalau orang berbuat jahat kepada kita pun, kita keno bagi banyok lagi. Itu nama dia ihsan. Kalau orang berbuat baik kepada kita, kita balas baik. Itu dia panggil المكافأة بالخير. Itu baik dibalas dengan baik, itu biasa. Yang Islam nak luar biasa,

orang Indonesia kata “luar biasa, pak”. Tu hak Islam nak, Ihsan ni maknanya luar biasa. Luar biasa.

Jadi sebabtu saya mudoh bila nama Al-Ihsan, saya mitok banyak la sebab itu luar biasa. kalau kita berbuat baik kepada orang berbuat baik, itu biasa. kita boleh buat baik kepada orang yang buat jahat kepada kita. Itu Ihsan, Ihsan. Jadi tapi itu saya sebut dari segi hubungan Alhamdulillah tak ada masalah. Tak ada masalah, Alhamdulillah.

Jadi takpelah, mungkin ucapan-ucapan biasalah time penyokong tu kade-kade penyokong ni duk pong kut bawoh kade-kade. Pemimpin tak belah mana kade-kade nyer. Bilo anak buah duk pong ni, dio tertubik belako lah. Jadi ambo yakin bahawa pimpinan-pimpinan di peringkat pusat samada PM dan Timbalan Perdana Menteri pun tahu tentang perkara ini dan mereka melayan negeri dengan baik. Saya ucap terima kasih, cuma dalam masa-masa yang tertentu tu, bila datang ke Kelantan boleh jadi anak buah. Cuma ambo harap YB Galas boleh slow sikit anak buah, jange duk cocoh apa nama ni Presiden kuat sangat nyaknyo deh. Jadi mudah kita nak berunding pun mudah, saya ucap ribuan terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Silakan Galas.

YB. TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN B HASHIM:

Dato' Speaker, terima kasih banyak-banyak. Saya nak ucap tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana berjaya berubah takrif tadi. Dalam dewan ini jugak Yang Amat Berhormat Menteri Besar pernah menyatakan bahawasanya sepanjang Yang Amat Berhormat Menteri Besar jadi Menteri Besar, PMX tidak pernah nafikan permintaan dan permohonan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Pada pandangan ataupun pengetahuan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sejak daripada tahun 1990 sehinggalah Yang Amat Berhormat Menteri Besar menjadi Menteri Besar wujud ataupun tidak pemberian wajib ini tidak diberi kepada Kerajaan Negeri Kelantan? Pertama. Yang kedua, tadi bila Yang Amat

Berhormat sebut soal ihsan dan sebagainya saya amat bersetuju lah dengan apa yang dikatakan itu. Apa pandangan Yang Amat Berhormat apabila PMX hubungan nya baik dengan negeri Kelantan terutamanya dengan Yang Amat Berhormat MB dan PMX sentiasa laksanakanlah apa yang diminta oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Maknanya dia telah berbuat baik kepada kita. Apa pandangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar berkenaan dengan “Himpunan Turun Anwar” 26/07/25 ni.

Dan adakah Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga akan turut sama menghadiri himpunan ini sebagaimana yang diajak oleh beberapa EXCO kita dalam dewan ini.

Ore buat tak baik kepada kita, kita berbuat baik kepada ore. Nih orang berbuat baik doh kepada kita ni, adakah kita pun akan terlibat juga?
Saya mintak pandangan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar.
Terima kasih.

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

Terima kasih Yang Berhormat Galas. Yang Berhormat Dato Speaker, soalan ini tidak ada kaitan dengan soalan asal. Maka saya tidak boleh menjawab lah.

[KEDENGARAN GELAK KETAWA DARI AHLI YANG BERTHORMAT]

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Okay baik, kita teruskan dengan Yang Berhormat Salor.

YB TUAN SAIZOL B ISMAIL:

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Amat Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan bagi soalan saya nombor 2.

Soalan 2:

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, dasar semasa terhadap penjawat awam negeri dalam aspek integriti dan profesionalisme?]

YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Alhamdulillah Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Salor. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang Menteri Besar diatas jawapan untuk soalan yang pertama dan juga soalan-soalan tambahan. Sedap kita dengar jawapan daripada Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang.

Untuk soalan yang kedua, terima kasih kepada Salor dan saya mohon keizinan daripada Yang Berhormat Dato' Speaker untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan nombor 28 daripada Yang Berhormat Pasir Tumboh berkenaan dengan Dasar Semasa Terhadap Penjawat Awam Negeri dari Aspek Integriti dan Profesionalisme.

Yang Berhormat Dato' Speaker, antara pelan Integriti Pengurusan Anti-Rasuah yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi menjamin ketulusan urus tadbir adalah sebagaimana berikut. Yang pertama kita telah menubuhkan Unit Integriti di semua agensi awam selaras dengan pekeliling perkhidmatan bilangan 6 tahun 2013. Semua agensi awam hendaklah menubuhkan unit integriti sebagai kawalan dalaman oleh agensi untuk menguruskan integriti dalam organisasi. Selain itu, kerajaan negeri juga sedang dalam tindakan untuk menubuhkan unit integriti di semua unit pihak berkuasa tempatan ataupun PBT di negeri Kelantan selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tata Kelola. Peringkat Nasional Siri 4 Bilangan 1 Tahun 2025 dan perkara ini telahpun diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Kedua 2025 yang bersidang pada 5 Februari 2025.

Yang kedua, kita juga ada Pelan Anti-Rasuah Kelantan ataupun Kelantan Anti-Corruption Plan, KACP. Pelan Anti-Rasuah Kelantan 2020 hingga 2024 ini telah dibangunkan selari dengan dasar dan pelan peringkat nasional iaitu Pelan Anti-Rasuah Nasional 2019 - 2023 dengan matlamat untuk membudayakan Amalan Integriti dalam Penyampaian dan Perkhidmatan dan berpaksikan konsep Ubudiyyah, Mas'uliyah dan Itqan. Selaras dengan Pembangunan (KACP) ataupun Kelantan Anti-Corruption Plan dan juga (NACP) ataupun National Anti-Corruption Plan yang saya sebutkan tadi Kerajaan Negeri juga sedang dalam perancangan untuk membangunkan Strategi Pembanterasan Rasuah Kelantan berteraskan strategi Pembanterasan Rasuah Nasional.

Yang ketiga, Pelan Anti-Rasuah Organisasi, kerajaan negeri juga telah mewajibkan semua 11 Pejabat Tanah dan Jajahan dan 12 pihak berkuasa tempatan Negeri Kelantan membangunkan Pelan Anti-Rasuah Organisasi masing-masing. Pelan ini telah siap dibangunkan dan dilancarkan pada November 2024 Sempena Sambutan Hari Integriti Peringkat Negeri Kelantan tahun 2024.

Kerajaan Negeri juga sedang dalam tindakan untuk membangunkan Pelan Anti-Rasuah Organisasi kepada Syarikat Milik Kerajaan (GLC), iaitu Yayasan Kelantan Darul Naim (YAKIN), Yayasan Islam Kelantan (YIK), Perbandaraan Bandar Baru Tunjong, Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan. Seterusnya pelan sistem Pengurusan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Anti-Rasuah, MS ISO 370012016.

Pejabat SUK Kelantan telah menerima penarafan sistem pengurusan Anti-Rasuah sejak Ogos 2019 daripada Sirim Kos International Sdn. Bhd., Sistem Pengurusan Anti-Rasuah MS ISO 370012016 ini merupakan satu sistem bagi membantu satu organisasi mencegah, mengesan dan bertindak balas terhadap gejala rasuah. Seterusnya, Pembangunan Polisi Kerajaan Negeri Kelantan melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri telah membangunkan tiga polisi utama berkaitan integriti dan tadbir urus iaitu yang pertama polisi anti-rasuah, polisi ini merangkumi dasar procedure dan kawalan dalaman untuk mencegah, mengesan dan tindakan yang perlu diambil terhadap rasuah.

Yang kedua polisi pemberi maklumat ataupun (*Whistleblower*), polisi ini bertujuan untuk menyediakan saluran rasmi kepada penjawat awam dan orang awam untuk melaporkan salah laku penyelewengan dan rasuah. Polisi ini menjamin perlindungan identiti dan tidak membenarkan sebarang tindakan balas terhadap pemberi maklumat sejajar dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 ataupun Akta 711. Dan yang ketiga Polisi Hadiah, Polisi ini bertindak sebagai medium untuk mengawal pegawai dan kakitangan dalam penerimaan sebarang bentuk hadiah daripada orang atau pihak yang mempunyai hubungan kerja, urusan rasmi ataupun kepentingan dengan jabatan.

Seterusnya, Program Pendidikan dan Kesedaran Integriti, kerajaan negeri melalui Bahagian Integriti dan Tadbir Urus, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan mengadakan kursus daripada masa ke semasa dan juga ceramah integriti kepada penjawat awam negeri Kelantan bagi membentuk budaya kerja beretika mencegah rasuah di samping memperkukuh tadbir urus sesebuah organisasi. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Silakan, Salor.

YB TUAN SAIZOL B ISMAIL:

Okay, terima kasih Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri Besar di atas jawapan yang diberikan. Dan terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah lah kepada Kerajaan Negeri sepanjang pemerintahan daripada dasar yang dibawa oleh Almarhum Tuan Guru sehingga sekarang yang disambung oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Penghayatan Membangun Bersama Islam dengan pendekatan budaya kerja Ummi yang sepertimana disebut oleh Timbalan Menteri Besar sebentar tadi. Cuma kadang-kadang secara praktikalnya kita menjalankan program-program kita tidak dalam isitilahnya dalam bentuk berkala, adakah di pihak kerajaan negeri berhasrat untuk mewajibkan atau meletakkan satu latihan berkala yang lebih praktikal kita lihat kepada penjawat-penjawat awam dan juga penjawat GLC yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri Besar sebentar tadi? Terima kasih.

YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN:

Terima kasih di atas soalan-soalan tambahan tersebut. Ya, Program Integriti Penjawat Awam dilaksanakan secara berkala dan memang ada iaitu bertujuan untuk mewujudkan nilai-nilai murni dan juga etika dalam kalangan penjawat awam. Ini termasuk jugak lah dengan kebudayaan integriti akauntabiliti dan profesionalisme dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab.

Kerajaan Negeri juga mewajibkan latihan integriti diadakan secara berkala sekurang-kurangnya 4 ataupun 5 program setahun kepada semua penjawat awam bermula daripada kumpulan pengurusan tertinggi hingga kumpulan pelaksana dan dikendalikan oleh Bahagian Integriti dan Tadbir Urus dan selain itu Kerajaan Negeri juga melaksanakan Program Integriti sebagaimana yang disebutkan tadi sekali setahun khusus kepada kontraktor (GLC) bagi mencapai pelaksanaan subjek objektif sistem pengurusan Anti-Rasuah Pejabat SUK Negeri Kelantan. Bahagian Integriti Dan Tadbir Urus juga turut membantu Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (SPRM) dalam memantau pelaporan pelaksanaan aktiviti unit integirti dan juga *governance*. Dan maklum balas penarafan risiko syarikat yang berkaitan dengan kerajaan ataupun GLC yang disebutkan tadi. Syarikat yang dimiliki oleh kementerian dan agensi kerajaan termasuk di bawah kerajaan negeri sendiri.

Selain itu bagi memperkukuh Integriti dalam perolehan kerajaan, kerajaan negeri turut guna memakai pakai Integrity Pack ke atas kontraktor GLC dan penjawat awam yang terlibat. Integriti Pack merupakan satu dokumen yang wajibkan kontraktor untuk tidak terlibat dalam rasuah ataupun amalan tidak beretika dalam perolehan kerajaan.

Saya harap jawapan saya itu memenuhi kehendak soalan tambahan daripada Salor. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Silakan, Pulai Chondong.

YB TUAN HAJI AZHAR BIN SALLEH :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebelum saya ajukan soalan tambahan saya nak berpantun sedikit.

*Bread is roti, Shadow is bayang,
Before you mati better you sembahyang.*

Pantun tazkirah sedikit tu, soalan tambahan saya. Adakah kerajaan negeri bercadang untuk memberikan imbuhan ataupun insentif kepada mana-mana penjawat awam yang berjaya menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi bagi meningkatkan lagi pengetahuan mereka? InShaa-Allah sekian terima kasih.

YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN:

Terima kasih kepada Pulai Chondong. Nasib baik pantun tadi tazkirah, kalau dok saya boleh jawab takdok keno mengeno dengan soalan asal. Tapi soalan tadi adalah soalan spot saya, naik rupanya soalan spot itu. Buat masa ini tiada sebarang imbuhan kenaikan gaji diberikan kepada penjawat awam yang berjaya menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi seperti Ijazah, Sarjana ataupun PhD. Walaupun begitu kelulusan akademik yang lebih tinggi boleh memberi kelebihan kepada penjawat awam untuk memohon kenaikan pangkat ataupun penyesesuaian gaji berdasarkan kelayakan baharu tertakluk kepada kekosongan lah dan juga tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa. Di samping itu, kerajaan negeri menyediakan pelbagai kemudahan dan sokongan bagi menggalakkan penjawat awam menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi seperti cuti belajar bergaji penuh untuk pengajian sepenuh masa, cuti belajar separuh gaji ataupun tanpa gaji. Penjawat awam yang mengikuti pengajian secara separuh masa juga boleh diberikan pelepasan masa oleh ketua jabatan bagi tujuan pengajian. Kemudahan-kemudahan ini telah dipanjangkan kepada kakitangan berstatus jawatan negeri berasas caruman ataupun (GMBC). Jawatan

yang berasaskan caruman GBC dan Contract For Services ataupun (CFS) melalui perkeliling perkhidmatan negeri bilangan 4 tahun 2025 berkuatkuasa 1 Jun 2025.

Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Silakan, Tendong.

YB TUAN ROZI B MUHAMAD:

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Dan tahniah kepada pihak kerajaan atas usaha-usaha yang dilakukan sepanjang tempoh pentadbiran dalam meningkatkan integriti penjawat-penjawat awam. Bila kita sebut sebagai penjawat awam ini, sudah tentu lah merangkumi Yang Amat Berhormat Menteri Besar, EXCO-EXCO dan juga Ketua Jabatan dan seluruh penjawat awam Negeri Kelantan.

Soalan saya nya ialah kalau tidak perlukan kepada notis lah untuk jawapan ini sebab melibatkan angka. Dalam tempoh sepanjang pentadbiran bermula daripada tahun 1990. Kerajaan Negeri Kelantan ini selepas daripada pilihan raya dan Kerajaan Pas yang menerajui Kerajaan Kelantan. Berapakah jumlah kakitangan ataupun pegawai-pegawai kerajaan ini yang terlibat dengan kes-kes rasuah yang telah dijatuhkan hukuman melibatkan kes-kes mahkamah yang melibatkan kes rasuah, pecah amanah ataupun salah guna kuasa sepanjang tempoh 35 tahun Pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan ini?

Terima kasih.

YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN:

Tadi disebut Menteri Besar, EXCO-EXCO itu tak ada. Sejak daripada tahun 1990.....

YB TUAN ROZI B MUHAMAD:

Termasuk Menteri Besar dan EXCO-EXCO.

YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN:

Wakil-wakil rakyat jugak tak ada, lantikan politik tak ada. Walaubagaimanapun, pegawai-pegawai dan sebagainya itu saya perlukan kepada notis dan saya perlukan masa untuk mendapatkan maklumat dan InShaa-Allah kalau masa mengizinkan mungkin kepada persidangan pada hari esok, saya akan cuba jawab soalan daripada Tendong. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Silakan Yang Berhormat Chetok.

YB TUAN ZURAIDIN B ABDULLAH:

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan saya nombor 3.

Soalan 3:

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam mewujudkan Zon Ekonomi Khas atau Kawasan Perindustrian Berimpak Tinggi bagi menarik pelabur dan meningkatkan hasil negeri?]

YB MEJAR (B) DATO' HAJI MD ANIZAM B ABDUL RAHMAN:

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Chetok.

Kerajaan merancang perkasakan kawasan yang sedia ada dan membuat kajian dengan teliti, industri yang baru ataupun tempat yang sesuai di Jajahan-jajahan Negeri Kelantan seperti Tok Bali Industri Park, di Jajahan Pasir Puteh, keluasan lebih kurang 200 ekar. Jaraknya 13 kilometer Pasir Puteh ke ECRL Station yang akan dibina. 8 kilometer Tok Bali Supply Base, 46 kilometer ke Kota Bharu, 50 kilometer ke Airport.

Tok Bali Integrated Fisheries Park atau kawasan perikanan tumpu kepada makanan laut dan sejuk beku atau "industry marine". Tok Bali

Supply Base lebih kurang 328 ekar, *Logistic Hub* untuk offshore memberi bantuan perkhidmatan kepada Oil & Gas Industry dan memberi success story ataupun warwarkan kepada dunia luar bahawasanya di Pengkalan Chepa ataupun Negeri Kelantan ini ada juga *ROHM Waco Electronics* yang sudah melampaui 30 tahun disini. Dan daripada negara Jepun begitu juga yang daripada negara Malaysia sendiri seperti Ain Medical, sudahlah orang Malaysia malah orang Kelantan juga yang melabur di Negeri Kelantan hampir 350 Juta mempunyai main power dan tenaga pekerja 1,200 orang dan begitu juga Tok Bali di Supply Base. Itu lah yang diantara dan kita juga tumpu kepada perkhidmatan, pembuatan, perumahan hartanah dan pengagihan logistic serta utilities yang berada di Negeri Kelantan. Itulah yang di dalam perancangan kita.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Silakan, Chetok.

YB TUAN ZURAIDIN B ABDULLAH:

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO di atas jawapan yang telah diberikan tadi. Jadi soalan tambahan saya adakah pihak kerajaan mempunyai cadangan untuk melaksanakan *Dasar Cluster Base*? Contohnya seperti di Pasir Mas, kluster untuk halal hub kemudian kluster tenaga boleh diperbaharui di Danau Tok Uban dan juga kluster mineral di Gua Musang.

YB MEJAR (B) DATO' HAJI MD ANIZAM B ABDUL RAHMAN:

Terima kasih kepada soalan tambahan. Sememangnya di dalam setiap jajahan kita ini kita mempunyai beberapa tempat di seluruh jajahan kita dan kita telah bahagikan hal Impact of Infrastructure Project yang terdapat di dalam buku Invest Kelantan dan kita telah bahagi-bahagikan di seluruh negeri Kelantan ini, di Pasir Mas Halal Park dan di tempat-tempat lain seluruh jajahan kita dan contoh di Gua Musang dan di Kuala Krai dan oleh kerana Halal Park berada di kawasan Pasir Mas berhampiran dengan Thailand. Itu menjadi tumpuan kepada kita dan kita sedang berbincang dengan ECR untuk menarik pelabur-pelabur di kawasan tersebut begitu juga Solar di Tok Uban kita belum mendapatkan hasilnya sekarang dan dulu kita ingatkan apabila kita buat *floating solar*

ni disitu menjejaskan perikanan dan sebagainya. Rupanya selepas kita buat *floating solar* disitu, makin banyak pendapatan kepada nelayan sungai disitu untuk meletakkan ikan di dalam sangkar.

Itulah yang kita cadangkan dan kita dah memperkasakan lah di kawasan masing-masing. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Dipersilakan, Kuala Balah.

YB DATO' ABDUL HADI BIN AWANG KECHIL:

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, InShaa-Allah soalan berkaitan dengan industri solar yang telah disebut oleh Yang Berhormat EXCO tadi. Saya sebagai asas kepada soalan saya pernah bertanya mantan YB Menteri Ekonomi bahawa kita boleh memikirkan untuk tukar ladang-ladang getah kepada ladang kelapa sawit dan saya nampak formula itu betul tu sekarang, keadaan ekonomi getah agak tidak begitu bagus dan GLC kita banyak ladang-ladang getah yang saya fikir tidak begitu ekonomik sekarang berbanding dengan kelapa sawit, bahkan Sime Darby di Negeri Sembilan dan Perak tukar Ladang Kelapa Sawit itu sendiri kepada Solar. Bagi tujuan Kelantan Future State 2033 saya rasa ini cadangan yang baik. Dan adakah kerajaan boleh berunding ataupun mencadangkan supaya ada kawasan pembangunan solar baharu? Kerana ini adalah bersesuaian dengan konsep Net Zero Carbon, Federal Agencies ataupun Federalisme (*federal government*) untuk menukar kawasan-kawasan getah tadi yang banyak dimiliki oleh agensi kita kepada pembangunan *solar energy*.

Terima kasih.

YB MEJAR (B) DATO' HAJI MD ANIZAM B ABDUL RAHMAN:

Terima kasih kepada soalan tambahan daripada Kuala Balah. Yang Berhormat Dato' Speaker, kadang-kadang kita di dalam negara kita ini tenaga diperbaharui ini untuk kawasan hijau dan sebagainya telah diwar-warkan dulu kadar nasional 2%-20% tahun 2030. Soalan Yang Berhormat, itu orang melayu pernah berkata

*Pucuk dicipta Ulam mendatang,
Orang mengantuk disorongkan bantal.*

Dari segi teknologinya, ekonomi Negeri Kelantan ini kerohanian yang seimbang dan bersepadu untuk menjadikan Negeri Kelantan sebuah negeri yang maju dan makmur dengan mendapat keberkatan dan keredhaan Allah SWT. Itu asasnya, jadi dalam dasar kita, pertama, beberapa kriteria sekiranya ladang getah ataupun ladang sawit. Ladang Getah terutamanya terdapat di desa-desa sekarang di jajahan ada kebun getah tapi tak ada pekerja. Jadi outputnya tidak ada jadi sasaran dah ditetapkan daripada nasional lagi dan kita telah melantik KOHM sebagai rakan strategik untuk infrastuktur hijau termasuk solar. Walaubagaimanapun jika seladang getah itu untuk invest di dalam solar ini beberapa kriteria lah kita kena tentukan iaitu, antara kriteria yang perhatian yang diluluskan oleh projek ini ialah keupayaan kewangan pihak syarikat melibatkan bayaran pajak tanah, dan juga pelaksanaan projek. Pengalaman syarikat itu juga melaksanakan projek solar di kawasan lain dan pernah memperolehi projek-projek melalui bidaan LSS. Lima ke SS berapa ke, plus k solar.

Keupayaan teknologi solar yang digunakan bagi mengurangkan guna tanah dan mengoptimumkan ruang penggunaan tanah yang akan diluluskan oleh pihak berkuasa negeri. Kawasan yang dipohon mempunyai nilai ataupun prospek yang lebih rendah berbanding dengan permohonan lain yang mungkin mempunyai impak yang lebih tinggi dan polisi syarikat berkaitan aspek pembinaan teknologi tinggi, pengambilan tenaga pekerja tempatan dan jaminan tidak merisikokan kerajaan negeri di dalam apa jua urusan niaga susulan sebagai contoh melalui penjualan tenaga kepada pihak ketiga yang menjalankan aktiviti yang tidak bercanggah dengan peraturan-peraturan dan undang-undang Malaysia.

Jadi dan aspek-aspek teknikal seperti 10 kilometer kepada station. PMU ataupun station yang kita nak sambungkan grid sepertimana yang *Floating Solar Tok Uban* ke Bukit Emas lebih kurang dalam *range* 10 kilometer. Jadi perkara-perkara ini perlu diambil kira sebelum menghantar melalui teknikal dan melalui insentif pelaburan di negeri Kelantan.

Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Dipersilakan Yang Berhormat Mengkebang.

YB TUAN ZUBIR B ABU BAKAR:

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan untuk soalan saya nombor 4. Terima kasih.

Soalan 4:

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk mewujudkan R&R di Kuala Krai yang bandar lestari dan mendapat pengiktirafan Bandar Paling Bahagia, bukan sahaja boleh dijadikan kawasan rehat malah meningkatkan sektor ekonomi setempat dan tarikan pelancongan selaras dengan pembinaan Lebuh Raya Lingkaran Tengah?]

YB DATO' DR HAJI IZANI BIN HUSIN:

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Mengkebang. Pertamanya, soalan Mengkebang ini kita setuju sangatlah. Dan kita kerajaan melalui pelan-pelan perancangan bandar baharu Kuala Krai memang dalam perancangan kita untuk mengadakan RNR ini. Dan kita telah mengenal pasti tapak-tapak untuk mengadakan RNR dan kita bersetuju dengan adanya RNR ini akan ada landskap negeri dan sebagainya. Kerana perlombongan baharu ini kita tahu ada kaitan dengan perkembangan ekonomi.

So jawab mudahnya, ada dalam perancangan. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Silakan, Mengkebang.

YB TUAN ZUBIR B ABU BAKAR:

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, di atas jawapan tadi. Cuma soalan tambahan saya boleh nyatakan reka bentuk rehat dan rawat, rest and recreation (RNR) ini mengguna pendekatan seni bina lestari dan eksklusif dengan fasad dan elemen budaya negeri Kelantan?

Okay terima kasih.

YB DATO' DR HAJI IZANI BIN HUSIN:

Terima kasih Mengkebang. Reka Bentuk takdok lagi, kita baru merancang baru. Mugo toktau halo lagi eh. Jadi ambik mudohnya di dalam perancangan RNR akan diadakan, tepat dio sor di Machang sor di Lakloh. Di kawasan Bukit Bakar dan di itu di kawasan yang telah dikenal pasti untuk kita adakan RNR. Reka bentuk tu bila ada selesai tanah apa semo tu baru kito wak kiro. Dan kita bersetuju bahawa reka bentuk ni kalau boleh kita buat seni bina Kelantan lah. Cumonye nak pohon tu rasanya sebelum ni berkaitan dengan agensi persekutuan jugaklah.

Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Silakan, Kemuning.

YB TUAN AHMAD ZAKHRAN BIN MAT NOOR:

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih juga kepada EXCO atas jawapan yang diberikan sebentar tadi. Semua soalan saya selain daripada (RNR) di Kuala Krai. Adakah kerajaan negeri bercadang untuk membina (RNR) lain di Kelantan ini termasuk juga di Machang. Dan sekiranya ada berapakah jumlah (RNR) yang ada dalam perancangan kerajaan negeri?

Terima kasih.

YB DATO' DR HAJI IZANI BIN HUSIN:

Terima kasih Yang Berhormat, kita rujuk kepada soalan yang spesifik. Bandar Kuala Krai dan (RNR), jadi nok royak perancangan sebutir negeri ni payoh kakloh lah harini nyer. Cumo dalam jajaran (CSR) ni sehingga kepada Kota Bharu ni kalau tak silap saya ada lebih kurang tu tujuh (RNR) yang akan dibina. Situ jah boleh royak sikit.

Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Silakan, Yang Berhormat Gaal.

YB TUAN MOHD RODZI BIN JA'AFAR:

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan kepada soalan saya bernombor 5.

Soalan 5:

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah langkah-langkah strategik yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memperluas kawasan tanaman Harum Manis sebagai tanaman berpotensi eksport di jajahan seperti Bachok, Pasir Puteh dan beberapa jajahan yang mempunyai altitud dan iklim sesuai?]

YB DATO' HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN B TUAN ISMAIL:

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih atas soalan daripada Yang Berhormat Gaal yang bertanya berkaitan dengan perkembangan Tanaman Harum Manis di Kelantan. Kerajaan melalui beberapa agensi

berkaitan telah mengambil langkah-langkah strategik untuk memperluaskan kawasan Tanaman Harum Manis sebagai tanaman berpotensi khususnya di jajahan Bachok, Pasir Puteh dan beberapa kawasan lain yang mempunyai kesesuaian iklim dan kesesuaian tanah. Antaranya ialah Kerajaan Negeri melalui Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) telah melaksanakan *Program Harum Manis Al-Falah* yang melibatkan 10 orang peserta terpilih di jajahan Bachok dan Pasir Puteh. Pada 22 hingga 24 Mei 2025, satu lawatan dan kursus Asas Penanaman serta Pengurusan Mangga Harum Manis Al-Falah telah diadakan di Negeri Perlis. Seterusnya, pada 23 Jun 2025, Lawatan Kerja ke Ladang Harum Manis Melawi, Bachok telah dilaksanakan bersama Majlis Penyampaian Input-input Pertanian kepada 10 peserta yang berjaya.

Bagi Pusat Pengumpulan dan Pemprosesan serta pembungkusan Harum Manis masih dalam peringkat mengenal pasti tapak yang sesuai. Melalui Jabatan Pertanian Negeri Kelantan Penanaman Harum Manis kini telah dijalankan di dua jajahan. Iaitu pertama di Jajahan Bachok melibatkan 52 orang penanam dengan keluasan 9.23 hektar. Hasil pengeluaran yang diperolehi adalah sebanyak 1.8 matrik tan dengan nilai pengeluaran sebanyak RM 45,500.00.

Manakala di Jajahan Pasir Mas yang melibatkan keluaran penanam dengan keluasan seluas 1 hektar dengan hasil diperolehi adalah sebanyak 0.5 matrik tan. Kerajaan Negeri Kelantan melalui Jabatan Pertanian Negeri Kelantan juga menyediakan peruntukan khas sebanyak RM 25,800.00 bagi kedua-dua jajahan ini untuk mengembangkan lagi Mangga Harum Manis secara lebih meluas. Kursus dan latihan juga telah dianjurkan dalam meningkatkan lagi kompetensi Pegawai di lapangan dalam membantu menyediakan amalan pengurusan. Penanaman Mangga Harum Manis yang sistematik yang mengikut pakej teknologi jabatan kepada pengusaha yang berminat. Bagi jajahan Pasir Puteh didapati keadaan iklimnya ada tempat-tempat yang hampir sesuai dengan Jajahan Bachok. Oleh itu, pihak Jabatan Pertanian akan beri penekanan kepada kesesuaian tanaman mangga harum manis dengan mengenal pasti lokasi dan kawasan yang sesuai untuk pembangunan tanaman ini secara lebih meluas. Siasatan kesesuaian tanah akan dilaksanakan oleh bahagian

pengurusan sumber tanah, Jabatan Pertanian bagi memastikan kawasan yang sesuai tadi.

Sekian, terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Silakan Gaal.

YB TUAN MOHD RODZI BIN JA'AFAR:

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, tahniah kepada pihak kerajaan negeri melalui Dato' EXCO pertanian kerana telah berjaya berubah dan menambah landskap pertanian Negeri Kelantan. Dan Inshaa-Allah Negeri Kelantan boleh menjadi peneraju kepada keterjaminan makanan di peringkat Malaysia. Yang Berhormat Dato' Speaker, memandangkan pauh wangi ataupun mangga harum manis di Kelantan mempunyai cita rasa tersendiri kerana faktor-faktor tanah dan faktor iklim yang agak berbeza dengan negeri Perlis.

Soalan tambahan saya ialah adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk bekerjasama dengan mana-mana institusi penyelidik sepertimana MARDI, UMK atau sebagainya untuk menghasilkan satu varian baharu kepada mangga harum manis ataupun penjenamaan semula sebagai contohnya di Kelantan ini dikenali sebagai pauh wangi Kelantan untuk ia menjadi, yang akan menjadi identiti kepada pauh wangi di Kelantan untuk tujuan eksport dan untuk tujuan pasaran premium?

Terima kasih.

YB DATO' TUAN SARIFUDDIN BIN TUAN ISMAIL :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada soalan tambahan daripada Gaal. Yer Insha Allah Kerajaan sentiasa mengalu-alukan pelbagai pihak untuk melaksanakan kerjasama di dalam membangunkan penanaman mempelam ataupun mangga harum manis ini yang Insha Allah setakat ini kita dah bersama-sama dengan kerjasama MARDI Institusi Penyelidikan dan juga UMK Universiti Malaysia Kelantan dan pihak Jabatan Perhutanan juga sedang mencari satu tapak untuk penubuhan ataupun tapak ujian variati harum manis di Kelantan Insha Allah kita akan tengok sama ada di kawasan Bachok ataupun Pasir Puteh

dengan kerjasama pihak-pihak yang berkaitan ini insha Allah, variasi yang berjenamakan Kelantan ini akan dipatenkan dengan lebih baik menjadi sebahagian daripada pengeluaran buah-buahan bermusim di Kelantan. Dan memanglah berbeza di Perlis dan kalau kita tengok musim tahun ini setelah mangga harum manis di Perlis tu habis dah tapi Kelantan belum habis. Makna panjang masanya maknanya tu antaranya kebaikan Insha Allah suatu masa mangga ini boleh lebih panjang tempoh mengeluarkan hasil Insha Allah.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Wakaf Bharu.

YB TUAN HJ RUSLI BIN ABDULLAH :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih Yang Berhormat EXCO Pertanian yang telah berjaya membawa produk baru untuk memberi manfaat kepada rakyat Kelantan. Jadi Wakaf Bharu pun pernah memohon benih daripada Yang Berhormat EXCO benih harum manis supaya disegerakan. Sebab Wakaf Bharu antara tempat sesuai, anggur pun sebagaimana EXCO Alhamdulillah berjaya. Soalan tambahan saya, sejauh manakah Kerajaan Negeri berkolaborasi dengan Negeri Perlis dalam usaha menanam harum manis di Kelantan?

Terima kasih.

YB DATO' HJ TUAN SARIPUDDIN BIN TUAN ISMAIL :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih soalan tambahan daripada Wakaf Bharu. Insha Allah lah kita sedang membuat kerjasama dari segi kerjasama pengusaha-pengusaha ni makna kita membawa mereka di Perlis di Ladang-ladang yang lebih besar di Perlis dan kita bersama dengan Jabatan Pertanian di Perlis dan juga Jabatan Pertanian Negeri Kelantan telah bekerjasama untuk mendapatkan benih-benih tu, benih-benih yang berkualiti yang aslilah supaya benih-benih ni kita boleh bawa balik ke Kelantan. Bukan sebarang benih yang boleh dibeli di tepi-tepi jalan kerana boleh jadi ada yang tidak asli. Sebab itulah kita telah berbincang dengan Jabatan Pertanian negeri Perlis untuk bekerjasama di dalam mengembangkan potensi tanaman Harum Manis di Kelantan ini.

Sekian, terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Dabong.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YBM KU MOHD ZAKI BIN HUSSIN :

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan soalan saya nombor 6.

Soalan 6 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan peningkatan penyelidikan serta kajian baharu Fiqh dan inovasi di KIAS untuk dimanfaatkan oleh industri di negeri ini.]

YB DATO' HJ WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Dabong atas soalan berkaitan dengan KIAS salah satunya pusat Pengajian tinggi kita yang ada di negeri Kelantan. Kerajaan Negeri Kelantan memainkan peranan strategik dalam memacu pembangunan penyelidikan serta inovasi di Negeri Kelantan. Termasuk Institusi Pengajian Tinggi milik Kerajaan Negeri iaitu Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra iaitu KIAS melalui pelbagai inisiatif sebagai sebuah Kolej Universiti yang berteraskan pengajian Islam KIAS mempunyai potensi besar untuk menjadi pusat penyelidikan dan pengembangan ilmu fiqh dan inovasi berasaskan kepada syariah yang boleh memberi sumbangan signifikan kepada industri di negeri ini.

Kerajaan Negeri Kelantan telah memastikan KIAS diberi peruntukan khusus untuk geran penyelidikan dan inovasi kepada para pensyarah bagi merencanakan kajian termasuk dalam bidang fiqh dan inovasi. Melalui peruntukan tersebut penyelidik berpeluang kaji isu-isu kontemporari dan menghasilkan produk inovasi yang selari dengan perkembangan teknologi semasa sejak KIAS dinaik taraf sebagai Kolej Universiti sebanyak 27 penyelidikan telah diuruskan oleh pusat

pengurusan penyelidikan KIAS, penyelidikan yang berkaitan dengan fiqh dijalankan oleh para pensyarah fakulti syariah dan muaamalah secara kolaboratif dengan pelbagai pihak.

Sebagai contoh, penyelidikan yang bertajuk kajian penempatan kadar urus bagi kadar zakat perhiasan emas di Negeri Kelantan dan juga wakaf ekonomi sebagai model baru pembangunan ummah secara mampan dan juga pembinaan Gagasan Wanita Kelantan Solehah. Pusat pengurusan penyelidikan KIAS juga menyelaraskan aktiviti yang melibatkan inovasi. Sebanyak 6 penyelidikan berkaitan inovasi telah dijalankan oleh pensyarah KIAS dan pelbagai pertandingan inovasi telah disertai oleh pensyarah dan juga pelajar KAIS di peringkat Kebangsaan dan juga Antarabangsa seperti *International Teaching Enhancement and Learning Innovation Carnival 2023*, anjuran UMK untuk penyertaan bertajuk “Pembinaan Educational Tools: Solat Expert bagi Pengajaran Dan Pembelajaran Fiqh Solat”. *Innovation Competition (INNOCOM IV) 2023*, anjuran AID Academy untuk penyertaan bertajuk “pembangunan instrumen Pengukuran Pengaruh Syaitan Jin Terhadap Manusia (I-Talbish10)” berdasarkan Perspektif Islam, Perubatan Moden, dan Psikologi”, dan International Education Competition 2025 anjuran UPSI untuk penyertaan yang bertajuk “SmartJawiBot”: Kit pembelajaran Jawi Abad ke- 21”. Selari dengan galakan yang diberikan, Kerajaan Negeri Kelantan melalui KIAS juga telah menyediakan dana kepada para pensyarah untuk membuat pendaftaran harta intelek hasil daripada penyelidikan yang dijalankan.

Jadi Kerajaan Negeri Kelantan juga menyokong usaha KIAS dalam menghasilkan penyelidikan Fiqh dan Inovasi melalui dasar kerjasama penyelidikan antara KIAS dengan agensi-agensi Kerajaan Negeri, sama ada melalui penyaluran geran penyelidikan mahupun geran padanan kepada penyelidik KIAS. Mengikut rekod setakat ini, agensi Kerajaan Negeri seperti JAHEAIK, MAIK, U-KekWa, ILDAN, IPTG dan juga MPKB-BRI telah mengadakan kolaborasi penyelidikan dengan penyelidik-penyelidik daripada KIAS. Hasil daripada penyelidikan bersama seminar kolaboratif antara KIAS dan agensi-agensi Kerajaan Negeri dapat dianjurkan bagi memudahkan pemindahan ilmu secara dua hala.

Dan dapat dirumuskan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan komited dalam memperkasakan peranan KIAS sebagai pusat ilmu dan penyelidikan Fiqh

serta inovasi. Melalui sokongan kewangan, dasar kerjasama, dan galakan kepada pengkomersilan, Kerajaan Negeri memastikan agar hasil penyelidikan KIAS dapat memberi manfaat kepada industri di Negeri ini secara patuh syariah dan berdaya saing.

Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan, Kota Lama.

YB DR NOR HAFIDZAH BIN HJ MUSTAKIM :

Terima kasih atas jawapan tersebut, mungkin soalan saya ringkas sahaja. Biasanya antara cabaran kajian-kajian di peringkat Universiti menara gading ni adalah bagaimana kita membumikannya. Saya nampak jawapan daripada EXCO tu telah banyak kajian-kajian ataupun kolaborasi yang telah dilakukan. Mungkin boleh bagi satu contoh kepada saya bagaimana kajian tentang kewangan ataupun tadi yang telah dimanfaatkan oleh U-KekWa, mungkin boleh diceritakan dalam Dewan ini bagaimana dia boleh bagi manfaat kepada rakyat secara direct.

Terima kasih.

YB DATO' HJ WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih soalan tambahan daripada Kota Lama. Sebagaimana yang dijelaskan tadi kajian yang kita telah dibuat seperti kajian penetapan terhadap kadar urus bagi kadar zakat perhiasan emas di Negeri Kelantan. Jadi bila pengkaji Pensyarah-Pensyarah KIAS ni buat kajian hasil kajian tu dia hantar kepada agensi-agensi yang terbabit contoh JAHEAIK, MPKB-BRI untuk diambil menafaat panduan oleh agensi-agensi tersebut dari sudut patuh syariah dan industri dan seumpamanya, terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Galas...

YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDIN BIN HASHIM :

Terima Kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan saya ialah berkaitan dengan berapakah jumlah dana penyelidikan yang telah pun diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri kepada KIAS terutamanya khusus

untuk penghasilan teknologi baru yang berkaitan dengan industri halal dan makanan.

Terima kasih.

YB DATO' HJ WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk menggalakkan pihak Pensyarah membuat kajian setakat ni pihak KIAS menyediakan peruntukkan sebanyak RM50,000 untuk menggalakkan para Pensyarah KIAS ni membuat kajian dan inovasi di peringkat KIAS. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Dipersilakan Kota Lama.

YB DR. NOR HAFIDZAH BIN HJ MUSTAKIM :

Terima kasih Dato' Speaker,

Pagi-pagi mengetam papan, soalan saya nombor 7, mohon YB Kak Ani beri jawapan.

YB PUAN HJH ROHANI BIN IBRAHIM :

Terima kasih kepada Kota Lama, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker,

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Surah Ghafir

هُوَ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ تُرَابٍ ثُمَّ مِنْ نُطْفَةٍ ثُمَّ مِنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ يُخْرِجُكُمْ طِفْلًا ثُمَّ لِتَبْلُغُوا أَشَدَّكُمْ ثُمَّ لِتَكُونُوا شُيُوخًا ۖ وَمِنْكُمْ مَنْ يَتَوَفَّىٰ مِنْ قَبْلُ ۚ وَلِتَبْلُغُوا أَجَلًا مُّسَمًّى وَلَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ٦٧

" Dialah yang menciptakan kamu daripada tanah kemudian daripada setitik benih kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari seketul daging, kemudian dia mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak, kemudian kamu dipelihara sehingga sampai ke peringkat dewasa, kemudian kamu dipanjangkan umur hingga sampai menjadi tua dan dalam pada itu di antara kamu yang dimatikan sebelum itu iaitu Allah melakukan kejadian

Kamu sampai ke masa yang ditentukan iaitu untuk menerima balasan dan supaya kamu memahami hakikat kejadian itu serta kekuasaan Allah S.W.T

Surah Al-Ghafir ayat 67

Terima kasih kepada Kota Lama di atas soalan yang amat cakna dengan Warga Emas khususnya di Kelantan. Berkenaan dengan status penjagaan warga emas di Negeri Kelantan, kita ada 2 kategori pusat jagaan iaitu Rumah Sri Kenangan di Taman Kemumin ianya di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat, yang mana jumlah penghuninya di Rumah Sri Kenangan, ini setakat Jun 2025 seramai 99 orang yang meliputi 54 lelaki dan 45 perempuan.

Terdapat 4 buah rumah jagaan Warga Emas di bawah seliaan pihak Swasta dan NGO yang telah didaftarkan. Manakala bagi pusat yang masih dalam permohonan pendaftaran di bawah jajahan Kota Bharu adalah 4 buah sahaja.

Berkenaan dengan pendekatan strategik Kerajaan Negeri dalam menjaga kebajikan Warga Emas untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah menggubal Dasar Warga Emas Mukramun iaitu yang dimuliakan. Dengan adanya dasar ini ianya menjadi rujukan dan juga memberi kesedaran berkenaan hak-hak warga emas yang perlu diambil berat oleh semua pihak sama ada anak-anak, ahli Keluarga, anggota masyarakat dan Kerajaan. Bagi kita memastikan kesejahteraan dan kebajikan warga emas itu terjaga setiap masa. Antara program utama bagi kita memastikan warga emas ini tidak terbiar tanpa penjagaan adalah program ziarah iaitu Ziarah Skuad Kita Cakna. Yang mana ianya telah dilaksanakan di seluruh Kelantan melalui ziarah ini kita dapat mengenal pasti warga emas yang perlu dibantu dari segi sokongan sosial, ekonomi, kesihatan fizikal dan seterusnya dapat mengurangkan masalah pengabaian dalam keluarga warga emas di Negeri Kelantan.

Bagi tahun 2024 seramai 598 warga emas telah disantuni oleh ziarah SKC ini. Bagi mewujudkan hubungan antara warga emas dengan generasi muda, sukaneka intergenerasi dilaksanakan dengan kerjasama JKM. Aktiviti ini ianya akan dapat memupuk dan membentuk nilai hormat dan kasih sayang terhadap warga emas sejak dari muda lagi. Sambutan hari Warga Emas peringkat negeri Kelantan, Parlimen dan DUN juga kita telah adakan yang mana ianya untuk mengiktiraf, menghargai dan merai

sumbangan warga emas ini dalam pembangunan keluarga masyarakat dan negeri. Dan sambutan ini telah diadakan bermula daripada tahun 2023 lagi.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Untuk makluman semua, bagi menghargai sambutan Warga Emas Peringkat Negeri Kelantan pada tahun ini sempena Karnival Kelantanku Cakna 29 Julai – 1 Ogos ini, Insha Allah, Kerajaan Negeri Kelantan dengan keupayaan kewangan yang ada dan kemampuan yang dapat kita berikan kepada warga ini satu skim bantuan iaitu khusus untuk warga emas yang amat memerlukan bantuan, kita akan jenamakan skim ini sebagai skim Warga Emas Muqramun. Ianya berbentuk one-off ianya akan dibagi sekali dalam setahun sahaja. Selain daripada itu Kerajaan Negeri memberikan sokongan yang berterusan kepada NGO-NGO yang berdaftar sebagai pusat aktiviti harian dan pusat jagaan warga emas di negeri Kelantan iaitu farewell, shalis care, Pusat Jagaan Kenangan Hajjah Rahmah Mesra Homecare dan juga beberapa NGO lagi. Apa yang agak unik di Kelantan ini Warga Emas boleh meluangkan masa untuk aktiviti secara sihat iaitu mereka boleh mendaftarkan diri mereka secara institut pendidikan Islam iaitu pondok warga emas yang telah didaftarkan dengan MAIK iaitu sebanyak 8 buah pondok yang ada di daerah Ketereh, Pasir Puteh, Tanah Merah, Tumpat, Pasir Mas dan Machang.

Mengikut maklumat daripada Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan bila kita usia emas ni kita akan gi kepada nyanyuk. Kajian yang dibuat oleh pihak Jabatan Kesihatan penyakit nyanyuk adalah penyebab pengabaian warga emas oleh Ahli Keluarga. Bila dah jadi budak anak-anak jadi... iya lagu tu lah.. tak sir, malas nak baso. Dia tak kabar zaman dia kecil tu berat pada tok nenek dia nyanyuk nya. Namun didapati kadar nyanyuk di kalangan warga emas yang berada di pondok-pondok negeri Kelantan adalah sangat rendah kerana masa mereka sentiasa di isi dengan aktiviti keagamaan dan rutin hidup yang teratur dan mereka utamanya tidak kesunyian. Punya rakan dan kawan untuk orang panggil... bermesra, berhibur dengan cara orang tua lah.

Akhirnya Rasulullah S.A.W bersabda bukan daripada golongan kami orang yang tidak mengasihi orang muda dan tidak memuliakan orang yang lebih tua Riwayat Al-Bukhori. Sekian, terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Dipersilakan Kota Lama soalan tambahan.

YB DR. NOR HAFIZAH BIN HJ MUSTAKIM :

Terima kasih Dato' Speaker, terima kasih kepada YB EXCO di atas jawapan yang menunjukkan kita ni memang caknalah kepada warga emas ni dan soalan tambahan saya berkaitan dengan memang kita ni diperingkat Malaysia ni akan jadi warga ataupun negara menua 2035 dan saya duk *search-search* ni rupanya Kelate ni lebih awal 2030, ia akan menjadi negara menua apabila 17% daripada warga kita adalah berumur 60 tahun ke atas. Jadi soalan saya adalah saya nampak tadi banyak dah yang diperuntukkan atau program-program yang dijalankan oleh YB EXCO. Kita tahu bahawa penjagaan warga emas ni dia memerlukan masa, tenaga dan juga kewangan.

Selain yang dah dilakukan oleh Kerajaan Negeri adakah di sana ada perancangan untuk memberikan insentif untuk mereka yang menjaga warga tua yang terlantar di rumah. Itu soalan saya yang pertama, yang keduanya Kerajaan Malaysia memperuntukkan RM1Billion untuk penjagaan warga emas dalam Bajet yang baru-baru ini... saya nak tanya berapa portion tu pergi kepada Kerajaan Negeri dan berapa percent sebenarnya peruntukkan warga emas di negeri ini yang datangnya daripada Pusat.

Terima kasih.

YB PUAN HJH ROHANI BIN IBRAHIM :

Terima kasih Kota Lama di atas soalan tambahan. Pertamanya, soalan yang pertama tadi mengenai insentif ataupun program yang Kerajaan Negeri akan bagi bantuan kepada keluarga yang menjaga warga emas yang terlantar ianya satu pertanyaan yang baik dan Insha Allah kami akan meneliti dan akan mempertimbangkan cadangan ini di samping program ataupun bantuan yang telah kami berikan. Namun setakat ini kita telah memanfaatkan beberapa insentif khusus yang berkaitan yang telah sedia ada di bawah Kebajikan Masyarakat. Pertamanya, bantuan penjagaan pesakit terlantar. Penjagaan yang menjaga pesakit terlantar warga emas yang kronik layak menerima RM500 sebulan selagi pendapatan isi rumah tidak melebihi had yang ditetapkan.

Yang kedua, bantuan warga emas BOT iaitu warga emas yang melebihi daripada 60 tahun yang tinggal di rumah bukan institusi dan isi rumah mereka berada di bawah garis kemiskinan yang layak menerima bantuan kewangan bulanan.

Ketiga, kursus komuniti (*home nursing care*) JKM bersama St. John Ambulans mereka mengadakan kerjasama dan yang telah manganjurkan kursus bagi menjaga pesakit terlantar ini bersama dengan waris dan sukarelawan daripada beberapa jajahan di Kota Bharu. Dan ianya dijalankan oleh pegawai JKM NGO dan setakat ini yang kita mendapat maklumat 274 penjaga dan sukarelawan yang telah diberikan latihan bagi seluruh negeri merawat 3,000 pesakit terlantar di rumah dan sebagaimana pertanyaan kedua, pemberian khusus kepada Kerajaan Negeri belum ada tetapi ianya melalui JKM, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila, Chempaka...

YB TUAN HJ NIK BAHARUM BIN NIK ABDULLAH :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Amar Diraja Dato' Speaker, jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat EXCO tadi menyentuh banyak berkenaan dengan insentif yang diberikan oleh Kerajaan. Itu bagus la, betul tapi sebenar dari segi tanggungjawabnya untuk penjagaan kepada ibubapa dan juga penjagaan warga emas ini adalah merupakan tanggungjawab anak-anak ataupun pewaris. Jadi saya nak tanyalah ada beberapa kes sebelum daripada ni tak pernah berlaku di Kelantan tapi hok berlaku pengabaian oleh anak-anak lepas daripada ayah bui tanah kepada anak, anak jual..hilang. Ayah terlantar dan sebagainya dan dibawa ke Mahkamah dan Mahkamah mengiktiraf untuk dapatkan balik harta tersebut jadi saya nak tanyalah sama ada di peringkat kita ni di Negeri Kelantan ni adakah Kerajaan berhasrat untuk membuat apa-apa pengenalan kepada mana-mana undang-undang dalam undang-undang kita lah yang berkait untuk mewajibkan untuk jaga ibubapa ataupun warga emas ni adalah merupakan tanggungjawab kepada anak-anak ataupun pewaris dia. Kerajaan nombor 2.. nombor 3, nombor 4 nombor 10. Sekian terima kasih.

YB PUAN HJH ROHANI BIN IBRAHIM :

Terima kasih soalan tambahan Chempaka ianya adalah satu cadangan yang baik dan sebagai pengetahuan ataupun pihak Kerajaan Negeri nak didik masyarakat khususnya anak-anak dan kaum keluarga sebab tu kita buat satu dasar Warga Emas Muqramun. Jadi kita sekarang dalam proses mendasarkan dasar ini kepada masyarakat biar dia reti, biar pehe tanggungjawab mereka sebagai anak, keluarga kepada warga emas yang jaga sama-sama.

Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Tawang.

YB TUAN HARUN BIN ISMAIL :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan kepada soalan saya nombor 8.

Soalan 8 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah Kerajaan Negeri Kelantan mempunyai mekanisma tertentu untuk menyantuni remaja bagi memantapkan aqidah mereka serta dapat mengelakkan daripada terlibat dengan gejala sosial.]

YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya akan menjawab soalan ini bersama dengan soalan 16 Tendong dan juga soalan nombor 6 hari ketiga daripada Yang Berhormat Chetok.

Sabda Nabi S.A :

"يأتي على الناس زمان الصابر فيهم على دينه كالقابض على الجمر"

“maksudnya akan datang suatu masa kepada manusia yakni kepada kita semua orang yang sabar serta berpegang teguh kepada agamanya yakni Islam sebagaimana dia mengengam bara api “, hadis riwayat Al-Turmizi.

Kerajaan Negeri sentiasa mengambil berat dan memberi perhatian yang serius terhadap pegangan akidah golongan remaja agar mereka tidak terjerumus ke lembah kemungkaran. Oleh kerana itulah Kerajaan Negeri melalui JAHEAIK khususnya telah melaksanakan program-program pengukuhan akidah ini kepada golongan remaja. Antaranya program pengukuhan akidah dan jati diri ummah padu yang telah dilaksanakan di seluruh jajahan termasuk jajahan kecil Lojing.

Yang keduanya program pengukuhan akidah di institusi pengajian tinggi sehingga kini JAHEAIK telah melaksanakan program ini di hampir semua IPTA dan IPTS di seluruh negeri Kelantan termasuklah di UMK di KIAS, di Politeknik, di Kolej PolytechMara Kota Bharu serta di beberapa tempat yang lain dan dalam usaha meningkatkan kefahaman serta penghayatan hidup bersama Islam dalam kalangan masyarakat khususnya golongan remaja ini supaya mereka tidak terjebak dalam kancah maksiat gejala sosial dan perkara yang merosakkan maka Kerajaan Negeri telah melaksanakan program sempena hari-hari kebesaran Islam dengan nama program bicara Ad-din sempena ibadah korban, sempena Israj Mikraj, sempena amal Ramadan, sempena Hijratul Rasul, hubul nabi dan lain-lain sempena hari-hari sambutan kebesaran Islam yang ada dalam Negeri Kelantan ini.

Dan untuk makluman seluruh Ahli Yang Berhormat Kerajaan Negeri juga melaksanakan program ini kepada mereka yang terlibat ataupun terjerumus ke lembah ataupun kekancan yang tidak baik. Semalam Kota Lama ada bertanya program Kerajaan Negeri ini untuk orang yang baik-baik saja saya tak sempat menyebut ke semua program tersebut, hari ni saya sentuh sedikit bahawa Kerajaan Negeri melaksanakan program penjagaan amal Islam ini kepada semua sekali anak-anak Kelantan yang baik yang terlibat dengan kancah yang tidak baik. Umpamanya dalam program bersama dengan AADK dan juga Jabatan Parol Kerajaan Negeri telah melaksanakan Program Al-Muttaqin. Program Al-Muttaqqin ini untuk golongan orang kena Pengawasan OKP yang terlibat dengan masalah pengedaran dadah. Jadi dalam membentuk masyarakat yang

bertaqwa melalui program Al-Mutaqqin ini yang kita anggap sebagai program serampang 2 mata untuk memastikan bahawa OKP ini dia dapat bimbingan secara tersusun dan berkala melalui pendekatan zikir, solat ada halaqah berkelompok serta rawatan-rawatan yang lain dari sudut jiwa dan kaunseling untuk mereka ini dapat jalani kehidupan harian dengan lebih baik serta menjadi warganegara yang berguna dan juga produktif selepas daripada itu. Untuk makluman dalam satu tahun kita adakan di semua jajahan. Dalam satu jajahan tu ada siri 3 siri Fardu Ain dan juga siri khidmat nasihat satu siri khidmat nasihat dan di Ibu Pejabat ada satu kali kita buat satu kejohanan futsal lah. Kemudian ia melibatkan 1100 orang OKP di seluruh jajahan iaitu 200 orang di KB dan 100 orang di setiap jajahan yang lain. Termasuk juga program yang kita adakan kepada golongan LGBT termasuk transgender lah di mana melalui bahagian Undang-Undang Keluarga termasuk dengan kerjasama Persatuan Aspirasi Islam, Persatuan Aspirasi Kelantan dan juga Persatuan perantaraan Pesakit Kelantan. Sahabat dan PKKSK Pusat Khidmat Keluarga dan Sosial Komuniti sejak 2019 lagi kita adakan program dengan LGBT ini menganjurkan kelas fardhu ain dan juga kelas Al-Quran tetapi kelas tersebut terpaksa terhenti sekejap kerana Covid dan secara aktifnya bermula semula pada Jun 2024 dan setiap minggu ada 2 kali kelas iaitu sebulan 8 kali kelas, iaitulah pada hari Selasa dan juga pada hari Sabtu. Kelas ini terdiri daripada 4 orang tenaga pengajar yang terdiri daripada fasilitator PKKSK yang terlibat dalam kelas tersebut adalah 20 orang peserta daripada LGBT tadi.

Dan Alhamdulillah sepanjang program kita tengok keberkesannya sejak daripada tahun 2019 sehinggalah sekarang ini ada yang bermula daripada Iqra baca Quran dan mereka dapat menguasai bacaan sehingga kini dan ada yang merubah perilaku serta perwatakan mereka menjadi seorang yang tidak lagi LGBT keluar daripada radar LGBT tersebut. Alhamdulillah, jadi ini adalah program-program yang dinyatakan tadi yang kita juga laksanakan kepada semua pihak juga termasuk yang telah terjerumus ke lembah yang tidak baik dan hal ini kita sangat-sangat cakna untuk kita menjaga situasi dan juga suasana zaman yang pada hari ini, zaman umat Islam terpaksa berpegang dengan akidah mereka itu seperti gengam bara dengan arus kebejatan sosial, kebobrokan perilaku ke hari ini yang menuntut kepada Kerajaan Negeri sendiri dan semua pihak yang melaksanakan program-program yang baik ini secara lebih banyak lagi.

Terima kasih Dato' Speaker.

YB DATO' SPEAKER :

Sila, Tawang...

YB TUAN HARUN BIN ISMAIL :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker dan Yang Berhormat EXCO Kerajaan Negeri Kelantan di atas jawapan yang diberikan. Memanglah persoalan akidah ini adalah persoalan yang perlu kepada suatu mekanisma yang terbaik untuk membendung mereka daripada terus menerus berada dalam keadaan yang tidak baik.

Persoalannya disamping mekanisma-mekanisma yang telah disebutkan tadi adakah di sana ada suatu mekanisma dari sudut penguatkuasaan undang-undang daripada Kerajaan Negeri Kelantan bagi membendung persoalan akidah khususnya di kalangan remaja-remaja yang membentuk masa depan negara, terima kasih.

YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD :

Terima kasih kepada Tawang atas soalan tersebut. Yang Berhormat Dato' Speaker, yang sudah tentulah ada di sana penguatkuasaan untuk kita pastikan remaja ini dia dapat mengikut program dan juga undang-undang kawalan semasa mereka berada dalam kehidupan dalam masyarakat tersebut dan oleh kerana itulah, Kerajaan sendiri telah menyusun program-program khususnya di bawah Jabatan Agama Islam, Hal Ehwal Agama Islam JAHEAIK melalui bahagian Undang-Undang Syariah telah mengadakan program-program yang pentingnya yang diadakan semua jajahan bukan setakat di semua jajahan di IPT di sekolah-sekolah iaitulah siri penerangan undang-undang syariah siri penerangan undang-undang syariah ini boleh dikatakan telah pun dilaksanakan di semua peringkat di mana antaranya sekolah yang melaksanakan program undang-undang syariah tadi di sekolah Menengah Sultan Ismail Kota Bharu di SMK Pengkalan Chepa 2, Smk Baruh Pial, Sekolah Kedai Tanjong Pasir Mas, Maahad Taqadum Maarif Pasir Tumbuh, Sekolah Menengah Kebangsaan Wakaf Bharu, Sekolah Menengah Ugama Arab Badang, Universiti Malaysia Kelantan di Pengkalan Chepa. Masjid pula Masjid Paloh Pasir

Mas, Majlis Daerah Jeli dan Masjid Lakota, Masjid Mukim Lubuk Stoi, Masjid Mukim Lepah Pasir Putih termasuklah beberapa Jabatan lain termasuk Jabatan Pertanian.

Maksudnya program ini diadakan secara bersasar dan berfasa ini adalah untuk semata-mata mewartarkan kepada seluruh negeri Kelantan ini kesalahan-kesalahan sosial yang boleh dikenakan tindakan mengikut Enakmen-Enakmen yang dikuatkuasakan oleh pihak Kerajaan Negeri lah. Kerana program yang kita adakan ini sangat penting kerana ada dialog dan disitulah khususnya kita adakan di sekolah-sekolah ini mendapat sambutan yang baik dan keberkesanan kepada pelajar-pelajar itu sendiri. Apabila kita menerangkan tentang hukuman-hukuman yang akan kena kepada pelaku-pelaku yang melanggar Enakmen ataupun undang-undang tersebut. Contohnya dalam EKJS Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I)2019 yang mana 16 seksyen itu telah terbatal di mana dalam seksyen-seksyen tersebut masih dikuatkuasakan antaranya dalam perkara-perkara yang boleh mengakibatkan masalah ataupun tergelincir akidah dan lain-lain dalam seksyen 4, 5, 6. Seksyen 4 berkenaan dengan sihir, seksyen 5 berkenaan dengan dakwaan palsu, seksyen 6 berkenaan dengan cuba keluar Islam. Jadi dinyatakan tentang apakah takrif maksud huraian supaya mereka boleh faham dan mereka boleh tahu yang Enakmen itu ada dikuatkuasakan di Negeri Kelantan ini serta hukuman-hukumannya. Kalau seksyen yang ketiga tadi dinyatakan ketiga-tiga tadi maknanya kena denda apabila disabitkan dengan kesalahan tersebut maka kena denda sebanyak tidak lebih RM5,000 penjara tidak lebih 3 tahun dan sebat tidak lebih dari 6 sebat.

Maksudnya hal-hal ini perlu diwartarkan dan Alhamdulillah setakat ini di semua tempat yang telah saya nyatakan tadi dan Insha Allah pada tahun ini akan kita pergi ke serata tempat tadilah. Kerana walaupun terbatal 16 seksyen seksyen-seksyen yang lain itu masih dikuatkuasakan dan banyak yang perlu diketahui oleh masyarakat seumpama program yang kita sebut kepada LGBT pun kita memberi penerangan kepada dia seksyen-seksyen yang ada dan hukuman-hukuman yang ada yang menyebabkan mereka berfikir 3, 4 kali dan kadang ada yang insaf disebabkan hukuman tersebut dan merekat takut... mereka takut saya tak tahu ada ni... bila saya tahu ada ni dia kata fikir 2,3 kali lah untuk masa depan dia pun dapat berubah kadang-kadang dengan sebab seksyen dan juga hukuman yang diberitahu kepada mereka. Dan selain daripada itu

ada pameran, kempen, promosi menutup aurat di pasaraya-pasaraya di tempat-tempat awam ini juga sebagai langkah untuk mengelakkan remaja khususnya terlibat atau terjebak dengan gejala sosial. Itulah setakat ini, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Tak perasan ... er... Pengkalan Pasir.

YB TUAN MOHAMAD NASRIFF BIN DAUD@DAUD YATIMEE :

Terima Kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagaimana yang kita tahu gejala sosial di kalangan remaja ni satu isu yang besar dan hadis Nabi ada sebut salah satu golongan yang mendapat perlindungan Allah S.W.T ialah makna pemuda yang dibesarkan dalam keadaan beribadat kepada Allah S.W.T.

Persoalan saya di sini adalah kalau kita lihat adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu pemetaan secara lokaliti bagaimana kita menangani gejala sosial umpama sebagai contohlah katalah daerah-daerah di sempadan antara Kelantan dengan Thailand adakah diwujudkan satu kolaborasi antara polis antara Majlis Daerah dan juga antara masjid-masjid untuk mengenal pasti kawasan-kawasan yang berisiko tinggi berlakunya gejala sosial.

Yang kedua, persoalannya adakah Kerajaan berhasrat kalau kita lihat remaja ni dia tidak ada satu jati diri. Kalau golongan-golongan kita dulu atau orang-orang tua kita dulu akan memberikan satu ayat Quran panduan zikir-zikir pagi petang yang boleh kita jadikan sebagai asas kepada kekuatan diri kita. Kalau kita lihat hari ini gejala besar sosial adalah melalui telefon dan ini tidak akan dapat dicegah selagi mana anak-anak remaja kita tidak dibekalkan dengan taqwa. Dan saya mencadangkan dan juga memohon agar kita memberikan satu zikir pagi petang kepada setiap remaja untuk dijadikan asas kekuatan diri mereka.

YB DATO' SPEAKER :

Sila, Yang Berhormat.

YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD :

Terima kasih Pengkalan Pasir. Yang zikir tu kita terimalah, kita terima ijazah daripada Pengkalan Pasir. Persoalan daripada Pengkalan Pasir

berkaitan dengan kerjasama yang dilakukan oleh pihak Berkuasa Negeri lah penguatkuasa dalam mencegah hal gejala sosial khususnya di sempadan dan lain-lain memang sememangnya pihak Jabatan Agama bersama dengan Majlis Agama Islam juga dan Pihak Berkuasa di apa nama PBT dan bekerjasama sepenuhnya dengan PDRM, AADK dan kita ada mesyuarat berkala termasuklah mesyuarat pembangunan Islam ini yang dilakukan dihadiri oleh Ketua-Ketua Jajahan dan Ketua-Ketua Jajahan ini adalah merupakan Pengerusi Pembangunan Islam di jajahan dan mereka akan terlibat sama dalam mesyuarat ini bagi memastikan Hal Ehwal Agenda Pembangunan Islam dan juga ada agenda berkaitan dengan pengekangan gejala sosial ini jadi maksudnya ada kerjasama yang dilakukan tersebut dan secara terperinci boleh apa nama kita telah notis kepada Pengkalan Pasirlah. Program-program yang telah dilakukan secara kerjasama dengan pihak-pihak yang disebutkan.

Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Manik Urai.

YB TUAN HJ MOHD FAUZI BIN ABDULLAH :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon soalan saya nombor 9.

Soalan 9 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Penglima Perang Menteri Besar nyatakan, adakah Air Terjun Lata Rek sudah selamat untuk digunakan atau masih tidak selamat untuk diguna]?

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Amar Diraja Dato' Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN Manik Urai di atas soalan mengenai

sama ada air terjun Lata Rek selamat untuk digunakan atau pun belum lagi selamat untuk digunakan untuk menjawab soalan ini secara spesifik Lata Rek saya ingin spesifikkan kepada dua aspek keselamatan pusat lokasi tersebut aspek fizikal daripada segi keselamatan daripada segi air Terjun Lata Rek selamat untuk digunakan dan tak pernah ditutup daripada pengunjung dan kemungkinan berlaku kekurangan kehadiran pelancong ke Lata Rek. Antara faktor berlakunya kurang dikunjungi kerana Lata Rek terletak di kawasan paling bawahlah dalam sepanjang kawasan Sungai Lebir di atasnya ada catatan dikunjungi orang ramai atas lagi Pasir Puteri, atas lagi Pasir Raja, atas lagi Istana Sangkut, atas lagi Lata Puteri, Lata Tujuh, Lata Y dan Terengganu mati. Itu adalah laluan-laluan airlah yang menjadi tarikan utama para pengunjung dan biasa hujung hari minggu penuh dengan pengunjung. Musim ni masuk untuk mandi dan juga durian kunyitlah... musim ni dan mengenai keselamatan kedua iaitu kualiti air.

Untuk makluman Yang Berhormat Manik Urai, Pihak Majlis Daerah Dabong melalui Universiti Malaysia Pahang UMPA telah menjalankan kajian data *base line* kualiti air di kawasan strategik geo-pelancongan Dabong Kelantan Darulnaim pada tahun 2024. Bagi mengenalpasti kualiti air bagi setiap kawasan pelancongan yang menjadi tumpuan pelancong.

Antara sungai yang terlibat dengan kajian tersebut :

- 1) Sungai Rek (Lata Rek)
- 2) Sungai Gua Ikan.
- 3) Sungai Kenerong
- 4) Sungai Setong (Lata Kertas)

Hasil kajian melalui persampelan air yang dijalankan mendapati Indeks Kualiti Air(IKA) Sungai Rek(Lata Rek) pada musim kering berada dalam Kelas II.. Kelas II ni selamat untuk diminum air selepas dirawat dan ini menunjukkan bahawa kualiti air adalah sedehana bersih, masih sesuai untuk kegunaan seperti rekreasi dan sumber air yang dirawat.

YB DATO' SPEAKER :

Manik Urai.

YB TUAN HJ MOHD FAUZI BIN ABDULLAH :

Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan saya apakah mekanisme pemantauan keselamatan kualiti air yang digunakan untuk menilai Lata Rek dan pusat-pusat air terjun secara berkala.

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

Terima kasih kepada soalan tambahan Manik Urai. Pemantauan kualiti air terletak di bawah bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan dan kita ada beberapa jenis air yang pertama *river water* dengan izin air sungai, yang kedua *ground water*, dengan izin air dalam tanah yang ketiga, *marine water* iaitu air pantai dan juga muara sungai. Dan JAS membuat pemantauan melalui 2 kaedah, yang pertama secara manual hasil jika ada aduan daripada orang ramai dan juga pemantauan berkala JAS akan ke lokasi untuk membuat persampelan air dan yang kedua iaitu secara automatik pengawasan automatik di stesen dan kita ada beberapa stesen kawalan air di Kelantan dan kita ada 5 sungai utama di Kelantan Sungai Golok, Sungai Kelantan sendiri, Sungai Kemasin, Sungai Pengkalan Chepa dan Sungai Pengkalan Datu. Di Sungai Kelantan ada 3 lagi sungai.. Lebir, Nenggiri dan juga Galas. Semua sungai ini dibuat pemantauan berkala oleh Jabatan Alam Sekitarlah dan hasil laporan pada tahun 2014, 2013 dan 2012, semua sungai-sungai ini di bawah kategori kelas 2 iaitu bersih untuk digunakan boleh diminum selepas daripada rawatan kecuali satu sungai, iaitu Sungai Pengkalan Chepa berada di kelas 3 sedikit tercemar dan sesuai untuk pengairan dan pertanian sahaja tidak sesuai untuk dirawat. Dan kita ada satu stesen iaitu tempat kita ambil persampelan tahunan dan tercemarlah. Hasil penemuannya ada sedikit minyak hitam, bahan-bahan kimia dan Alur Bep ini berada di kawasan industri Pengkalan Chepa dan itulah kita meminta kerjasama kepada semualah. Kita menjaga alam sekitar kita Insha Allah kita dapat mengembalikan sungai utama Kelantan sebagai kawasan untuk sumber air yang bersih dan selamat untuk diminum oleh semua rakyat.

Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila, Limbongan... er...bukan Limbongan..lupa nama..sila-sila Gaal. Maaf-maaf, Gaal

YB TUAN RODZI BIN JAAFAR :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO di atas jawapan yang berkaitan dengan pusat-pusat peranginan khasnya di Lata Rek. Soalan tambahan saya ialah apakah inisiatif ataupun kerjasama awam ataupun kerjasama swasta yang telah dirancang oleh pihak Kerajaan Negeri untuk menaiktaraf beberapa fasiliti di pusat-pusat peranginan seperti tandas, surau dan juga paling yang penting laluan masuk ke pusat-pusat peranginan ini khasnya seperti kawasan hutan lipur seperti Bukit Bakar, Jeram Linang, Lata 7 dan juga di sepanjang pantai daripada Dalam Rhu sampailah ke Pantai Senok yang akhir-akhir ni mendapat kunjungan yang ramai di kalangan masyarakat kita yang mana fasiliti khasnya tandas dan laluan masuk yang sangat kurang dan sangat tidak sesuai.

Terima kasih.

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

Terima kasih kepada soalan tambahan Gaal...

Kita diperingkat PBT memang kita telah menyenaraikan lokasi-lokasi tumpuan pelancong PBT dan semua PBT ada kawasan tumpuan tarikan pelancong masing-masing dan usaha kita dalam menyelenggara dan kita telah banyak menaiktaraf kawasan-kawasan pelancongan daripada jalan kita telah buka, tandas kita telah naik taraf tinggal lagi penyelenggaraan yang memberi kesan kepada berlakunya tak bersih kerana sifat kitalah habit-habit dan tabiat kita dan beberapa lokasi telah kita menaik taraf yang melibatkan bantuan daripada Kerajaan Negeri menggunakan EFT dan juga assess daripada Pejabat Hutan Bukit Bakar dan daripada dulu Bukit Bakar dah lama ditinggalkan kerana menjadi tempat-tempat utama naiktaraf jalan dan juga fasiliti-fasiliti awam di Bukit Bakar dan kita masih merancang untuk menaiktaraf Jeram Linang. Kedua-dua kawasan ni adalah kawasan Hutan Simpan Kekal di bawah Jabatan Hutan lah. Dan surau, kita akan pastikan kawasan-kawasan rekreasi dibina surau yang selesa untuk menerima kunjungan pelancong-pelanconglah dan Insha Allah kita akan pastikan setiap fasiliti yang kita telah dinaiktaraf kita jaga dengan baik dan saya berharap kepada para pengunjung kita kenakan caj masuk RM2... RM1 tu kalau boleh kita terimalah, kerana kita caj tu untuk kita jaga untuk kita bayar balik untuk kita jaga kebersihan, penyelesaian

tandas dan surau-surau yang telah dibina dan kita cuba ubah tabiat kitalah. Kalau kita guna tandas tu kena flush dengan cara-cara yang teraturlah supaya kita dapat memastikan tandas sentiasa bersih dan surau juga sentiasa selesa digunakan untuk orang ramai.

Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Bunut Payong.

YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN :

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan kepada soalan saya nombor 10.

Soalan 10 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah program pembangunan wanita di kalangan remaja yang akan dilaksanakan bagi tahun 2025.]

YB TUAN ZAMAKHSHARI BIN MOHAMAD ;

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih kepada Dato' Speaker, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Bunut Payong atas soalan yang telah ditanyakan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri melalui Urusetia Belia dan Sukan Negeri Kelantan U-best telah merancang beberapa Program Wanita Muda ataupun Beliawanis bagi tahun 2025 yang menekankan keseimbangan antara aspek, akhlak, jatidiri, kesihatan dan kepimpinan. Program-program ini juga dilaksanakan bersama dengan rakan-rakan NGO. Antara program yang telah dirancang dan telah diadakan adalah program *Fun Run Beliawanis 3.0*, Program Riadah Sukan santai yang diselitkan dengan pengisian akhlak dan motivasi syariah friendly melibatkan penyertaan lebih daripada 2,800 beliawanis seluruh negeri. Program yang kedua ialah Program Santai Sang Puteri, lawatan santai ke lokasi menarik bagi golongan wanita muda 15-21 tahun

digabung dengan pengisian ilmu hiburan patuh syariah juga pembinaan sendiri.

Yang ketiga, ziarah beliawanis iaitu program ziarah rumah ke rumah melibatkan 700 penerima bagi menghargai beliawanis cemerlang yang mengalami kemalangan ataupun yang bergraduasi. Himpunan Ameerah Kelantan HAMKA program ini program kepimpinan berskala besar untuk 500 wanita muda Kelantan yang aktif dalam NGO dan juga gerakan belia dengan penekanan kepada kefahaman dakwah isu semasa dan juga gerak kerja islamik.

Yang kelima, *apple circle* ataupun usrah beliawanis umum sesi bulanan penguasaan ilmu dan juga pembinaan fikrah dalam suasana santai. Selain daripada itu Yang Berhormat Dato' Speaker, program yang dilaksanakan juga untuk pembangunan wanita khusus untuk remaja termasuklah Program Kem Akil Baliqh dengan kerjasama Persatuan Pembangunan Kelantan yang disasarkan khusus kepada golongan remaja perempuan berumur 11-15 tahun. Tujuan utama program ini adalah untuk memberi pendedahan awal kepada remaja perempuan berkaitan dengan kesihatan reproduktif, pembangunan sahsiah diri, akhlak islamiah, tanggungjawab muslim serta pengisian isu-isu sosial semasa yang boleh memberi kesan kepada perkembangan mereka sebagai wanita yang berdaya tahan dan berwawasan serta membina jati diri yang kukuh dan membuat keputusan yang bijak dalam menghadapi cabaran kehidupan masa kini.

Di samping itu satu Program Latihan Kepimpinan Remaja telah dilaksanakan pada Mei lepas iaitu Kem Wanita Remaja Unggul ia memberi impak yang signifikan kepada peserta dengan meningkatkan kemahiran kepimpinan sosial dan profesional dalam mengurus organisasi setempat memberi kefahaman dan pengetahuan tentang teori dan amalan dalam pengurusan acara rasmi serta kemahiran sosial dalam urusan yang berkaitan dengan pengendalian majlis rasmi di Malaysia.

Selain daripada itu Kerajaan Negeri di bawah pengurusan program belia wanita turut merancang beberapa pelaksanaan program bersasar kepada beliawanis. Antaranya bengkel penyelenggaraan kenderaan beliawanis memberi pendedahan kepada belia wanita berkaitan asas penjagaan motor dan kereta dilaksanakan di 4 zon utama Tumpat, Kuala Krai, Bachok dan juga Rantau Panjang.

Yang kedua, Program Memanah Sunnah Beliawanis- mempromosi sukan Sunnah dan membentuk disiplin serta ketenangan emosi dalam kalangan wanita muda melalui latihan memanah secara teori dan juga praktikal.

Yang ketiga, beliawanis iaitu Program Berkuda memberi pendedahan kepada kemahiran menunggang kuda sebagai sukan Sunnah sekali gus membina kemahiran dan keyakinan fizikal.

Yang keempat, Hiking Merdeka Beliawanis aktiviti riadah sempena Hari Kebangsaan bagi menyemai semangat patriotik melalui eksplorasi alam dan juga aktiviti fizikal secara berkumpulan.

Yang kelima, Perkhemahan Perdana Briged banat - program latihan asas survival kawad, kecemasan dan juga gajet untuk pelajar perempuan dari sekolah-sekolah briged banat untuk membina ketahanan fizikal dan juga sahsiah.

Yang keenam, kursus *instructor* aerobik wanita, latihan professional untuk melahirkan jurulatih wanita dalam bidang kecerdasan yang patuh syariah dan berkemahiran tinggi. Kesemua program ini adalah manifestasi Kerajaan Negeri untuk membina wanita muda yang berakhlak tinggi, berkepimpinan dan bersedia mendepani cabaran masyarakat moden dengan berpaksikan nilai-nilai Islam. Itulah program-program yang dibuat secara khusus untuk wanita selain daripada itu Program-program yang lain juga mengabungkan antara peserta-peserta belia dan juga beliawanis.

Sekian, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila, Bunut Payong.

YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN :

Terima kasih di atas jawapan yang telah diberikan oleh pihak Kerajaan dan tahniah. Begitu banyak sekali program-program yang telah dilaksanakan sepertimana yang telah disebutkan tadi. Soalan tambahan saya, apakah usaha Kerajaan Negeri dalam memperkukuh penyertaan wanita moden dalam program kepimpinan belia.

Terima kasih.

YB TUAN ZAMAKHSHARI BIN MOHAMAD ;

Terima kasih atas soalan tambahan. Kerajaan Negeri melalui beberapa aktiviti terutamanya KFLI iaitu *Kelantan Future Leaders Institute* Sentiasa memberi penekanan terhadap penyertaan *inclusive* wanita dalam program kepimpinan. Ini selaras dengan Dasar Anak Muda Kelantan (DAMAK) yang menekankan pendekatan anak muda yang seimbang dari segi jantina, jatidiri dan juga kepimpinan masa depan. Di mana kalau kita lihat beberapa program yang telah kita adakan menghasilkan ataupun komposisi penyertaan yang seimbang yang mana *Program Kelantan future Leaders camp* yang kita adakan beberapa bulan yang lalu menerima seramai 76 peserta Perempuan berbanding 72 lelaki. Maknanya untuk program ini peserta wanita lebih ramai berbanding peserta lelaki menunjukkan komitmen jelas dalam memperkukuh penyertaan wanita muda dalam ruang kepimpinan belia. Manakala dalam Program Kelantan *future Leaders Boot Camp* pula daripada jumlah keseluruhan 158 peserta 75 adalah Perempuan. Ini membuktikan penglibatan wanita muda bukan sekadar simbolik tetapi digalakkan secara menyeluruh. Selain daripada itu pendedahan berkepimpinan berfokuskan wanita muda dalam bengkel dan simulasi sidang Dun Belia serta Konvensyen Kepimpinan Belia kita menggalakkan penyertaan dalam kalangan peserta wanita untuk terlibat sama sebagai wakil YB kawasan masing-masing dan Insha Allah kita telah dalam proses mengeluarkan surat kepada semua ADUN-ADUN untuk mencadangkan nama-nama untuk kita lantik ataupun pilih sebagai ADUN Belia termasuk juga ADUN Pembangkang Insha Allah. Tunggu surat deh...

Bukan itu sahaja pencalonan belia bagi setiap DUN mestilah mencalonkan dalam kalangan kedua-dua lelaki dan Perempuan. Maknanya itulah adalah syarat pencalonan yang kita minta. Manakala di peringkat Kelantan *future academy* platform pelapis wanita sebagai pemimpin beberapa alumni beliawanis kini telah diberi kepercayaan untuk menjadi fasilitator, pengarah projek dan jurucakap dalam aktiviti susulan KFLI. Ini memberi ruang peranan wanita muda sebagai pelaksana dasar belia di peringkat komuniti sekaligus menyuburkan bakat kepimpinan yang boleh diketengahkan di peringkat negeri.

Dan bagi strategi berterusan pula Kerajaan Negeri melalui menerusi KFLI ini akan terus memperkukuh keterlibatan wanita muda dalam fasa

berikutnya, termasuk dalam program khas yang kita akan adakan selepas daripada ini felo Darulnaim, Projek Komuniti serta peryeritaan mereka dalam perbincangan dasar berkaitan dengan belia dan masyarakat.

Sekian, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila Galas..

YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Terima kasih Yang Berormat Dato' Speaker, saya ucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat EXCO atas program-program pembangunan yang agak banyak yang disenaraikan kepada kita sebentar tadi. Saya nak tanyakan kepada Yang Berhormat EXCO sejauh mana YB EXCO melihat keterlibatan remaja wanita kita ataupun beliawanis kita terhadap isu lesbian dalam negeri kita ini. Dan selain daripada itu adakah kesedaran terkini keseriusan kita Kerajaan Negeri terhadap kadar jenayah-jenayah juvana yang disebabkan oleh remaja wanita penagihan dadah di kalangan anak-anak remaja wanita dan juga kehamilan luar nikah yang berlaku dalam negeri kita ini. Jadi perkara ini bagaimana kita... kedudukan kita jika nak dibandingkan dengan negeri-negeri lain mungkin menjadi satu kayu ukuran kepada program-program pembangunan yang nak kita laksanakan nanti, terima kasih.

YB TUAN ZAMAKHSHARI BIN MOHAMAD ;

Terima kasih atas soalan tambahan, mengenai penglibatan wanita muda dalam isu-isu yang berkait terutama dalam yang disebutkan tadi LGBT. Setakat ini saya tidak ada maklumat yang tepat mungkin perlu notislah untuk kita dapat laporan daripada pihak kesihatan, cuma berdasarkan perbincangan yang tidak rasmi dengan pegawai-pegawai kesihatan ,setakat ini yang banyak terlibat dengan HIV, bukan banyaklah.... yang terlibat. Saya tarik balik, bukan banyak maknanya sebilangan kecil yang terlibat adalah lebih ramai di kalangan lelaki. Dia lebih kepada MSM yang terlibat dengan HIV dan pihak Kerajaan yang prihatin dengan isu-isu ini dan Insha Allah program dengan kerjasama EXCO kesihatan dan juga beberapa agensi lain kita akan tengok ruang-ruang kerjasama untuk sama-sama kita menangani isu ini.

Sekian, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Bukit Bunga.

YB TUAN MOHD ALMIDI BIN JAAFAR :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan kepada soalan saya nombor 11.

Soalan 11:

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, adakah wujud perancangan terarah untuk membangunkan Bukit Bunda sebagai destinasi 'eco-healing' atau pelancongan berasaskan alam semjual jadi yang inklusif, agar kawasan ini tidak sekadar menjadi laluan sempadan, tetapi destinasi pelancongan yang unik?]

YB DATUK KAMARUDIN BIN MD NOR :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebelum memberikan jawapan kepada soalan yang dibangkitkan oleh Bukit Bunga saya mohon izin untuk memaklumkan perangkaan mengenai pengunjung ataupun *tourist* yang telah datang ke Kelantan pada tahun 2024. Hal ini saya rasa perlu kerana berbangkit pada sidang DUN yang lepas beberapa Ahli Dewan bertanyakan tentang jumlah pengunjung. Daripada masa itu perangkaan kita belum dapat, jadi baru awal bulan ini *department of statistic* (DOSM) telah menerbitkan angka dan saya mohon izin untuk berkongsi angka-angka ini dengan Ahli-Ahli Dewan. Pada tahun 2024 kita telah menerima seramai 10,000,504,000.00 orang pengunjung berbanding pada tahun 2023 kita telah menerima 7,000,549,000.00 orang pengunjung. Pertambahan dari segi peratusannya ialah 39.3%. Jadi ini ternyata bahawa kempen Melawat Kelantan Sempena Tahun Melawat Kelantan itu telah mencapai bukan sahaja mencapai melebihi target yang kita buat yang kita anggar 10 juta sahaja tetapi lebih. Ini domestic, yang International pelancongan luar negeri ialah seramai 595,610 daripada 3

pintu masuk sahaja yakni Pengkalan Kubor, Rantau Panjang dengan Bukit Bunga, jadi kalau campur 2 tu tu lebih pada 11 jutalah. Dan saya ingin mengucapkan terima kasih banyak kepada semua kerana bekerjasama erat bagi menghasilkan pencapaian ini. Sekarang menjawab soalan yang dibangkitkan oleh ADUN Bukit Bunga. Kerajaan Negeri melalui Majlis Daerah Tanah Merah sedang meneroka beberapa tempat yang berpotensi untuk dimajukan sebagai tempat eko-pelancongan dalam DUN Bukit Bunga. Antara kawasan yang mempunyai potensi dalam usaha ini adalah di kawasan Bukit Kemahang dan sekitarnya, ianya mempunyai beberapa lata dan jeram yang cantik serta sesuai untuk dijadikan tempat pelancongan berkonsepkan eko atau pun semula jadi.

Selain daripada itu ialah kawasan Lata Bijih cuma Lata Bijih ni ia milik swasta dan sekarang ini sedang beroperasi dan saya lihat agak popular dan kita juga ikut membantu dalam hal-hal urusan infra structure. Selain daripada itu Kerajaan sedang meneliti beberapa cadangan untuk mengadakan mengadakan satu kegiatan safari tour 4 x 4. Ini satu projek kembara dengan menggunakan 4 x4 kenderaan yang sedang diteliti untuk 3 DUN di Parlimen Jeli dan dia bersambung maknanya melibatkan DUN Kuala Balah, DUN Ayer Lanas dan DUN Bukit Bunga. Ini sedang dalam penelitian kita nak lihat dia punya fasilitinya dan juga jalan-jalan yang sedia ada. Ini safari tour lah kita kira masuk dalam hutan dengan berkereta. Ada beberapa tempat yang sangat menarik salah satu daripadanya ialah di maaf yer bukan di DUN Bukit Bunga, tapi DUN Ayer Lanas di Kala dekat dengan sempadan Malaysia-Thailand. Situ dulu ada katanya diusahakan emas di situ jadi sebahagian daripada tarikannya ialah mereka yang terlibat dalam safari tour ni akan singgah situ dan cuba nasib mereka di situ.

Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila, Bukit Bunga.

YB MOHD ALMIDI BIN JAAFAR :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih Yang Berhormat EXCO di atas jawapan yang diberikan sebentar tadi. Memanglah di antara pintu masuk ketiga-tiga pintu masuk ke negeri Kelantan ini Bukit Bunga antara pintu masuk yang ramai jugaklah lebih

kurang purata dalam 1,000 orang yang masuk ke Kelantan melalui pintu masuk Imigresen Bukit Bunga. Soalan tambahan saya adakah Kerajaan Negeri hari ini mempunyai insentif khas bagi pengusaha pusat rekreasi secara persendirian ataupun swasta bagi menggalakkan komuniti setempat terlibat sama dalam industri ini.

Terima kasih.

YB DATUK KAMARUDIN BIN MD NOR :

Terima kasih atas soalan tambahan... insentif khas tu belum ada lagi tapi insentif biasa tu adalah dengan kemudahan-kemudahan bantuan infra dan juga latihan kepada para pengusaha resort, itu memang disediakan.

Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila, Kuala Balah.

YB DATO' ABDUL HADI BIN AWANG KECHIL :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, pelancongan dari segi saya ialah sangat sinonim dengan antaranya terutama di sebelah Gua Musang, Jeli iaitu dengan orang asal mereka itu tentunya banyak yang menyumbang dengan pembangunan pelancongan yang ada kaitan dengan mereka dari segi aktiviti sungai, trek hutan dan banyak lagi pakaian dan sebagainya. Soalan saya ialah apakah perancangan kita untuk melibatkan orang asal ini dalam pembangunan pelancongan supaya mereka juga dapat merasai nikmat yang diperolehi oleh yang bukan berdekatan dengan kawasan-kawasan di kawasan bandar dan sebagainya yang jauh daripada hutan.

Sekian terima kasih.

YB DATUK KAMARUDIN BIN MD NOR :

Yang Berhormat Speaker, kalau nak kira ni soalan ni luar sikitlah. Kita cerita tadi soal Bukit Bunga. Ini mengenai orang asal. Takpolah tak dak masalah kita boleh jawab juga. Memang Kerajaan mengambil berat tentang keadaan Hal Ehwal Orang Asli kita berganding bahu dengan JAKOA dari pelbagai sudut dakwah dan pendidikan dan juga sosial. Dan kadang-kadang ada *sensitive* juga Orang Asli ada setengah-setengah

negara dia jadikan objek pelancongan. Kita... saya *personally* merasakan itu tidak wajar pasal dia sebahagian daripada kita. Tapi ada jugalah untuk tujuan pelancongan dan tarikan maka mereka ini dijadikan objek tapi kita tak belum fikir lagi ke arah itu lagi.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Pulai Chondong.

YB TUAN HJ AZHAR BIN SALLEH :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Ada orang tanya jolo ko...jolo ko pah dio duk kelip pah-kelip pah. Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan soalan saya nombor 12.

Soalan 12 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah Kerajaan bercaang untuk memperluaskan skop keberhasilan K- Rab (Komuniti Rabbani) bukan setakat melalui ceramah-ceramah sahaja dan kalau ada apakah program-program yang telah dirangka bagi mencapai dan melahirkan generasi Rabbani yang bertaqwa kepada Allah S.W.T]

YB DATO' SPEAKER :

Rosak pantun.

YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HJ HASSAN :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Pulai Chondong di atas soalan nombor 12 izinkan saya membaca sepotong ayat Quran yang sangat relevan dengan soalan yang ditanya

مَا كَانَ لِيَشِيرَ أَنْ يُؤْتِيَهُ اللَّهُ الْكِتَابَ وَالْحُكْمَ وَالنَّبُوءَةَ ثُمَّ يَقُولَ لِلنَّاسِ كُونُوا عِبَادًا لِي مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلَكِنْ كُونُوا رَبَّيْنَ بِمَا كُنْتُمْ تُعَلِّمُونَ الْكِتَابَ وَبِمَا كُنْتُمْ تَدْرُسُونَ ٧٩

Al-Imran ayat 79.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perkataan Rabbani yang kita gunakan untuk apa yang kita panggil komuniti Rabbani ataupun (K-RABB) diambil daripada ayat inilah yang mana ayat ini lebih kurang bermaksud bahawa tidak patut bagi seseorang yang diberikan kepadanya wahyu Al-Kitab dan juga hikmah dan juga kenabian kemudian dia mengatakan kepada manusia hendaklah kamu menyembahku tetapi sepatutnya dia berkata kepada manusia hendaklah kamu menjadi seorang Rabbani dengan apa yang diturunkan kepada kamu dengan apa yang kamu mengajar dan apa yang kamu belajar.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa berusaha menjayakan pembentukan masyarakat budaya Komuniti Rabbani seiring dengan matlamat Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI). Sebagaimana yang kita semua ketahui bahawa K-RABB telah dilancarkan pada 22 September 2022, bermakna K-RABB telah memasuki tahun ketiga. Dalam usaha untuk mempromosikan K-RABB-, atau Komuniti Rabbani ini ceramah masih lagi medium utama dalam menyampaikan mesej dan memperkenalkan budaya K-RABB kepada masyarakat. Siri ceramah tentang K-RABB telah berjaya diadakan pada tahun 2024 sebanyak 135 siri dan dilaksanakan sempena program Bina Ummah seluruh Negeri. Program ini diteruskan pada tahun 2025, sebanyak 135 siri lagi dan ianya sedang berlangsung dalam kerangka memberi kesedaran kepada ahli masyarakat di seluruh negeri Kelantan tentang 9 budaya tersebut.

Walaupun sedemikian, pihak Kerajaan juga telah merangka dan melaksanakan pelbagai aktiviti agar capaian maklumat dan penghayatan K-RABB lebih meluas dan juga lebih berkesan.

Sebagaimana yang dicadangkan dalam soalan tadi antaranya adalah yang pertama:-

Program Pembentukan Daie Muda Rabbani.

- Inisiatif ini bertujuan melahirkan daie yang lebih kreatif dan mampu menyampaikan mesej Islam secara lebih berkesan dan mampu menjadi penggerak dalam masyarakat untuk mewujudkan kesedaran budaya K-RABB.
- Seramai 25 orang daie muda seluruh Kelantan telah mengikuti kursus Daie Muda Rabbani siri 1 pada 14 Mei 2025.

Yang kedua, penghayatan K-RABB di semua 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh Negeri Kelantan. Program ini melibatkan cadangan untuk melantik seorang pegawai PBT sebagai Duta K-RABB yang bertindak sebagai pemudah cara program K-RABB antara ILKAN dan juga PBT. Program ini dijangka akan bermula pada Ogos hingga Oktober 2025.

Ketiga, jelajah K-RABB dan promosi K-RABB melalui beberapa sekolah terpilih dan strategic di bawah Yayasan Islam Kelantan(YIK). Program ini bertujuan untuk menjadikan warga sekolah dan masyarakat setempat dapat memahami dan menghayati matlamat K-RABB dalam kehidupan harian mereka. Antara beberapa sekolah awal yang telah dipersetujui oleh pihak YIK ialah:

- i. Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat Pulai Chondong
- ii. Maahad Sains Tok Guru Pengkalan Chepa
- iii. Maahad Muhammadi Tumpat
- iv. Maahad Syamsul Maarif (P) Pulai Chondong
- v. Maahad Tarbiah Mardziah Panchor.
- vi. Maahad Muhammadi Rantau Panjang
- vii. Maahad Muhammadi Gua Musang

Program ini dijangka akan bermula pada Ogos sehingga Disember 2025.

Yang seterusnya yang keempat, pertandingan Video Kreatif K-RABB. Pertandingan ini bertujuan bagi menarik minat golongan muda dalam kalangan belia, pelajar IPT dan sekolah menengah. Peserta yang menyertai pertandingan perlu memuat naik hasil karya melalui medium media sosial masing-masing seperti Tik Tok, YouTube, Facebook dan seumpamanya. Bukan sahaja peserta daripada Kelantan bahkan turut disertai oleh peserta-peserta daripada luar Kelantan. Dan untuk maklumat semua bahawa johan pertandingan yang berasal dari Johor. Naib Johan daripada Terengganu manakala tempat ketiga dimenangi oleh

peserta dari negeri Johor juga. Walaubagaimanapun penyertaan ramai adalah daripada negeri Kelantan.

Kelima, kita juga menghasilkan buku Tafaqquh Fiddin yang berorientasikan 9 budaya K-RABB yang kini telah memasuki fasa akhir untuk kita siapkan. Sebanyak 1000 naskah awal dahulu untuk kita lihat dari sudut cetakkan dan sebagainya untuk dijadikan sebagai silibus pengajian dalam siri kuliah agama di masjid atau juga surau.

Untuk tujuan penulisan buku ini ialah untuk membina masyarakat berilmu yang memahami nilai-nilai Rabbani berasaskan K-RABB dan dapat diamalkan dalam kehidupan seharian.

Yang keenam, seterusnya adalah Program Komuniti Rabbani Dua Mukim Rintis. Iaitu kita bentuk Model Komuniti Rabbani dalam seluruh aspek kehidupan masyarakat berasaskan kepada 9 Budaya K-RABB. Pihak ILDAN sedang menilai dan memilih 2 mukim yang akan menjadi projek rintis Komuniti Rabbani yang dijangka bermula Ogos sehingga Disember 2025.

Dan seterusnya adalah Pembentukan dan Latihan Jurulatih Utama K-RABB (Tranning For Trainner). Sekumpulan 60 orang Jurulatih Utama dari pelbagai agensi yang dilantik akan diberikan Latihan dan pendedahan yang berterusan bagi meningkatkan profesionalisme mereka sebagai jutulatih dan sekaligus sebagai duta K-RABB yang boleh memberi maklumat dan mendidik masyarakat secara berterusan.

Kesemua program ini dirancang sebagai satu ekosistem pembangunan sahsiah masyarakat berasaskan Islam. Ia bersifat *continuity*, *continous* berterusan, inklusif dan pelbagai pendekatan yang merangkumi pendidikan, latihan, pertandingan, pembangunan komuniti dan digitalisasi dakwah. Inisiatif ini mencerminkan kesungguhan Kerajaan Negeri dalam melahirkan sebuah masyarakat yang bertakwa, berakhlak mulia dan harmoni berteraskan prinsip-prinsip Islam yang syumul.

Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila, Pulai Chondong.

YB TUAN AZHAR BIN SALLEH :

Terima kasih diucapkan oleh pihak Kerajaan yang telah berusaha untuk melaksanakan satu dasar ataupun program K-RABB yang mana sebelum daripada ini diperkenalkan (DPRK) Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan dan saya difahamkan Kerajaan Pusat ada Dasar Komuniti Madani. Tapi tak tahulah setaromananya, ehmm...saya rasa pihak Pembangkang tidak ada halangan untuk membantu pihak Kerajaan bagi pelaksanaan K-RABB kerana dengan pelaksanaan K-RABB dengan sebaik mungkin Insha Allah dapat membendung apa yang dinyatakan oleh YB EXCO Sukan, YB Kak Ani kita dan sebagainya.

Soalan tambahan saya, adakah Kerajaan bercadang untuk melibatkan agensi-agensi Kerajaan Pusat contohnya ataupun apa sahaja NGO-NGO yang berkepentingan untuk sama-sama bekerjasama bagi menjayakan program, K-RABB.

Sekian, terima kasih.

YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HJ HASSAN :

Terima kasih kepada Pulai Chondong saya duk tunggu takut-takut ada pantun baru iya..tapi rasanya dia tak de nak siapkan pantun dia. Dia kata pasal saya pun tak jawab pantun dia.. payah nak jawab pantun lagu tu YB. Buat molek sikit Insha Allah kita jawab, Insha Allah. Loni masuk *chat gpt* semua ada di situ. Ok terima kasih kepada Pulai Chondong di atas soalan tambahan tersebut.

Inilah yang Kerajaan Negeri lakukan untuk kita sama-sama mengambil tanggungjawab bukan sahaja kita membendung apa sahaja unsur-unsur negatif yang melanda generasi muda tidak kira anak siapa dan walaupun di mana sebab kita tahu bahawa apa yang melanda generasi muda hari ini dia tidak mengenal rupa, dia tidak mengenal ibu dan bapa dan dia tidak mengenal agama. Sebab itu kita kata tanggungjawab ini adalah

tanggungjawab semua dan kita kata bahawa anak-anak tuan-tuan adalah anak kita, dan anak saya juga adalah anak saudara. Jadi sebab itulah kita mengambil tanggungjawab ini dan untuk pengetahuan Ahli-Ahli Yang Berhormat semua tanggungjawab ini telah kita ambil lama dulu dan kita telah pun bekerjasama dalam konteks negeri Kelantan agensi-agensi Kerajaan Negeri bersama dengan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan kita sebelum ini kita telah maklumkan bahawa Kerajaan Negeri melalui Unit Perancangan Ekonomi Negeri UPEN telah menjadi penganjur bersama dengan Unit Pemantauan dan Strategik kita kata SPARK Pejabat Menteri Besar dan Institut Darul Naim ataupun ILNAN bahawa bina insan dalam menganjurkan bengkel menangani gejala sosial dan maksiat negeri Kelantan 2025 dan Program ini melibatkan 24 agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan dan kita telah pun menubuhkan satu Jawatankuasa bersama memerangi gejala sosial yang melibatkan semua agensi-agensi Kerajaan Negeri dan juga agensi-agensi Kerajaan Persekutuan yang ada di Negeri Kelantan ini dan kita dalam bengkel-bengkel yang telah kita telah lakukan secara bersama kita perincikan apa masalah gejala sosial yang melanda anak muda kita daripada gejala pengabaian terhadap tanggungjawab agama sebagai contohnya solat sampailah kepada masalah gejala sosial yang sedang melanda anak-anak muda kita termasuklah dalam penyalahgunaan dadah dan juga LGBT dan sebagainya untuk tujuan memudahkan kerja dan juga mengenalpasti agensi-agensi yang terlibat kita telah bahagikan kepada 9 kluster yang mana kita perincikan satu persatu kluster itu dan kita padankan dengan agensi-agensi yang terlibat.

Saya ambil sebagai contohnya kluster yang pertama pemahaman Islam sebagai Addin mungkin berlaku ketidakfahaman yang jelas di kalangan anak muda maka untuk tujuan tersebut kita libatkan agensi Kerajaan Negeri sebagai contohnya ialah agensi Kerajaan JHEAIK dan juga agensi Kerajaan Persekutuan iaitulah Jabatan Pendidikan dan sebagainya.

Kluster yang kedua, berhubung dengan masalah rokok, vape, ketum dan juga arak. Kluster yang ketiga, pencegahan jenayah keselamatan komuniti dan jenayah syiber. Kluster keempat, menangani gejala sosial di sekolah dan juga di Universiti sudah tentunyalah Yayasan Islam Kelantan terlibat dan Jabatan Pendidikan Negeri juga terlibat dan penyalahgunaan dadah sudah semestinya AADK juga terlibat di samping

JHEAIK dan juga Penghulu, Penggawa, Pejabat-Pejabat Tanah dan juga Pejabat Daerah, pengabaian solat, gejala seks bebas dan juga LGBTQ penderaan dan juga akhlak. Dan kalau orang tanya apa Kerajaan Negeri buat? Kerajaan Negeri memang buat. Kita ada 11 EXCO yang setiap orang EXCO itu ada bukan sahaja satu portfolio, setiap EXCO tu pegang 3 antara 4 portfolio. Semuanya bekerja dan kita sebagaimana yang kita katakan dan kita bersedia bekerjasama dengan semua agensi-agensi Kerajaan Persekutuan yang ada dalam Negeri dan kita mohon libatkanlah agensi-agensi Kerajaan Negeri dalam semua tindakan yang berhubung dengan apa sahaja masalah sekiranya ia berlaku di Kelantan kita bersedia malah disamping agensi Kerajaan Persekutuan ada kelebihan, agensi Kerajaan Negeri juga dalam beberapa perkara kita ada kelebihan. Kita ada daripada atas sampailah kepada penghulu. Penghulu ini dia kenal setiap seorang daripada anak mukimnya dan dia boleh tahu apa masalah setiap dalam keluarga jadi itulah kita katakan bahawa sekiranya kita dapat melaksanakan kerja kita secara bersepadu dan secara bersepakat Alhamdulillah outcomenya kita katakan bahawa hasilnya nanti akan lebih berkesan dan kita ucapkan terima kasih kepada semua agensi yang kita sebutkan tadi 24 agensi Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan termasuklah polis, AADK, PEMADAM, JKM dan pelbagai NGO yang bekerjasama dengan kita bukan sahaja bagi kita menjayakan K-RABB. K-RABB ini adalah satu program besar Kerajaan Negeri. Kalau orang tanya apa program Kerajaan Negeri bagi menangani masalah dadah menangani masalah LGBT dan sebagainya. Ini adalah antara program besar Kerajaan Negeri dengan segala benda yang melanda anak-anak muda belum lagi di bawah EXCO Wanita, belum lagi di bawah EXCO Pemuda, belum lagi di bawah EXCO Agama, belum lagi di bawah EXCO Pendidikan semuanya ada tanggungjawab belaka. Ini lah yang kita buat dalam negeri kita, insha Allah semua ianya diberkati.

Sekian, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila, Gaal.

YB TUAN RODZI BIN JAAFAR :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri menganjurkan program cakna rakyat sejak sekian lama dan apakah program K-RABB ini akan menjadi intipati utama kepada penganjuran program cakna rakyat dan apakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memperkukuhkan program Ladang Rakyat ini dengan menambah baik modul melalui IL DAN dan sebagainya, terima kasih.

YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HJ HASSAN :

Terima kasih kepada YB Gaal... YB Gaal bukan Ladang Rakyat tapi cakna rakyat. Tadi saya dengar Ladang Rakyat err... Cakna Rakyat masalah microfon [SAMBIL TERGELAK] saya rasa tak selesai lagi masalah microfon kita. Jadi kelmarin Ketua Presiden BBC dia sebut jawapan daripada MB jawapan EXCO tak jelas di sebelah sana dan hari ini saya harap ok yer... terima kasih.

Sebenarnya Cakna Rakyat adalah di bawah unit Pembangunan Insan Pejabat sayalah Pejabat Timbalan Menteri Besar adapun K-RABB kita khususnya yang *incharge* yang mengambil tanggungjawab itu adalah IL DAN. Walaubagaimana pun ini adalah program Kerajaan Negeri bukan program IL DAN. Apabila kita katakan program Kerajaan Negeri semua ini terlibat termasuklah YB-YB juga terlibat dalam menjayakan Insha Allah jadi apabila kita ada bina ummah kita ada cakna rakyat kita selitkan juga untuk memahamkan kepada rakyat kita berkenaan dengan 9 perkara dasar yang ditekankan dalam K-RABB itu bagi mewujudkan apa yang kita katakan sebagai komuniti Rabbani. Kalau di peringkat sekolah kita ada Dasar Pendidikan Rabbani tapi Mantan Yang Amat Berhormat Menteri Besar berkata kalau di sekolah anak-anak kita didik dengan pendidikan Rabbani tapi dia balik di rumah dia bergaul dengan adik beradik dan kawan-kawan akhirnya dia lebur sebegitu. Maka Kerajaan juga mesti ada tanggungjawab untuk membentuk masyarakat itu sendiri menjadi masyarakat Rabbani satu tanggungjawab yang besar 1.9 juta penduduk nak lahirkan masyarakat Rabbani ini maka bukan tanggungjawab IL DAN. Bukan tanggungjawab unit bina insan tetapi tanggungjawab semua EXCO, tanggungjawab semua YB-YB sebelah sini

ataupun sebelah sana dan jangan lupa ibubapa memainkan peranan paling besar.

Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila, Galas..

YB HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Terima kasih Dato' Speaker, soalan tambahan saya berkaitan dengan ukuran kejayaan K-RABB ini. Saya amat bersetuju dengan apa yang dihuraikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Besar sebentar tadi, K-RABB ini satu pendekatan yang penting dan tadi Pula Chondong Tanya dia minta supaya kita bersama *wataawanu ala birri wal taqwa*. Insha Allah dalam hal ini kita bersama dalam Rabbani madani dan dalam hal ini ke arah Rohani tapi bukan Tanjung Mas lah.

Indicator apakah terdapat indicator yang jelas dan telus selain daripada bilangan program bilangan ceramah yang diadakan untuk ukuran kejayaan K-RABB ini.

Dan yang kedua, Yang Berhormat... intervensi-intervensi sosial daripada program K-RABB ini adalah kita juga melibatkan ianya intervensi sosial secara holistik seperti intervensi pekerjaan, intervensi psikologi intervensi pendidikan dan sebagainya dalam kita nak menjayakan K-RABB ini.

Terima kasih.

YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HJ HASSAN :

Ok, terima kasih kepada Galas dan saya tahu Galas memang berminat dalam hal ini. Dan di atas soalan-soalan tadi apakah indicator..saya kebetulan pagi ini saya ada terjumpa satu dua artekal yang ditulis oleh Professor Riduan Tony Abdullah, Nuri Al-Amin Bin Endot, Raja Iskandar Bin Raja Yakob(Allahyarham) dan Nur Fatimah Binti Mohamad Azhar

dalam majalah *International jurnal of management and applied sciences* 2018 yang ini dia rujuk kepada indeks sosial taqwa yang kita buat sama juga dengan dia ada *web as conference* 2021 berkenaan dengan indicator juga oleh beberapa orang yang sama yang telah melakukan reasearh berkenaan dengan indeks sosial taqwa yang kita buat di sini sudah tentulah diserahkan kepada kita indicator-indicator dan juga kejayaan-kejayaannya. Daripada apa yang mereka buat di sini itulah kita buat beberapa program sebagai satu langkah susulan jadi program K-RABB ini adalah langkah susulan kepada indeks sosial taqwa dan semalam dibekalkan kepada kita konsep sosial taqwa satu buku yang cantik yang dikeluarkan oleh ILDAN dengan kerjasama Pusat Kajian Strategik di situ.

Di sini Insha Allah sebagaimana yang saya katakan 3 tahun baru berjalan dan kita ada proses ada *tranning* dan kita masukkan dalam beberapa program Kerajaan Negeri untuk kita fahamkan kepada rakyat. Satu masa mungkin tahun depan ataupun mungkin kita bagi masa sebab itu saya katakan 1.9 juta YB, kita nak fahamkan mereka tentang apa itu konsep K-RABB belum lagi penghayatannya bagaimana nak fahamkan dulu kita nak fahamkan ni pun apa kriteria untuk kita ambil sama ada mereka faham ataupun tidak sebab ianya dalam kepala ataupun dalam istilah research dia panggil subjektif. Mohon Dato' Speaker, betulkan sebab Dato' Speaker, pun faham sangat apabila kita buat satu kajian benda yang bersifat subjektif nak ukur sesuatu yang subjektif iman seseorang nak ukur bagaimana. Bukan objektif... objektif ni kita ada jawapan sama ada A ataupun B. Ini subjektif jadi dia ada satu-satu kaedah yang dibuat oleh Universiti ini. Jadi kita akan jemput mereka nanti untuk buat satu kajian sejauh mana kejayaan ini kefahaman baru terhadap K-RABB nanti amalannya bagaimana kita akan jemput lagi Insha Allah. Mana-mana pihak dalam hal ini yer. Jadi mereka ada satu kaedah. Yang keduanya *sosial intervension...* intervensi sosial. Kita dalam konteks saya, bina insan. Bina insan di sini nak membina sahsiah dan kemahiran itu terletak di bawah beberapa EXCO yang lain. Jadi sebab itulah dia kata bahawa dalam konteks ini di portfolio saya mengambil tugas untuk memberi kefahaman manakala untuk mengisinya pula mungkin orang ini berhadapan dengan masalah kerana dia menganggur. Orang ini menghadapi masalah kerana dia tidak mendapat pendidikan yang tinggi. Dalam hal ini kita ada EXCO Pendidikan, kita ada EXCO investment, kita ada EXCO Pertanian dan sebagainya. Jadi inilah yang kita katakan kita bekerja sebagai satu

kumpulan. Sebab tu saya kata K-RABB ini bukan adalah tanggungjawab semua dan saya mengikuti YB EXCO Pertanian kita boleh fahamkan kepada masyarakat kita dulu Kerajaan Negeri Kelantan Pertanian satu Ibadah. Dan Pusat adalah satu perniagaan kita gabungkan keduanya akhirat boleh dunia boleh dan apabila baru-baru ini saya ikuti program YB EXCO Pertanian berhubung dengan penanaman mangga harum manis Kelantan dan diberikan kepada kita untuk satu ataupun 2 ekar kalua ditanam ataupun dijaga dengan baik mungkin gaji YB pun kalah dengan pendapatan. Sebab itu katakan dalam zaman robotik ini kita kata zaman *industrial revolution* IR banyak kerja diambil alih oleh robot. Jadi sekarang ini pelajar-pelajar yang keluar daripada Universiti ini belum tentu dia dapat kerja sebab banyak kerja diambil alih oleh robot.

Jadi sekarang ini kemahiran itu perlu dan kemahiran ini kita ada tanah dan sebagainya kita perlu didik anak kita bahawa pekerjaan itu bukan bermaksud pekerjaan makan gaji. Kita bertani juga adalah satu pekerjaan dan sebagainya lagilah itu kita mengalu-alukan sangat semua di sini bagi input kepada kita kerjasama dengan kita bagaimana kita membantu anak Kelantan ini yang mana anak Kelantan ini memang bukti di mana-mana pun mereka adalah usahawan. Jadi kita nak minta usahawan yang berjaya bantu anak-anak kita menjadi 100 orang yang berjaya sebagaimana seorang yang berjaya sebelum ini.

Terima kasih YB..

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Gual Periok.

YB TUAN KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD :

Yang Berhormat Dato' Speakerl mohon jawpan saya soalan nombor 13.
Terima kasih.

Soalan 13 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, berapa banya perjanjian royalty hidroelektrik yang telah, sedang dan akan

berjalan di Kelantan, nyatakan lokasi setiap projek serta jumlah hasil yang telah diterima oleh Kerajaan Negeri setakat ini?]

YB DATO' DR HJ IZANI BIN HUSIN :

Terima kasih Dato' Sri Amar Diraja, terima kasih juga kepada Gual Periok. Sebelum saya menjawab kepada Gual Periok saya ingin membuat sedikit pembetulan kepada soalan daripada Kemuning tadi. Untuk Kemuning tadi saya menyebut bahawa R&R di sepanjang LTU itu 7 buah sebenarnya hanya 2 buah yer. Bukan 7, 2 buah sahaja kerana kita ada LTU So tu jah jadi sepanjang itu ada 2 bukan 7.

Jadi untuk soalan daripada Gual Periok kutipan hasil hidroelektrik di bawah Enakmen Sumber Air Kelantan telah mula diterima melalui Jabatan Sumber Air Negeri Kelantan bermula pada 2022. Sehingga kini terdapat 4 projek yang sedang beroperasi dan menjana hasil kepada Kerajaan Negeri. Antaranya ialah Syarikat Mustaq Hidro Sdn. Bhd di Sungai Kenerong Kuala Krai, Syarikat Hidro Expert Sdn. Bhd di Sungai Brook Gua Musang, TNB power generation Sdn. Bhd di Pergau, Jeli dan Syarikat IS Energy Sdn. Bhd Sungai Red Ulu Kuala Krai.

Sehingga tahun 2024 jumlah keseluruhan hasil royalti yang diterima oleh Kerajaan Negeri melalui sumber air negeri Kelantan daripada projek-projek yang telah beroperasi adalah sebanyak 12.637 juta. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Terima kasih, Gual Periok.

YB TUAN KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih di atas ucapan yang telah dikemukakan. Soalan tambahan saya adakah terdapat inisiatif daripada pihak Kerajaan untuk pelaburan semula ini daripada sumber teknologi hijau ini untuk projek sumber tenaga baru di negeri Kelantan.

Terima kasih.

YB DATO' DR. HJ IZANI BIN HUSIN :

Terima kasih Gual Periok seperti yang dijawab oleh EXCO Pelaburan tadi bahawa Kerajaan sentiasa terbuka untuk tenaga baru yakni solar. Jadi untuk itu kita mengalu-alukan kehadiran pelabur cuma untuk merealisasikan tapak yang sesuai kemudian mereka ini mesti mendapat kelulusan daripada Pesuruhjaya Tenaga. Jadi tidak timbul soal kita rolling ni tetapi kita ada agensi-agensi tertentu di Negeri Kelantan ini untuk sumber baru ini antaranya KOMM ataupun SEDC ataupun *direct* kepada Kerajaan sendiri. Jadi untuk itu kita Kelantan sebenarnya mengalu-alukan pelaburan semua baru sekiranya ada *demand*.

Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Mengkebang.

YB TUAN ZUBIR BIN ABU BAKAR :

Terima kasih Dato'Speaker di atas jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat EXCO tadi. Cuma soalan saya memandangkan kita ada perjanjian royalti antara kita dengan pelabur, adakah Kerajaan Negeri telah menyemak dan *restructuring* lah dengan izin struktur perjanjian royalti agar lebih kompetitif dan menjamin hasil jangka panjang untuk Kerajaan Negeri kita, terima kasih.

YB DATO' DR. HJ IZANI BIN HUSIN :

Terima kasih Mengkebang, kita dalam perjanjian royalti ni kita ambil *lumpsum* daripada luar sampai ke akhir projek tu dipersetujui bersama. Namun demikian pendapatan-pendapatan lain selain daripada itu seumpamanya Nenggiri, Nenggiri kita belum siap dan belum ada lagi royalti tetapi hasil daripada Nenggiri kita dapat ataupun pendapatan Negeri melebihi RM200.13 juta untuk pampasan tanah dan sebagainya 4 item itu. Jadi untuk royalti kita biasanya berbincang, bersetuju daripada awal sehingga tamat tempoh konsesi, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Ahli-Ahli Yang Berhormat saya berhasrat untuk menangguhkan persidangan ditangguhkan dan Persidangan akan disambung semula

YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

[MENCELAH] Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon petua dan pedoman daripada Yang Berhormat Dato' Speaker,

YB DATO' SPEAKER :

Iya..iya..

YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

..... sebagaimana hasrat semalam tapi tak sempat nak bagitahu bolehkah kiranya kita teruskan sedikit lagi soalan jawapan ini memandangkan kita ada 32 soalan Yang Berhormat dan baru dijawab 12 soalan ada 20 lagi berbaki dan saya kira persoalan-persoalan ini ada jawapan daripada Yang Berhormat EXCO. Jadi saya nak mohon pertimbangan daripada Yang Berhormat Speaker, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Besok kita panjangkan sedikit.

Saya berhasrat untuk menangguhkan Persidangan Dewan dan Dewan ditangguhkan sehingga jam 9.00 pagi besok. Dengan ini marilah sama-sama kita mengakhiri dengan membaca Tasbih Kafarah dan Suratul Asr.

Dewan ditangguhkan, terima kasih.

**PERSIDANGAN DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 11.50 PAGI DAN
AKAN BERSAMBUNG SEMULA PADA JAM 9.00 PAGI ESOK.**

HARI KETIGA 23 JULAI 2025

**PERSIDANGAN KALI KEDUA
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI KELANTAN KELIMABELAS**

=====

**[27 MUHARAM 1447H / 23HB JULAI 2025]
AHLI-AHLI YANG HADIR**

BIL	NAMA	KAWASAN
1.	YB DATO' SRI AMAR D'RAJA DATO' HJ MOHD AMAR B ABDULLAH <i>S.J.M.K.,D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)</i>	PANCHOR / SPEAKER
2.	YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' HJ MOHD NASSURUDDIN B HJ DAUD <i>S.J.M.K.,D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Pentadbiran Awam, Kewangan, Ekonomi & Tanah)	MERANTI / MENTERI BESAR
3.	YB DATO' DR. HJ MOHAMED FADZLI B DATO' HJ HASSAN <i>D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wilayah, Sumber Asli, Integriti, Pembangunan Insan & Undang-undang)	TEMANGAN / TIMBALAN MENTERI BESAR
4.	YB MEJ. (B) DATO' HJ MD ANIZAM B AB RAHMAN <i>D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan & Keusahawanan)	KEMAHANG
5.	YB DATO' DR. IZANI B HAJI HUSIN <i>D.J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Kerjaraya, Infrastruktur, Air & Pembangunan Luar Bandar)	KIJANG
6.	YB DATO' TUAN HJ SARIPUDIN B TUAN ISMAIL <i>D.J.M.K., J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan & Komoditi)	SELISING

HARI KETIGA 23 JULAI 2025

7.	YB DATO' HJ WAN ROSLAN B WAN HAMAT <i>D.J.M.K., J.M.K., A.S.K.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital & Inovasi)	PENGKALAN KUBOR
8.	YB TUAN MOHD ASRI B MAT DAUD <i>J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan & Hubungan Seranta)	DEMIT
9.	YB TUAN HILMI B ABDULLAH (Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan & Alam Sekitar)	GUCHIL
10.	YB PUAN HJH ROHANI BT IBRAHIM <i>J.M.K., S.M.K.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga & Wanita)	TANJONG MAS
11.	YB TUAN ZAMAKHSHARI B MUHAMAD <i>J.M.K</i> (Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, NGO & Perpaduan Masyarakat)	APAM PUTRA
12.	YB DATUK KAMARUDIN B MD NOR <i>D.M.S.M.,A.M.N.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian & Warisan)	AYER LANAS
13.	YB DATO' MOHAMED FARID B MOHAMED ZAWAWI <i>D.I.M.P.</i>	KOK LANAS / TIMBALAN SPEAKER
14.	YB DATO' BENTARA KANAN USTAZ DATO' HJ AHMAD B YAKOB <i>S.J.M.K.,D.J.M.K.,S.M.K.,J.P.</i>	PASIR PEKAN
15.	YB DATO' SR HJ AZAMI B MOHD NOR <i>D.J.M.K.,J.M.K.</i>	KADOK
16.	YB DATO' HJ ABDUL FATTAH B MAHMOOD <i>D.J.M.K.,J.M.K.</i>	BUKIT PANAU
17.	YB DATO' HJ ABD. RAHMAN B YUNUS <i>D.J.M.K, J.M.K.</i>	PASIR TUMBOH

18.	YB TUAN HJ MOHD FAUZI B ABDULLAH <i>J.M.K</i>	MANEK URAI
19.	YB TUAN HJ MOHD HUZAIMY B CHE HUSSIN <i>J.M.K.,A.K.</i>	PANTAI IRAMA
20.	YB TUAN ROZI B MUHAMAD <i>J.M.K</i>	TENDONG
21.	YB TUAN AZHAR B SALLEH <i>A.S.K.</i>	PULAI CHONDONG
22.	YB TUAN HJ ZURAIDIN B ABDULLAH <i>J.M.K</i>	CHETOK
23.	YB TUAN MOHD RUSLI B ABDULLAH	WAKAF BHARU
24.	YB KU MOHD ZAKI B KU HUSIN <i>S.M.K</i>	DABONG
25.	YB TUAN MOHD RODZI B JAAFAR	GAAL
26.	YB TUAN HJ MOHD ADANAN B HASSAN <i>J.M.K.</i>	KELABORAN
27.	YB TUAN WAN ROHIMI B WAN DAUD <i>A.K.,J.S.M.</i>	MELOR
28.	YB TUAN KAMARUZAMAN B MOHAMAD <i>J.S.M.</i>	GUAL PERIOK
29.	YB TUAN NIK BAHRUM B NIK ABDULLLAH <i>A.S.K.</i>	CHEMPAKA
30.	YB TUAN BAHARI B MOHAMAD NOR	GUAL IPOH
31.	YB PUAN NOR ASILAH B MOHAMED ZIN	LIMBONGAN
32.	YB TUAN ZAMERI B MAT NAWANG	JELAWAT
33.	YB TUAN MOHAMAD NASRIFF B DAUD @ DAUD YATIMEE	PENGKALAN PASIR
34.	YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN <i>A.K.</i>	BUNUT PAYONG

HARI KETIGA 23 JULAI 2025

35.	YB DATO' SHAARI B MAT HUSSAIN <i>D.P.T.J.</i>	PALOH
36.	YB DATO' ABDUL HADI B AWANG KECHIL <i>D.P.S.K., P.S.K. (Kelantan), J.M.N., K.M.N.</i>	KUALA BALAH
37.	YB TUAN ZUBIR B ABU BAKAR	MENGKEBANG
38.	YB TUAN SAIZOL B ISMAIL	SALOR
39.	YB TUAN HARUN B ISMAIL	TAWANG
40.	YB TUAN AHMAD ZAKHRAN B MAT NOOR	KEMUNING
41.	YB TUAN MOHD ALMIDI B JAAFAR	BUKIT BUNGA
42.	YB TUAN NOR SHAM B SULAIMAN	SEMERAK
43.	YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI B HJ. ABDUL GHANI	NENGGIRI
44.	YB DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM	KOTA LAMA
45.	YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN B HASHIM <i>J.M.K.</i>	GALAS

HARI KETIGA 23 JULAI 2025

**AHLI MENURUT
PERKARA X111 (3)
UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN TUBUH KERAJAAN
KELANTAN,
BAHAGIAN PERTAMA**

YBM TENGKU KAYA PERKASA
DATO' DR TENGKU MOHAMED FAZIHARUDEAN BIN TENGKU
FEISSAL
[SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN]
S.P.S.K, D.J.M.K. (Kelantan)

YB DATO' IDHAM BIN HAJI ABD GHANI
[PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI KELANTAN]
D.P.S.K. (Kelantan)

YB DATO' ROSNAZLI BIN HAJI AMIN
[PEGAWAI KEWANGAN NEGERI KELANTAN]
S.P.S.K, D.P.S.K.(Kelantan)

**SETIAUSAHA DEWAN NEGERI
KELANTAN**

[MOHD FADZIL AZNAN BIN ABDUL AZIZ]

A.S.K.

HARI KETIGA 23 JULAI 2025

**PERSIDANGAN KALI KEDUA
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI KELANTAN
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025
PADA 25, 26 DAN 27 MUHARAM 1447H BERSAMAAN
21HB, 22HB DAN 23HB JULAI 2025/
ISNIN, SELASA DAN RABU**

=====

SETIAUSAHA :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Persidangan Kali Kedua Bagi Tempoh Penggal Ketiga Dewan Negeri Kelantan Yang Kelimabelas, Hari Ketiga

...الفاتحه

I. .. DOA.

SETIAUSAHA : Susunan Urusan Persidangan Yang Pertama, Doa....

[SAMBIL BERDIRI]

II - SOALAN-SOALAN YANG DIBERITAHU

SETIAUSAHA : Susunan Urusan Persidangan Yang Kedua, soalan-soalan yang diberitahu. Soalan-soalan yang dikemukakan untuk mendapat jawapan mulut.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Galas.

YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan kepada soalan saya nombor 1. Terima kasih.

Soalan 1 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, berapa buah GLC milik Kerajaan Negeri yang menunjukkan keuntungan sejak tiga tahun terakhir?]

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih pada YB Galas yang mengemukakan soalan.

Firman Allah SWT :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِنْكُمْ

[Surah An-Nisaa': 29]

Maksudnya : [*“Wahai orang-orang yang beriman, jangan sesekali kamu makan harta-harta diantara kamu dengan jalan yang batil yakni dengan jalan yang tidak sebenar dengan jalan yang salah kecuali dengan jalan perniagaan yang saling reda-meredai di antara kedua belah pihak yakni suka sama suka di antara kamu.”*]

Sejumlah 9 syarikat anak kumpulan PKINK telah mencatat keuntungan bagi 3 tahun kewangan terkini. Antara 4 daripada 9 syarikat tersebut adalah sebagaimana berikut:

Yang pertama syarikat Permodalan Kelantan Berhad. Mencatat keuntungan pada tahun 2022 sebanyak RM24,904,895.00. Keuntungan yang dicatatkan pada tahun 2023 sebanyak RM26,117,539.00. Keuntungan yang dicatatkan pada tahun 2024 RM28,276,911.00.

Yang kedua Infraquest Sdn. Bhd. mencatat keuntungan pada tahun 2022 sebanyak RM25,331,574.00. Manakala keuntungan pada tahun 2023, RM29,423,619.00. Keuntungan yang dicatatkan pada tahun 2024 berjumlah RM31,161,488.00. Maksudnya meningkat dari setahun ke setahun lah.

Yang ketiga syarikat Ladang Sungai Terah Sdn.Bhd. Keuntungan yang dicatatkan pada tahun 2022 RM12,399,172.00. Manakala keuntungan

pada tahun 2023 berjumlah RM4,512,516.00. Manakala keuntungan yang dicatat pada tahun 2024 ialah sebanyak RM15,878,775.00. Yang keempat Ladang Tapis Sdn. Bhd. Keuntungan yang dicatat pada tahun 2022 RM3,973,347.00. Tahun 2023 RM810,004.00 manakala tahun 2024 mencatat keuntungan RM4,461,869.00. Sekian.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Galas.

YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya ucap tahniah lah kepada pengurusan PKINK diatas usaha untuk mempasti GLC syarikat ini mencatat keuntungan. PKINK juga mempunyai anak syarikat KPKB iaitu Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad dan di dalam Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad ini ada kilang padi dan beras darulnaim. Dan di dalam kilang padi beras darulnaim ini yang sentiasa kita katakan akan keluarkan beras kita sendiri Ogos nanti ada dua pemegang saham Yang Berhormat Dato' Speaker iaitu padi seni dan kilang beras kasturi. Baik. Dan *shareholder* terbesar kepada padi seni dan kilang beras kasturi ini ialah keluarga Peck iaitu Peck Eng Hoi, Peck Woi Fong, Peck Wong Chu, Peck Woi Ping dan Peck Woi Eee.

Soalan saya November 2023 Kerajaan ada menyediakan ada menyediakan peruntukan khas yang disediakan untuk membangunkan kilang padi dan beras darulnaim di Meranti, Pasir Mas melalui kerjasama Perbadanan Pertanian Negeri Kelantan dan juga Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad. Yang Berhormat Menteri Besar, soalan saya berapa pegangan saham sebenar kerajaan negeri melalui KPKB dalam Kilang Padi Beras Darulnaim ini serta bagaimana keuntungan diagihkan dan adakah peruntukan Kerajaan Negeri diberikan secara terus kepada syarikat *non-bumiputra* tanpa ada pemilikan saham samada daripada KPKB ataupun daripada GLC PKINK? Terima kasih.

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

Terima kasih kepada YB Galas. Sebenarnya kilang itu asalnya kepunyaan Koperasi KADA. Koperasi KADA jual kepada syarikat yang disebut tadi. Koperasi KADA. KADA bukan bawah Kerajaan Negeri tetapi Kerajaan

Negeri mengambil tanggungjawab menyelamatkan syarikat ini daripada dipunyai 100% syarikat yang disebut tadi. (Kedengaran tepukan meja para YB)

Tak apa. Sebelum jawab tu kena tahu dulu apa dia senario sebenar. Koperasi KADA ni bukan bawah Kerajaan Negeri ni. Kita Kerajaan Negeri sebenarnya kesal bagaimana Koperasi KADA boleh jual. Kerajaan hanya tahu setelah permohonan tukar milik itu dibawa kepada pihak kerajaan. Bila dibawa kepada pihak kerajaan, kerajaan kata “macam mana ni jual ni?”. Dah jual pun. Nak tukar nama. Maka kita fikir bagaimana nak selamat ni maka kita runding dengan syarikat yang membeli kilang tersebut daripada Koperasi KADA. Ini saya..yelah saya dukacita lah. Ni penyakit orang lain mari kat kita. Saya orang tua dah, kalau saya orang muda saya bercakap berat lagi tapi tokse lah. Kita basuh bendo hok oghe. Hok oghe cemar, kito basuh. Saya sebut istilah-istilah oghe Kelate sebab saya pun oghe tua doh Ioni. Saya pun diberi tanggungjawab letak sebagai orang tua. Jadi setelah kita runding maka syarikat ni setuju lah kita beli saham 35%. Kita nak ambil semua tokleh, dia tak bagi hak dia. Jadi puncanya Koperasi KADA, tu puncanya. Jadi sepatutnya tak berlaku lah Koperasi KADA tu. Saya pun tahu sebenar hasrat Kerajaan Pusat sendiri pun bukannya nak Koperasi KADA jual. Saya pun faham. Tapi orang yang memegang Koperasi KADA tu lah. Tapi bukan zaman YB Air Lanas. Saya dah tanya dah sebab kalau Air Lanas saya nak tanya juga pasal apa jual. Dia tak terlibat dia kata. Tidak zaman dia, zaman orang lain. Orang lain tu siapa cari sendiri lah. Jadi kita 35% jadi saya minta Yang Berhormat EXCO Pertanian lah beri penjelasan. Hakikatnya ialah kita tolong selamatkan. Sila Tuan.

YB DATO' TUAN HJ SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, kerana keizinan ni. Sebenarnya soalan harini pun ada. Nombor 22 kalau sempat harini. Berkaitan dengan kilang padi ni iaitu daripada Nenggiri. Maknanya boleh sekali lah tu. Boleh jawab sekali. Kita jawab selalu dah. Boleh ke Yang Berhormat Dato' Speaker? Maknanya ada kaitan ada diminta oleh Yang Amat Berhormat boleh saya jawab bersekali lah berkaitan dengan soalan kilang padi ni. Jadi sebenarnya kita telah mengoperasikan bersama lah sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang tadi. Jadi setakat ni telah berlaku pembelian padi untuk

diproseskan lebih 33,000 *metric ton* padi yang kita beli. Sudah mula beroperasi dari segi pembelian dan tak lama lagi proses untuk mulakan beras itu In Shaa Allah berlaku lah. Jadi soalan yang berkaitan dengan *share* itu telah dijawab kerana telah dibuat perbincangan ke peringkat negeri. Itu sahaja In Shaa Allah. Kalau ada sambungan tu boleh jadi samada sekarang ataupun akan datang tu saya serah lah kepada Yang Berhormat Dato' Speaker.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Dipersilakan Kota Lama.

YB DR. HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM :

Terima kasih Dato' Speaker.

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Kita di Kelantan ni telah menyaksikan beberapa sektor dan perusahaan kita yang kita jalinkan dengan kerjasama dengan syarikat swasta dan pelabur asing untuk beberapa projek contohnya dalam penghasilan emas Kelantan dengan syarikat CNMC yang berpangkalan di Singapore, Musang King di Gua Musang dengan syarikat pelabur daripada China dan perusahaan ini menjana hasil yang amat tinggi kepada syarikat. Saya ambil contoh syarikat CNMC mengisytiharkan keuntungan selepas cukai di Singapore sebanyak USD 12.2 juta atau RM57.4 juta untuk tahun 2024. Sebagai rekod soalan sidang DUN pada sesi yang lepas, pulangan yang diperoleh oleh Kerajaan Negeri, hasil usaha sama dengan CNMC Holding ini pada tahun 2023 adalah di...itu untuk lombong di Soko Tanah Merah adalah sebanyak RM13,797,183.51. Jadi soalan saya setelah beberapa tahun GLC kita ini bekerjasama dengan CNMC ni masih tidak mampukah kita untuk mengusahakan cari gali emas ini secara bersendirian sepenuhnya menggunakan teknologi yang mereka ada. Jadi apakah halangan sebenar kepada negeri kita ini untuk menuju ke arah itu sehingga kita terpaksa bergantung kepada teknologi dan syarikat asing? Terima kasih.

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

Terima kasih. Sebenarnya kita mengamalkan konsep perkongsian pintar. Memang kalau kita tidak *jointventure* dengan syarikat-syarikat yang mempunyai modal yang besar kita tidak berkemampuan tetapi

walaubagaimanapun In Shaa Allah apabila kita ada kemampuan kita buat sendiri, kita buat sendiri In Shaa Allah.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Pasir Tumboh.

YB DATO' HJ ABD. RAHMAN BIN YUNUS :

Sebelum masuk soalan tambahan. Nak pantun juga lah. YB Pulau Chondong kemarin tak jadi pantun dia. (Kedengaran YB gelak ketawa).

*"Bunga melati harum mewangi,
Disiram pagi dengan embun,
Bijak laksana pemimpin negeri,
Membangun rakyat tanpa jemu."*

(Kedengaran para YB menepuk meja)

Soalan tambahan, apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri bagi memastikan syarikat anak dibawah GLC negeri khususnya PNBK dan PKINK terus mencatat keuntungan dalam suasana pelan tarif ketika ini?

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

Terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Tumboh ya diatas soalan tambahan sekejap tadi. Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan syarikat anak dibawah GLC negeri khususnya PKINK terus mencatat keuntungan dalam suasana pelan tarif adalah sebagaimana berikut:

Yang pertama, Kerajaan Negeri melalui PKINK menggalakkan syarikat anak meneroka pasaran luar negeri dan pelaburan strategik luar Kelantan untuk mengurangkan kebergantungan kepada pasaran domestik.

Yang kedua Kerajaan Negeri melalui PKINK memberi penekanan kepada sektor strategik dan tahan kalis seperti permodalan Kelantan Berhad memperluaskan Ar-Rahnu satu model pembiayaan Islam yang stabil dan kalis krisis. Kumpulan Perladangan PKINK Berhad, Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad, Program Pertanian Moden dan Pelaburan Semula

dalam aset ladang. Infraquest Sdn. Bhd dan KLinfra Sdn. Bhd. Penguasaan dalam projek pembangunan infrastruktur telekomunikasi selari dengan perkembangan teknologi 5G. Syarikat Kelantan ICT Gateways Sdn. Bhd. diperkasa sebagai pemacu transformasi digital negeri. Syarikat anak yang lain digalakkan operasi mereka untuk mengurangkan kos dan meningkatkan kecekapan.

Ketiga, memperkukuhkan tadbir urus korporat melalui penetapan dan pemantauan KPI setiap syarikat anak dari segi keuntungan dan keberkesanan kos.

Yang keempat, peningkatan pemantauan audit secara berkala terhadap kecekapan operasi atau penilaian kos-kos operasi terhadap syarikat anak untuk mengenalpasti pembaziran dan ruang, penjimatan kos bagi PNBK antara langkah yang sedang dilakukan adalah dengan meneroka peluang niaga yang tidak terikat hanya semata-mata kepada suatu kuasa ekonomi sahaja. Contohnya dalam bidang industri NRREE, Kerajaan Negeri membuka ruang kepada mana-mana pihak yang mampu memberikan pulangan paling optimum dari aspek pendapatan negeri serta pemindahan teknologi yang bakal berlaku.

Keduanya peluang dan rancangan perniagaan baharu terus diteliti agar setiap perniagaan yang dijalankan oleh anak syarikat tidak terikat terus atau terkesan langsung dengan pelan tarif yang sedang berlaku di peringkat global dengan memfokuskan segmen niaga domestik secara lebih komprehensif terlebih dahulu. Sekian.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Chempaka.

YB TUAN NIK BAHRUM BIN NIK ABDULLAH :

Terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker. Utamanya saya ingin mengucapkan tahniah diatas kejayaan GLC-GLC di Negeri Kelantan kita ni mendapat keuntungan yang konsisten daripada tahun ke tahun walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran dan sebagainya. Saya ingin bertanya lah hasil daripada keuntungan apa semua yang ada tu. Saya nak tanya apakah insentif Kerajaan Negeri Kelantan dalam memastikan GLC berperanan sebagai pemangkin kepada pembangunan sosial ekonomi tempatan khususnya melalui sumbangan CSR dalam aspek peluang

perniagaan, peningkatan pekerjaan, peningkatan taraf hidup rakyat dan bantuan sosial kepada rakyat.

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

Terima kasih kepada Yang Berhormat Chempaka, Kerajaan Negeri melihat GLC bukan sekadar penyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri tetapi turut bersama dalam memberi sumbangan kepada rakyat versi pelbagai program seperti program dibawah CSR, PNBK dan PKINK telah memainkan peranan kepada pembangunan sosial ekonomi rakyat dan telah menyusun model siasah strategik yang selari dengan bidang perniagaan masing-masing contohnya jika terlibat dalam hal hartanah disasarkan kepada perumahan mampu milik, membuka peluang kepakaran dan peluang pekerjaan dalam kalangan anak Kelantan dan sebagainya. Jadi kita nok suruh rakyat kita ni boleh beli rumah dengan harga yang murah. Kadang-kadang kita melalui GLC ni kita buat perumahan, kita kadang-kadang tak untung sangat, balik modal jah. Kita nok tolong rakyat lah. Bahkan kadang-kadang Kerajaan Negeri *top-up* lagi kerana tak mahu anak syarikat kita rugi, Kerajaan Negeri yang *top-up*. Rumah RM65,000 ni takdok doh sekarang ni sebenarnya. Kos sebenarnya tak boleh RM65,000. Tak ada kita jual RM65,000. Ni melalui GLC kita lah tolong rakyat.

Selain itu, GLC kita turut melaksanakan program berimpak tinggi seperti Program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan untuk belia dan wanita. Disamping memastikan syarikat GLC terus menjana ekonomi negeri, GLC kita turut fokus kepada dasar tanggungjawab terhadap rakyat. CSR bukanlah sekadar sumbangan tetapi satu amanah untuk memperkasakan kehidupan rakyat Kelantan. Contohnya yang kita lihat adalah peranan GLC turut membantu rakyat dalam kesusahan yang ditimpa musibah dan ujian banjir. Peranan ini perlu kita semua hargai lah. Ini termasuk dalam memberi sumbangan kepada anak-anak Kelantan yang cemerlang dalam pelajaran. GLC kita yang bagi peruntukan untuk kita agihkan kepada pelajar-pelajar yang cemerlang. Begitu juga pelajar-pelajar yang kurang bernasib baik, anak orang miskin kita bantu. Kita ambil keuntungan GLC ni bagi kepada rakyat kita. Sekian.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Gual Periok.

YB TUAN KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD :

Yang Berhormat Dato' Speaker, mohon jawapan soalan saya nombor 2. Terima kasih.

Soalan 2 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah strategi Kerajaan Negeri dalam mengurangkan kebergantungan terhadap hasil tradisi seperti hasil hutan, lombong dan premium tanah?]

YB DATO' DR. HJ MOHAMED FADZLI BIN DATO' HJ HASSAN :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon untuk menjawab soalan nombor 2 Gual Perioik ini bersama dengan soalan nombor 9. Persidangan hari ini daripada Pasir Tumboh.

Yang Berhormat Dato' Speaker bagi mengurangkan kebergantungan kepada hasil perhutanan, perlombongan dan premium tanah, Kerajaan Negeri telah melaksanakan dan mewujudkan polisi monetari melalui enakmen-enakmen berkaitan sumber air dan hak akses utiliti. Sebagai contohnya enakmen hak akses dan penggunaan tanah infrastruktur utiliti Negeri Kelantan, kutipan hasil yang diperolehi bagi tempoh 2022 hingga Jun 2025 sebanyak RM12.1 juta melibatkan perkhidmatan berkaitan telekomunikasi, menara, audit menara, pembentongan air dan elektrik. Bagi inisiatif di bawah pertanian, Kerajaan Negeri telah mewujudkan Enakmen Pemajuan Pertanian Negeri 2022 dan kini di peringkat penyalarsan pelaksanaan dan belum menjana hasil kepada negeri. Selain itu, melalui polisi bukan monetari melalui pelaksanaan Jawatankuasa Kawalselia Merancang dan Menyelaraskan Aktiviti Pemajuan Projek Pembangunan telah menjana kutipan sebanyak RM52.4 juta dalam tempoh 2019 hingga 2024 dan pada ketika ini juga Kerajaan Negeri sedang meneroka hasil-hasil baru seperti perlombongan REE, projek pembangunan tenaga boleh baharu, penerokaan karbon dan hidrogen yang mampu menjana hasil baharu kepada negeri. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Dipersilakan Gual Periok.

YB TUAN KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD :

Terima kasih diatas jawapan yang dikemukakan. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri begitu serius dalam merencanakan strategi-strategi untuk mendapatkan sumber pendapatan baharu. Tahniah di atas usaha tersebut, usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri tersebut. Soalan tambahan saya, adakah audit nilai hasil konvensional secara komprehensif dilakukan untuk mengukur impaknya terhadap kelestarian dan peluang ekonomi baharu? Terima kasih.

YB DATO' DR. HJ MOHAMED FADZLI BIN DATO' HJ HASSAN :

Terima kasih kepada Gual Periok. Buat masa ini kerajaan masih belum melaksanakan sebarang audit nilai terhadap hasil tradisional secara komprehensif. Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri sentiasa mengenal pasti peluang-peluang ekonomi baru sebagai sumber pertumbuhan masa hadapan sebagaimana yang saya sebutkan tadi adalah antaranya NRREE dan juga beberapa yang kita rasakan kita boleh menjana pendapatan baru.

Walaubagaimanapun, hasil daripada libat urus antara Kerajaan Negeri Kelantan baru-baru ini bersama dengan Kementerian Sumber Asli dan juga kelestarian alam ataupun ringkasan NRES istilah yang biasa digunakan yang mana pihak kementerian sekarang ini dalam proses terakhir untuk membentangkan Rang Undang-Undang Perubahan Iklim Negara ataupun dipanggil sebagai RUPIN dan juga diperingkat akhir juga dalam menyediakan dasar pasaran karbon kebangsaan. Jadi hasil daripada perbincangan kita dengan Kementerian, libat urus tersebut ada beberapa perkara yang kita terpaksa tangguhkan dahulu sehinggalah Rang Undang-Undang dan dasar ini diluluskan dan diyakinkan kepada kita bahawa RUPIN dan juga dasar pasaran kebangsaan ini akan diluluskan penghujung tahun ini. Kita tidak boleh bergerak lebih laju dalam beberapa hal kerana kita bimbang nanti akan bertentangan dengan beberapa undang-undang ataupun dasar yang dilaksanakan di peringkat persekutuan. Ok terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Nenghiri.

YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HJ ABDUL GHANI :

Terima kasih Dato' Speaker. Bila berbicara mengenai hasil bumi yang mempunyai masa sampai masa akan kehabisan. Kita ada hasil baru iaitu REE yang dikatakan mempunyai depositnya yang tinggi. Soalan saya adakah ada carian yang REE ini yang terletak di kawasan yang telah kita berikan hak cari gali emas ataupun hak cari gali yang lain seperti biji besi dan sebagainya kepada beberapa syarikat dan bagaimana pemantauan dibuat untuk memastikan REE ini tidak dibawa keluar secara tidak sah oleh pihak yang berkenaan?

YB DATO' DR. HJ MOHAMED FADZLI BIN DATO' HJ HASSAN :

(Tepuk mikrofon) Ok boleh dengar jawapan saya ya? Masih lagi ada masalah saya rasa dengan sistem kita. Ok terima kasih kepada Nenghiri di atas soalan-soalan tersebut. Alhamdulillah kita negeri yang kedua paling banyak NRREE di Malaysia ini. Setakat ini lah ya. Dan kita bergerak agak jauh ke hadapan dalam soal NRREE dan agensi kita. Saya sebutkan PMBK telah menandatangani satu MOU dan dalam proses terakhir untuk kita menandatangani satu perjanjian dengan LYNAS untuk mengeluarkan hasil daripada 2 kawasan yang telah kita kenalpasti di Gua Musang ya.

Walaubagaimanapun, kita juga masih tertakluk dengan dasar-dasar keputusan yang akan dibuat nanti oleh Kerajaan Persekutuan. Setakat ini Kerajaan Persekutuan tidak membenarkan ya, ini nak menjawab juga tidak membenarkan hasil REE ini dibawa keluar daripada negara kita dalam bentuk, dipanggil kek sebegitu lah sehingga ianya nanti kita nak supaya kita dalam hal ini kita sangat setuju dengan dasar tersebut dan kita nak supaya hasil daripada NRREE ini kita dapat sepenuhnya, semaksimanya, keuntungan yang paling maksimum untuk negeri bagi faedah rakyat Kelantan ya, secara *upstream process* dan juga *downstream*. Kita taknak jual macam tu saja, kalau kita jual macam tu sahaja, sekali saja kita dapat untung ya tetapi kita nak supaya kita ini kita boleh proses disini ya, kita nak supaya kilang itu dibuat disini dan *downstream*. Hasilnya juga adalah kilang-kilang lain yang ada sangkut paut dengan produk REE juga dibina di Kelantan ini.

Tujuannya adalah supaya kita dapat untung pengeluaran, hasil cukai, royalti dan dalam masa yang sama ada kilang buka sebagai contohnya ada kilang, ada pihak yang berminat untuk buka kilang super bateri ya, ini adalah proses *downstream* super bateri di Kelantan tetapi *volumenya* mesti cukup. Kalau tak cukup mungkin tak mampu dia nak buat sebab proses untuk buat kilang itu adalah terlalu besar, belanjanya besar, jadi *volumenya* mesti juga banyak. Apabila proses *upstream downstream* boleh dibuat di Negeri Kelantan ini, kita bukan saja dapat hasil daripada sumber yang saya sebutkan tadi tetapi anak-anak Kelantan juga akan mendapat manfaaatnya. Justeru itu, kita minta supaya Kerajaan Persekutuan buat satu polisi dan dasar yang tidak banyak menguntungkan orang luar tetapi lebih menguntungkan kerajaan samada Negara, Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Dipersilakan Pantai Irama.

YB TUAN HJ MOHD HUZAIMY BIN CHE HUSSIN :

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.

*"Di awal sidang dapat tie,
Ingatan ikhlas pejabat speaker,
Dipakai sopan penuh bergaya,
Mohon jawapan soalan saya nombor tiga."*

Soalan 3 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah usaha Kerajaan dalam merencanakan industri batik dan adakah kerajaan bercadang melalui GLC anak Syarikat Kerajaan membantu industri ini.]

YB MEJ. (B) DATO' HJ MD ANIZAM B AB RAHMAN :

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih kepada Pantai Irama. Sebenarnya Pantai Irama ni sudah gaharu cendana pula. Tapi oleh kerana

sudah bertanya kita jawab sikit lah. Usaha kerajaan ialah mengekalkan IKS Industri Batik di Kelantan dengan melibatkan ahli Persatuan Pembatik Melayu Pantai Timur lebih kurang ahli 261 orang menyertai ekspo dan pameran kraf dan program silang budaya dan juga memberi sokongan kepada Koperasi Pembatik Kelantan yang ahlinya lebih kurang 331 orang. Aktiviti yang melibatkan pengusaha batik yang aktif sekarang lebih kurang 7-100 orang. Pemakaian baju batik setiap hari Khamis bagi penjawat awam Negeri Kelantan juga dapat membantu perniagaan batik samada kain ela, upah jahit, baju siap dijahit pelbagai saiz apatah lagi pemakaian baju batik di majlis rasmi kerajaan mahupun swasta.

Saya percaya dan yakin majoriti keluarga di Negeri Kelantan ini mempunyai pakaian batik samada kain sarung, kain sarung batik wanita, kaftan batik, baju batik, baju kurung dan lain-lain. Acara mencanting batik juga sering diadakan melibatkan pelancong domestik dan antarabangsa. Cenderahati ataupun hadiah seperti skarf, t-shirt, beg tangan, tas tangan pelbagai guna, beg tangan bimbit, tali leher, kipas tangan, alas meja, *keychain* berunsur motif batik mendapat tempat di hati pelancong dan pengunjung ke Kelantan. Kedai-kedai penjualan batik juga terdapat di pintu masuk seperti di lapangan terbang Sultan Ismail Petra Kota Bharu, di Rantau Panjang dan di Pengkalan Kubor berdasarkan maklumat daripada Kraftangan Malaysia Cawangan Kelantan dan Persatuan Pembatik. Terdapat pengusaha batik di setiap jajahan contohnya di Jajahan Kota Bharu, Jalan PCB, Kuala Krai, Kampung Sireh, Pintu Geng, Pasar Siti Khadijah, Buluh Kubu, Bazar Tok Guru, Kubang Kerian dan lain-lain dan di Tumpat, di Bachok, Pasir Mas dan Pasir Puteh.

Yang Berhormat Dato' Speaker, melalui GLC pula kerajaan bercadang akan menganjurkan Hari Karnival Batik Kelantan melibatkan 50-70 pengusaha batik pada tahun 2025 ini.

*"Kapal menuju ke Pakistan,
Tali ikatan adat yang nyata,
Pakai selalu Batik Kelantan,
Menjadi warisan budaya kita."*

Terima kasih. (Kedengaran bunyi tepukan tangan)

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Pantai Irama.

YB TUAN HJ MOHD HUZAIMY BIN CHE HUSSIN :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Tahniah kepada pihak kerajaan dalam usaha kita mempertahankan seni budaya termasuk batik dan juga industri batik di Kelantan. Persoalannya adakah kerajaan telah membentuk sebarang kerjasama dengan Institusi TVET dalam usaha untuk menghasilkan tenaga mahir dalam mengekalkan seni batik di Kelantan? Terima kasih.

YB MEJ. (B) DATO' HJ MD ANIZAM B AB RAHMAN :

Memang batik ni khusus dalam Institut Kraftangan Malaysia. Kita selalu ada kolaborasi dan begitu juga Institut TVET. Khususnya untuk kraftangan Malaysia dan Institusi mengajar hal batik ini di Malaysia ini lah. Khusus untuk batik. Oleh kerana perihal batik di pagi hari ini, saya sedikit membuat nukilan batik pada pagi tadi lah, sebelum Dato' Speaker masuk.

Iaitu Batik Kelantan itu menawan, jika dipakai orang, corak motif bunga dan kerawang apatah lagi berpasangan, bila berada di badan, warna merah biru hijau kuning mahupun hitam. Memang gah jika dipandang, kain kapas, satin, viscose jadi pilihan. Dahulu batik cop jadi warisan, sekarang pula tulis tangan, zaman sekarang masih bertahan. Itulah Batik Kelantan, minta sokongan YB sekalian. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Tendong.

YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya bangkitkan satu isu lah di kalangan peniaga batik sendiri lah yang dikatakan dari sudut penjawat-penjawat awam ataupun kita sendiri dalam galakan kita menyokong industri batik ini sendiri dan dikatakan motif yang kebanyakan daripada kita sendiri, penjawat-penjawat awam khususnya, dikatakan kebanyakan tidak bermotifkan Batik Malaysia. Jadi apa respon Yang Berhormat Exco sendiri dalam istilah kita menyokong industri ini sendiri? Terima kasih.

YB MEJ. (B) DATO' HJ MD ANIZAM B AB RAHMAN :

Terima kasih Yang Berhormat Salor. Yang mana peminat batik di badan YB Salor ni sentiasa pakai bukan sahaja hari Khamis tetapi hari-hari lain juga boleh dikatakan 3 atau 4 kali seminggu tu YB Salor ni sentiasa pakai batik. (Gelak ketawa) Kalau tak, tanya badan sendiri lah. Ok. Motif batik di Kelantan ini berbentuk kepada sumber alam seperti apa yang terdapat motif bunga, kerawang, tetapi motif di lain seperti di negara lain, Indonesia sebagainya ada motif tertentu berbentuk burung dan lain-lain lagi. Jadi tu lah motif kita tentang bumi contohnya, motif kita daun keladi, bunga raya dan bunga-bunga terdapat di alam semula jadi di dalam negeri kita. Bunga di depan kita ini pun boleh dijadikan motif. Jadi motif ini, Batik Malaysia ini, telah terkenal dan kita boleh bezakan antara batik lain dan batik cop, batik tulis tangan ataupun batik yang di *print* sebab motif dia berlainan. Kalau tanya si pemakai samada wanita, lelaki, baik dewasa, baik kanak-kanak di majlis rasmi kerajaan mahupun swasta. Kita boleh lihat motif Kelantan ini walaupun abstrak macam mana pun, dia terdapat perbezaan dia lain. Itulah uniknya Batik Malaysia khususnya di Kelantan. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Chempaka.

YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :

(YB mencelah) Jelawat ke? Eerr..Jelawat bangun? Chempaka bagi pada Jelawat.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Haha.. .Chempaka dulu. (Kedengaran para YB ketawa kecil)

YB TUAN NIK BAHRUM BIN NIK ABDULLAH :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya nak celah sikit daripada jawapan yang telah diberikan oleh Yang terhormat Exco sebentar tadi. Batik ni, kalau kita tengok batik ni dia ada berbagai-bagai batik lah. Ada batik Indon, ada batik macam-macam lah batik sebagainya. Cuma kalau kita nak sebut tadi sebagaimana Dato' juga sebut dalam

jawapan tadi. Di Kelantan kita ni pun sendiri kita ada batik yang tersendiri samada lukis tangan dan sebagainya.

Isunya berkait dengan batik ni adalah apabila kita mewajibkan kita kata bahawa wajib kita pakai batik lah, pakai batik tersebut. Pakaian batik yang dipakai tersebut terdiri dari berbagai-bagai batik. Batik cetak, batik hok daripada China dan sebagainya. Jadi adakah cadangan dari pihak kerajaan lah apabila kita kata batik, batik ini adalah batik daripada pengusaha kita di Negeri Kelantan ini? Terima kasih.

YB MEJ. (B) DATO' HJ MD ANIZAM B AB RAHMAN :

Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih kepada Chempaka. Sebenarnya sudah ada garis panduan daripada federal sendiri, persekutuan iaitu batik Malaysia. Orang Malaysia pakai batik Malaysia lah. Orang Indonesia pakai batik Indonesia. Jadi tiada isu disini cuma penguatkuasaan dari segi aii demo ni pakai burung lah naik palo lah ke bowoh dan sebagainya. Lambang harimau ke lambang apa, penguatkuasaan itu, itu perkara lain lah. Tetapi garis panduan telah dikeluarkan pasal kita orang Malaysia pakai batik Malaysia dan sokong lah batik Malaysia terutama batik Kelantan. Dia ada motif tertentu. Zaman berzaman dah kita ni. Di akhir fesyen contohnya di kawasan Tumpat, kita boleh pergi tengok itu lah batik nya. Cuma penguatkuasaan itu cerita lain lah. Wallahu'alam.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Jelawat.

YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Speaker, dia saye ko Jelawat tuh, bagi juga pada Jelawat (berseloroh). Terima kasih. Saya mohon jawapan daripada EXCO ataupun pedoman ataupun petua daripada Speaker lah ya untuk merencanakan industri atau menyokong industri batik di Kelantan ini khususnya batik Kelantan ini. Boleh ataupun tidak kita buat satu *rulling* supaya batik Kelantan dibenarkan dipakai di dalam Dewan ini semasa hari persidangan? Saya pohon, *rulling* daripada speaker lah saya rasa, untuk menyokong industri batik kita. Terima kasih.

YB MEJ. (B) DATO' HJ MD ANIZAM B AB RAHMAN :

Yang Berhormat Dato' Speaker, itu soalan tambahan kepada saya tetapi keputusan kepada Speaker. Hahahaha. Terpulang kepada Dato' Speaker lah nak ikut parlimen ataupun tidak.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Kita teruskan dengan Yang Berhormat Melor.

YB DR. HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM :

(sambil ketawa) Satu lagi soalan ni boleh tak Speaker? Tak boleh dah tu?

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Tak. Kita teruskan dengan Melor. Dipersilakan Melor.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD :

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pohon jawapan daripada soalan saya nombor 4.

Soalan 4 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, berapakah kadar yang sepatutnya diterima setiap tahun oleh Kelantan bagi Pemberian bagi Penyenggaraan Jalan Negeri yang dihitung mengikut Bahagian II Jadual Kesepuluh, Perkara 109 (1)(b) Perlembagaan Persekutuan, dan bilakah kali terakhir kadar ini disemak oleh Kerajaan Persekutuan serta berapa jumlah tahunan yang dibayar kepada Kerajaan Kelantan bagi tempoh 10 tahun terakhir.]

YB DATO' DR. IZANI BIN HJ HUSIN :

بسم الله الرحمن الرحيم

Yang Berhormat Dato' Speaker dan Yang Berhormat Melor. Jumlah tahunan yang dibayar kepada Kerajaan Kelantan bagi tempoh 10 tahun terakhir adalah sebagaimana berikut. Pada tahun 2016 sebanyak RM25 juta. 2017 RM25.3 juta. 2018 sebanyak RM25.69 juta.

2019 RM26.029 juta. 2020 RM26.38 juta. 2021 RM26.748 juta. 2022 sebanyak 27.136 juta. 2023 sebanyak RM27.542 juta. 2024 RM27.963 juta. 2025 sehingga Jun sebanyak RM14.196 juta. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Melor.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD :

Atas jawapan bagi pihak kerajaan sebentar tadi. Soalan tambahan saya, apakah langkah Kerajaan Negeri dalam memastikan kontraktor tempatan mendapat peluang dalam pembinaan dan penyelenggaraan jalan-jalan di bawah MARRIS? Terima kasih.

YB DATO' DR. IZANI BIN HJ HUSIN :

Terima kasih YB Melor. Dia konsensi ni kita ada konsensi kepada Syarikat Euro Saga sebanyak lebih kurang 30 lebih peratus. Kemudian kepada bawah Pembangunan Negeri juga 30% dan selebihnya kepada Kerajaan Tempatan, JPS dan lain-lain. Jadi bagi memastikan kontraktor tempatan mendapat pertamanya semasa rundingan dengan Euro Saga, kita telah mencadangkan supaya Syarikat Euro Saga menyenaraikan kontraktor-kontraktor tempatan dan Euro Saga menjadi payung kepada syarikat-syarikat kontraktor tempatan dan dia ada senarai kontraktor-kontraktor tempatan. Ada pun di bawah PPN, dia proses biasa, proses tender, sebut harga dan apa-apa yang dibenarkan oleh proses kewangan. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Gual Ipoh.

YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Terima kasih kepada Yang Berhormat Exco yang telah menyatakan apa ni berkaitan jalan MARRIS tadi. Soalan tambahan saya adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk memudahkan menghubungkan jalan yang terputus bagi menghubungkan jalan darat dengan menggunakan

peruntukan MARRIS itu tadi? Tapi ada juga soalan tambahan kedua bagi saya, sebab saya nak sebut juga disini kerana kelmarin MB panggil saya YB Guillemard.

*“Tua-tua guillemard tapi masih berjasa,
Tahan banjir jadi sejarah,
Sindir ambo tak jadi rasa apa,
Cuma jangan kita lari arah.”*

Soalan saya adalah untuk menghubungkan jalan diantara Kota Harmoni ke Guillemard iaitu menghubungkan dua kampung iaitu Kampung Kenerok dan Kampung Ku Sia yang terputus begitu lama dari segi geografinya dalam komitmen kerajaan khususnya di Negeri Kelantan dengan Persekutuan yang telah penuh komitmen untuk menghubungkan jambatan-jambatan di sungai besar seperti sungai apa ni...daripada Palekbang ke Pulau Gajah, jambatan kedua Sungai Golok dan jambatan ketiga daripada Joh ke Belimbing.

Namun untuk keperluan menghubungkan jalan darat juga saya rasa sangat perlu lah sebab dia boleh memberi hospitaliti dan kesan kepada pelancongan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Kamaruddin turun lihat lokasi dan saya rasa juga dalam pengetahuan termasuklah Exco apa ni, Pra Exco Pertanian saya dah hantar surat juga kerana keperluan untuk mengeluarkan hasil-hasil Pertanian dan membawa jentera Pertanian untuk kawasan yang seperti terkepung itu. Jadi dengan kerjasama daripada semua portfolio kita termasuk dengan sokongan UPEN dan apa ni...

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

(Mencelah) Mintak ringkaskan soalan Gual Ipoh.

YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR :

(sambungan..) PPN, Pejabat Tanah dan Majlis Daerah, saya rasa perkara ini tidaklah sukar untuk merealisasikan perhubungan jalan darat kerana ia membabitkan bukan sungai besar, sungai yang kecil sahaja. Terima kasih.

YB DATO' DR. IZANI BIN HJ HUSIN :

Haih panje soalan tambahan. Mula-mula tu pehe, lepahtu jadi tok pehe (Kedengaran para YB ketawa). Jadi saya ambil kesimpulannya Gual Ipoh ni dia nak jalan guillemard ke Kampung Cherang Lali dan dia nak jalan guillemard ke Kota Harmoni. Gitu lah lebih kure dih? Pendek tu jah soalannyo.

Jadi gini, saya nok oyak nya, Guillemard ni masa saya penggal lepa, hok duk buat Rekreasi tu saya, samo doh tu. Saye lah kito nok jadikan tempat tu. Dan masa tu kita telah berunding dengan PPN supaya jalan atas tu kita buat pengaliran besar dan sebagainya tapi tokdey sudoh, keno ttukar EXCO (sambal ketawa kecil) ok. Jadi saya rasa..apa tu..kehendak daripada Gual Ipoh tu In Shaa Allah kita boleh angkat permohonan ini kepada KKW lah, Kementerian Luar Bandar ni untuk kita angkat dalam RMK-13 In Shaa Allah deh.

Apa tuh...(ketawa) ambo pun tersasul jugok. Gual Ipoh masuk doh ko? Buat permohonan tu kepada PPN. Saya nak hantar surat kepada Pengarah Pembangunan Negeri dan In Shaa Allah kita akan panjangkan kepada KKW, In Shaa Allah. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Salor.

YB TUAN SAIZOL BIN ISMAIL :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Mohon jawapan bagi soalan saya nombor 5.

Soalan 5 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, status terkini pembaikan rumah pum kemubu?]

YB DATO' TUAN HJ SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih Salor. Terdapat 2 kumpulan utama usaha untuk menangani isu sumber bekalan air daripada Sungai Kelantan ke kawasan sawah padi KADA yang sedang dilaksanakan ketika ini. Itu pertama stesen pam Kemubu 3. Maklumat asas nama projek membina dan menyiapkan stesen pam Kemubu 3 dan dalam kerja berkaitan di dalam kawasan KADA Jajahan Kota Bharu Selatan Kota Bharu. Kontraktor Kenanga Lestari Sdn. Bhd. Tarikh milik tapak 1 Jun 2023, tarikh akhir siap 25 November 2025. Tempoh kontrak selama 104 minggu. Status semasa pencapaian sebenar 68% mengikut jadual 68%. Isu dan masalah. Terdapat kerja-kerja tambahan yang perlu dilaksanakan disebabkan keadaan sebenar di tapak berlaku perubahan laluan kabel. Yang kedua terdapat batu hampar yang keras di bahagian tebing sungai yang menyebabkan kelewatan penyediaan.

Yang ketiga perubahan pelan bagi laluan kabel untuk penutupan dan bilangan signboard. Yang kedua iaitu pam boleh alih di stesen pam Kemubu dan Lemal. Nama projek merekabentuk, membina dan menyiapkan sistem pam, boleh alih dan kerja-kerja berkaitan bagi pengairan di stesen pam Kemubu dan Lemal. Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) Kelantan secara rundingan terus. Kontraktor Ari Usaha Murni Sdn. Bhd. Tarikh milik tapak 21 Oktober 2024. Tarikh akhir siap 7 Ogos 2025. Tempoh kontrak 9 bulan. Satu semasa pencapaian sebenar 49% mengikut jadualnya sepatutnya 99%. 1 kelewatan ialah - 50% iaitu kelewatan 136 hari. Isu dan masalah, pengurusan kontraktor yang lemah, kedudukan aliran kewangan kontrak yang tidak memuaskan dan oleh kerana begini keadaannya, kami telah dibawa ke Mesyuarat Kontrak Coordination Panel (CCP) yang dipengerusikan oleh KSU Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) pada 30 April 2025. Yang mana syarikat ini sedang dalam tindakan penamatan oleh KPKM. Kerajaan Negeri melalui kerjasama dengan (KADA) dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sentiasa berbincang, memantau dan mengambil langkah sewajarnya bagi memastikan projek ini dapat disiapkan mengikut jadual serta memberi manfaat kepada para pesawah dan sumber makanan negeri serta negara. Sekian terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Salor, silakan.

YB TUAN SAIZOL BIN ISMAIL :

Terima kasih Yang Berhormat Exco atas jawapan yang diberikan. Kita lihat isu pam, rumah pam ni sudah lama berlarutan dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri sudah turun, buat kunjungan di beberapa lokasi khususnya di rumah pam Kemubu itu sendiri. Kita tahun ni bernasib baik kerana cuaca menyebelahi kita, tidak sebagaimana tahun lepas. Bagaimana kemarau menyebabkan pesawah tidak mendapat hasil. Cuma soalan saya apakah perancangan di pihak KADA sendiri untuk memastikan bekalan air ini dapat secukupnya bagi membantu para pesawah walaupun kita kata isu-isu yang berkaitan dengan proses pembaikan di rumah-rumah pam ini. Ok terima kasih. Aaa tadi khususnya di Salor lah kalau boleh Yang Berhormat Exco sebut tadi.

YB DATO' TUAN HJ SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih soalan tambahan Salor. Kita bincang bersama dengan pihak KADA dimana kita ada pelan alternatif dalam memastikan kecukupan bekalan air kepada petani khususnya di kawasan Salor lah. Kawasan Yang Berhormat dimana kita dapati sumber utama pengairan di kawasan Salor adalah daripada sisipan Kemubu dan disalurkan ke tali air melalui stesen pam *booster* Jenerih. Sekiranya bekalan air di Kemubu terjejas, kawasan Salor turut akan terjejas. Pada tahun 2024 KADA telah memasang satu unit pam tambahan berkapasiti 14 Qset di Kampung Auduri bagi membantu kepada bekalan air. Walaubagaimanapun dengan keadaan paras air sungai yang rendah, pam ini juga tidak dapat beroperasi dengan baik dan belum cukup membekalkan air ke kawasan Salor.

Namun demikian, perbincangan dan usaha diteruskan dimana KADA, JPS dan Kerajaan Negeri juga telah menyediakan sejumlah 27 unit telaga tiub *well* di kawasan tersebut yang boleh membantu mengurangkan gangguan bekalan air. KADA sedang diproses memperuntukkan bagi pembinaan telaga tiub dan boleh disediakan atau ditambahkan di kawasan Salor dan juga kawasan-kawasan lain yang diperlukan. Walaubagaimanapun, penyelesaian secara menyeluruh bagi pengairan di Salor bergantung kepada penyelesaian di stesen pam Kemubu. Dimaklumkan bahawa KADA sedang dalam proses perolehan untuk melantik pembekal bagi menjalankan kerja-kerja pengukuhan bengkel sementara *sheetpile* di Kemubu dan hanya menunggu kelulusan Lembaga Perolehan sekiranya kerja-kerja pengukuhan ini siap dijangka masalah di kawasan ini dapat

dikurangkan juga dibantu melalui bekalan minyak diesel yang diberikan sebagaimana dalam pelan tindakan intergasi yang disediakan oleh pihak KADA. Sekian terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Semarak.

YB TUAN NOR SHAM BIN SULAIMAN :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih atas penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Exco. Daripada penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Exco tadi kita dapat lihat bahawa Kerajaan Negeri memang menjaga hubungan yang erat dengan KADA. Persoalan saya adalah, apakah ada wakil ataupun telah dilantik wakil daripada Kerajaan Negeri berada dalam Lembaga Pengarah KADA? Terima kasih.

YB DATO' TUAN HJ SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih soalan tambahan daripada Semarak. Setakat ini mengikut Akta KADA tu, kena ada 3 wakil negeri tapi rasanya dah disebut dalam persidangan yang lalu tapi bagi Exco Pertanian ni maknanya belum dilantik lah, belum lagi. Maknanya ada dalam ahli lembaga yang lalu wakil negeri ialah Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Chetok.

YB TUAN HJ ZURaidin Bin Abdullah :

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan soalan saya nombor 6.

Soalan 6 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri bagi memperkasakan lagi agenda penghayatan hidup bersyariat di kalangan rakyat Kelantan?]

YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD :

Terima kasih Dato' Speaker. Sudah pun dijawab semalam. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Chempaka. Chempaka silakan.

YB TUAN NIK BAHRUM BIN NIK ABDULLAH :

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pohon untuk mendapat jawapan bagi soalan saya nombor 7.

Soalan 7 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah perkembangan terkini berkenaan prinsip 5K dalam gagasan bandaraya Islam di MPKB BRI. Adakah prinsip tersebut juga telah dikembangkan ke PBT-PBT lain dalam negeri Kelantan secara rasmi?]

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Terima kasih Dato' Speaker. Terima kasih Chempaka atas soalan. Untuk makluman Chempaka, 5K atau 5KAHF melambangkan 5 teras Kota Bharu Bandaraya Islam merujuk kepada 5 aspek penting yang diutamakan dalam pembangunan dan pengurusan Bandaraya Kota Bharu yang berteraskan kepada nilai-nilai Islam. 5 teras tersebut adalah yang pertama, keilmuan itu menggalakkan perkembangan ilmu pengetahuan dan pendidikan yang berlandaskan nilai-nilai Islam.

Yang kedua, K kepatuhan memastikan pengurusan bandaraya berada dalam bidang kuasa dan undang-undang Islam. K ketiga kebajikan, menjaga kebajikan dan kesejahteraan penduduk dengan berlandaskan nilai-nilai kemanusiaan dan juga Islam. K kebersihan, keempat memastikan kebersihan dan kehijauan bandaraya sebagai aspek penting dalam memelihara alam sekitar dan K kelima, kesejahteraan iaitu

memperkukuhkan kehidupan sosial dan ekonomi penduduk bagi mencapai kesejahteraan yang berteraskan Islam. Sehubungan dengan itu, MPKB-BRI dari masa ke semasa sentiasa melaksanakan semakan dan penilaian perjalanannya bagi memastikan setiap tindakan menepati prinsip 5 KAHF tersebut. Sepanjang tempoh dari tahun 2005 hingga 2015, MPKB-BRI telah menyediakan pelaporan pencapaian pembangunan dan kini sedang giat menyiapkan buku pelaporan iaitu dokumentasi 5 KAHF MPKB-BRI bagi tempoh 2016, 2024 untuk dijadikan.....(mikrofon terpadam).

Dengan terhasilnya buku laporan dokumentasi ini pihak Kerajaan Negeri boleh memperluaskan perbincangan bagi tujuan mengembangkan perlaksanaan prinsip 5 KAHF ini ke pihak berkuasa tempatan PBT lain di seluruh Negeri Kelantan. Sebagai makluman, laporan dokumentasi 5 KAHF MPKB-BRI 2016, 2014, 2024 ini telah mengumpulkan apa yang MPKB-BRI laksanakan dan pencapaian yang telah dicapai berteraskan prinsip 5 KAHF bermula tahun 2016 sehingga tahun 2024. Berikut adalah contoh apa yang telah dicapai dan dilaksanakan oleh MPKB-BRI berteraskan prinsip 5 KAHF dari tahun 2016 sehingga tahun 2024. Yang pertama keilmuan, MPKB-BRI mendapat anugerah 5 bintang tahun 2018, 2022 dan 2024. Melalui audit penilaian sistem penarafan bintang pihak berkuasa tempatan.

Yang kedua, program hebahan kepada orang awam tentang pelaksanaan kelulusan pelan bangunan satu hari. Melalui program ini MPKB-BRI mendapat johan dalam Anugerah Inovasi Sektor Awam Negeri Kelantan (AISAK) pada tahun 2018 dan MPKB-BRI juga meraih 5 bintang pada penarafan audit UMI peringkat Negeri Kelantan pada tahun 2021 dan mendapat markah sebanyak 96.22% dari laporan audit nilai tahun 2023. Seterusnya mesej dakwah melalui media elektronik media sosial dan bahan cetak LED, FB, IG, Tiktok, Sepanduk, *Banner* dan Pamphlet dan MPKB juga mendapat anugerah *Champion of Doing Bussiness 2024*. Pengiktirafan kelulusan segera projek kecil daripada Plan Malaysia. Mempunyai kepatuhan K kedua. Penglibatan rakan strategik inisiatif ini dilaksanakan semenjak tahun 2020 melibatkan program pembangunan ekonomi tempatan, peningkatan kualiti perkhidmatan bandar dan promosi budaya warisan tempatan secara kerjasama dengan agensi perbadanan dan komuniti setempat bagi mencapai 5 matlamat pembangunan mampan dan meningkatkan kualiti hidup penduduk warga Kota Bharu.

Yang pertama pengasingan akaun halal dan haram. Yang kedua operasi membanteras kelakuan tidak senonoh, aurat dan kekotoran. Yang ketiga 25% peruntukan MPKB untuk program kebersihan bandar. Yang seterusnya penyediaan fasakh islamik di patuhi RT MPKB, dan RTJ 2023. Akhir sekali mesej sivik di setiap papan iklan. Melalui KAHF pematuhan kepada kebajikan. Yang pertama pengecualian bayaran lesen di musim COVID-19, yang kedua sumbangan gerai dan peralatan perniagaan percuma kepada ibu tunggal, asnaf dan peniaga-peniaga yang layak. Yang ketiga kemudahan kepada OKU dengan menyediakan tempat letak kereta, *handrail*, tandas, laluan pejalan kaki dan pembatalan kompaun.

Yang keempat, pengecualian cukai bagi bayaran cukai pintu RM50 Ringgit ke bawah bagi penerima bantuan rumah MAIK dan penduduk rumah DUAFK dan bantuan penerima bantuan MAIK, kita tak ambil cukai pintu lah dan kelima, program baikpulih rumah dan bina baharu rumah. Kedua kategori ini adalah dibawah bahagian kesejahteraan komuniti KPKT dimana melalui inisiatif MPKB-BRI sehingga tahun 2024 sebanyak 100 unit rumah telah dibaik pulih dan lebih 20 unit rumah dan untuk K kebersihan Jawatankuasa mewujudkan Jawatankuasa Naziran. Jawatankuasa ini bagi penyeliaan kemudahan dan infrastruktur bidang pendidikan, jawatankuasa ini juga membantu membudayakan kualiti inovasi dan kreativiti seperti ceramah kesedaran menjaga kebersihan di kalangan pelajar-pelajar sekolah. Yang kedua pengredan premis makanan secara berperingkat-peringkat dan membuat semakan. Yang ketiga MPKB-BRI meraih johan pasar awam PBT Kelantan terlalu bersih iaitu Pasar Tok Guru tahun 2019.

Yang keempat MPKB-BRI meraih naib johan awam PBT Kelantan terbersih iaitu Pasar Berek 12 2023. Dan yang kelima, MPKB meraih johan pasar awam PBT terbersih peringkat KPKT Kebangsaan iaitu Pasar Besar Siti Khadijah pada tahun 2022 dan K kesejahteraan antara pencapaian kempen penanaman 100 juta pokok mengadakan bengkel kawasan hijau bandar dan 100 Pokok Ru dan menggalakkan kewujudan kebun kejiranan. Yang kedua, zon bersih indah ceria. Dua zon telah diwujudkan iaitu Bandar Baru Kubang Kerian dan Bandar Baru Tunjong, tahap kebersihan dapat ditingkatkan. Ketiga, syarat memasang CCTV di premis-premis terpilih sebagai syarat lesen. Yang keempat, MPKB-BRI telah mencapai status bandar mampan pada tahun 2023, 2024 dan Program Pengukuran Bandar Mampan Murni. Yang kelima, mewujudkan laman-laman mural graviti melalui lukisan di dinding seperti laman cakna

Palestin dan mural persahabatan Kota Bharu dan kasau kasiti Jepun. Sekian.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Chempaka.

YB TUAN NIK BAHRUM BIN NIK ABDULLAH :

Terima kasih pada Yang Berhormat Dato' Speaker dan terima kasih pada jawapan agak panjang lebar daripada Yang Berhormat EXCO berkait dengan 5K yang telah dibentangkan sebentar tadi dan berdasarkan pada pengamatan dan pengalaman saya di MPKB juga kita dapat melihat bahawa 5K tersebut telah dijadikan sebagai asas dalam setiap tindakan sehingga dapat mencapai kejayaan-kejayaan yang disebut sebentar tadi dan berdasarkan pada kejayaan di MPKB tersebut, saya menyambut baik hasrat untuk dikembangkan juga kepada PBT-PBT lain dan saya pohon agar pengembangan tersebut dapat disegerakan kerana kita juga nak tengok PBT-PBT lain juga jadi berjaya sebagaimana MPKB. Cuma soalan saya nya berdasarkan pada cita-cita tersebut untuk dikembangkan dan melihat pada kejayaan di MPKB tersebut saya ingin tahu samada apakah bentuk pemantauan ataupun adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk memperkenalkan satu indeks monitor 5K ni bagi membolehkan MPKB-BRI dan juga PBT-PBT lain tu menilai 5K tersebut pada setiap tahun secara objektif. Boleh?

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

Terima kasih kepada soalan tambahan daripada Chempaka mengenai adakah teras pembangunan Bandaraya Islam Kota Bharu prinsip 5K dinilai? Ya kita ada jawatankuasa penilai dibawah Jabatan Pembangunan Islam tetapi lebih kepada penilaian dalaman lah kita tak lantik penilai pada peringkat negeri program 5K ni lah program inisiatif daripada MPKB untuk kita mendaftarkan program UMI kepada rakyat warga Kota Bharu dan kita ada beberapa indikator lah dibawah prinsip 5K lebih kurangnya untuk menggambarkan Kota Bharu sebagai sebuah Bandaraya Islam. Antara indikator asas iaitu bahagian pentadbiran hendaklah berteraskan syariah penggubalan segala dasar dan peraturan hendaklah berdasarkan prinsip syariah.

Yang kedua, penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah dalam bidang kuasa negeri dan juga PBT kita laksanakan undang-undang kecil penutupan aurat, syarat-syarat lesen kepada peniaga bukan Muslim sekiranya ada pekerja Muslim di bawah bidang kuasa PBT lah. Ekonomi Islam galakan Sektor Kewangan Islam Perbankan Takaful, kita laksanakan secara mendasar kepada peniaga, para peniaga pasar dan pasar halal, untuk menubuhkan pasar basah supaya menjadi pasar yang halal. Bukan hanya halal pada fizikal, dijual benda-benda yang halal tapi juga daripada transaksi mesti tiada penipuan, tiada timbangan dalam menipu, amalan perniagaan beretika menurut prinsip mamadai Islam kesejahteraan sosial adalah indikator pembangunan masyarakat sejahtera dengan nilai Islam, penekanan kepada pendidikan Islam dan pengembangan isu agama dan kebajikan masyarakat fakir miskin, asnaf melalui zakat dan wakaf dan pemuliharaan budaya Islam mesti dalam bentuk bangunan bercirikan senibina Islam, pemeliharaan warisan budaya dan tradisi Islam, indikator penerapan nilai Islam dalam persekitaran pemisahan ruang antara lelaki wanita dan kemudahan awam tertentu di tempat-tempat tertentu.

Larangan aktiviti tidak bermoral seperti judi, arak, kelab malam, penekanan kepada kebersihan, keindahan dan suasana mesra keluarga dan pusat dakwah dan ilmu dan banyak lagi indikator-indikator yang menggambarkan pematuhan setiap aktiviti kita, hendaklah berteraskan kepada prinsip-prinsip 5K. Memang saya percaya banyak dia punya indeks dan juga indikator yang perlu ditepati oleh MPKB-BRI dan hasilnya indikator ini walaupun kita wujudkan sudah lama, ia juga selari ya dengan indikator yang telah diwujudkan peringkat kebangsaan dan kita mencapai taraf apa ni, bandar bahagia, bandar mampan dan peringkat internasional. MPKB juga telah diteras sebagai bandar ke-16 terbaik Asia Tenggara ke-466 terbaik berbanding 1,000 bandar di dunia. Ini antara indikator-indikator yang telah ditetapkan oleh para bijak pandai. Pembangunan bandar yang mana kita juga selari kearah untuk mewujudkan sebuah bandar yang sejahtera, yang bersih, yang ceria dan dipastikan pembangunan, berdasarkan pada prinsip-prinsip Islam. Itu saja. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Kota Lama.

YB DR. HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM :

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Dato' Speaker, ermm satu mungkin memang *sound system* kita ada gangguan. Saya kadang tak berapa dengar jugak dan mungkin ini kadang-kadang dia *off* sendiri ya. Tapi terima kasih kepada jawapan EXCO, saya ucapkan tahniah terhadap perancangan yang begitu kemas ya, dengan konsep 5K ini daripada keilmuan kepada kesejahteraan. Cuma kadang tu kita err setuju tak saya nyatakan kepada EXCO bahawa kadang-kadang tu disana ada seolah ketidaksielarian daripada ada ilmu dan kemudian untuk melaksanakan tu sehingga akhirnya mendatangkan kebersihan. Saya bimbang kita ni kadang-kadang bila kita diperiksa contohnya pasar-pasar tu ketika pemeriksaan dia nampak cemerlang tadi tetapi di waktu-waktu yang lain contohnya kebersihan umpamanya ada masa-masa terutama di musim perayaan ataupun ini juga ada sikap daripada orang kita ketika membuang sampah.

Jadi bagaimana contohnya kita nak memastikan daripada perancangan kita hok comey tu kepada akhirnya pelaksanaan ataupun tabiat yang dilakukan oleh orang-orang kita. Jadi mungkin saya soalan keduanya adalah eerrr dia berkaitan dengan keupayaan kita dalam pengurusan ya. Contohnya pengurusan sampah. Mungkin saya nak mintak jawapan daripada EXCO apa perkembangan kita tentang Akta 672 kalau di sesi yang lepas, EXCO membangkitkan bahawa ia adalah berkenaan dengan kedaulatan kita dalam menguruskan sisa pejal kita tapi mungkin kita boleh terangkan dalam dewan yang mulia ini peluang-peluang kita pulak dalam mungkin mengambil Akta 672 ini? Terima kasih.

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

Terima kasih pada soalan Kota Lama. Soalan mengenai jarang-jarang atau kadang-kadang? Maknanya benda ni, bukan benda utama lah. Masalah jarang-jarang, kadang-kadang macam oghe nikoh lah dok? Jarang-jarang, tok ramai menikoh. Jadi masalah kita ni jarang-jarang berlaku iaitu tentang kebersihan. Kalau ikut pada prestasi indeks kita ni, kita tak ada indeks yang apa ni..err..yang betul-betul penilaian atas prestasi kebersihan di Kota Bharu, saya peribadi meletakkan dalam 70%. 30% lagi kita kena lipatgandakan usaha untuk kita pastikan seluruh rakyat faham hasrat Kelantanku Bersih dan tugas kita selaku warga kota dan juga mereka yang mendiami Bandar Kota Bharu sebagai Bandaraya Islam.

Memanglah tak nafikan antara punca yang berlakunya apa ni...ketidakeimbangan antara kita mengadakan program-program keilmuan, ceramah, kempen kesedaran dan sambutan daripada warga kota. Terutama sekali warga-warga pasar yang memiliki pasar tersebut untuk diuruskan sebaiknya dan juga dipastikan sentiasa bersih.

Dia berpunca daripada kekurangan peringkat kita, kekurangan *machinery* lah. Jentera-jentera pembersihan dan juga kekurangan daripada *manpower*. Apa ni...sumber manusia jumlah pekerja kebersihan yang kita perlu tambah baik iaitu daripada inflasi kewangan lah. Yang ni masih dihadapi oleh seluruh PBT di negara kita lah. Masalah kekurangan jentera dan masalah kekurangan pekerja walaupun kita menerima Akta 672 sama juga akan berlaku kerana pertambahan penduduk, pertambahan sampah secara automatik lah dan mengenai keupayaan kita untuk menangani masalah sampah dan juga apakah implikasi kita menerima Akta 672 yang kita..err..kalau ikut kepada keupayaan peringkat PBT negeri kalau kita kumpul semua kos operasi pembersihan 12 PBT di Kelantan, kita perlu menyediakan sumber kewangan dalam anggaran RM50 - RM60 juta setahun untuk memastikan bandar-bandar kita bersih dan juga penyelenggaraan diselenggara dengan baik mengikut jadual. Kalau ikut kepada laporan daripada di SPN-SPN jawatankuasa. Jabatan apa ni...err jabatan sisa pepejal pembersihan awam negara, kita memerlukan jumlah antara RM180 juta ke RM200 juta itu perlu ditambah 70% daripada kos semasa kita, sebab tu lah kita dalam proses untuk menilai penerimaan Akta 672 untuk peringkat PBT Kelantan.

In Shaa Allah kalau kita Kelantan menerima dan pusat bersetuju dengan rundingan syarat-syarat yang kita kemukakan, In Shaa Allah peruntukan tahunan akan bertambah daripada RM50 juta kepada RM200 juta, In Shaa Allah dengan jumlah yang besar kita berasakan kita dapat membuat transformasi kepada seluruh bandar-bandar, kawasan-kawasan PBT Kelantan menjadi sebuah PBT yang bersih, bukan saja bersih, indah dan juga ceria. Tujuan kita masih lagi dalam rundingan dengan JSPN dan pada 5hb Ogos ni saya akan mengadakan lawatan ke Kedah bersama dengan Bahagian Kerajaan Tempatan, bersama dengan UPEN dan wakil-wakil daripada PBT termasuk dengan KOM untuk kita tengok apakah kelebihan kekurangan Kedah yang telah menerima Akta 672 sejak daripada tahun 2012 dahulu, kita tengok macam mana kita pergi ke Selangor, negeri yang akan menerima Akta 672 apakah pertimbangan mereka dan kita tengok bagaimana dan kita akan buat keputusan dalam masa terdekat In Shaa Allah.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Semerak.

YB TUAN NOR SHAM BIN SULAIMAN :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Exco. Pohon jawapan kepada soalan saya nombor 8.

Soalan 8 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah langkah Kerajaan Negeri bagi membina satu ekosistem bakat anak muda melalui program latihan kepimpinan, keusahawanan dan teknologi digital?]

YB TUAN ZAMAKHSHARI BIN MOHAMAD :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih juga YB Semerak atas soalan. Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam usaha membina ekosistem pembangunan bakat anak muda yang menyeluruh, selaras dengan Dasar Anak Muda Kelantan (DAMAK) dan pendekatan Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI). Usaha ini dilaksanakan melalui Urus Setia Belia Sukan Negeri Kelantan (U-BeS) dengan pelbagai pendekatan strategik yang menjurus kepada latihan kepimpinan, pembangunan keusahawanan serta penguasaan teknologi digital.

Program Kepimpinan

Dari segi program kepimpinan semalam saya dah ulas panjang, Cuma hari ini saya akan buat ringkasan pada program yang dibangkitkan. Melalui dokumen induk Penghayatan Membangun Bersama Islam kerajaan telah menggariskan 19 kuasa penggerak *Kelantan Future State 2033*. Di mana salah satu daripada kuasa penggerak tersebut ialah pemerksaan generasi muda kalis masa hadapan, jadi itu antara kuasa penggerak dalam kita mencapai *Kelantan Future State 2033*.

Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa program latihan kepimpinan untuk membentuk generasi pemimpin muda yang berpandukan syariat islam melalui *Kelantan Future Leaders Institute (KFLI)* dimana KFLI ini akan merancang dan melaksanakan Program Pembangunan Kepimpinan Anak Muda secara bersasar dan berstrategi. Di mana setiap program itu ada sasaran anak muda dia berdasarkan kategori tertentu dan ada pengisian-pengisian di mana kita tidak pukul ratah.

Setiap program di susun berdasarkan sasaran yang berbeza di mana kita sebagai contoh *Kelantan Future Leaders Camp, Bootcamp* dan *Academy* di mana latihan intensif yang menyasarkan pelajar sekolah, lepasan SPM dan mahasiswa dalam membina nilai-nilai kepimpinan rabbani, yang bersifat **القَوِيُّ الْأَمِينُ ...** , berfikiran strategik serta mempunyai kefahaman terhadap tanggungjawab sosial dan kenegaraan. Setakat ini program ini telah melibatkan 150 peserta bagi *Kelantan Future Leaders Camp*, 139 peserta bagi *Kelantan Futures Leaders Bootcamp* dan In Shaa Allah sebagaimana saya sebut bulan 8 nanti kita akan mengadakan program akademi pula untuk pimpinan mahasiswa.

Selain daripada itu, bagi melengkapi ekosistem kepimpinan tadi kita mengadakan juga program Kolej Gentera, ADUN Belia dan juga Felo Darulnaim untuk melengkapi sistem ataupun ekosistem kepimpinan anak muda.

Manakala bagi ekosistem pembangunan usahawan. Bagi Melonjak Potensi Anak Muda Menjadi Usahawan Selaras dengan aspirasi menjadikan belia sebagai pemangkin ekonomi negeri, beberapa program keusahawanan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan, termasuklah Kelantan Startup (K-START 2.0). Makna kalau tahun lepas kita buat Kelantan Startup (K-START 1.0) In Shaa Allah pada tahun ini kita akan meneruskan program tersebut iaitu program yang dirancang untuk menggalakkan keusahawanan dalam kalangan belia Kelantan. Program ini menyediakan platform bagi usahawan belia Kelantan untuk membentangkan idea perniagaan maknanya bisnes kecil, maknanya idea perniagaan inovatif mereka dengan matlamat memacu pertumbuhan ekonomi, menggalakkan inovasi, dan mewujudkan perniagaan yang mampan di negeri ini. K-START bertujuan untuk memperkasakan belia Kelantan serta meningkatkan ekonomi tempatan. Jadi In ShaaAllah pada

tahun ini K-START 2.0 bakal dilaksanakan pada 8 & 9 September 2025, jadi In Shaa Allah boleh tunggu promosi dia dan mana-mana usahawan yang berminat boleh memohon.

Sebagaimana tahun lepas apabila kita membuka permohonan kita menerima hampir 500 permohonan pada usahawan-usahawan Kelantan, kita tapis dan kita pilih *short list* 50 untuk dipanggil untuk *business pitching* dan kita pilih 10 yang terbaik untuk menerima geran.

Jadi hasil daripada program tersebut In Shaa Allah untuk kali ini kita belajar pada kelemahan-kelemahan pada tahun lepas kita akan buat beberapa penambahbaikan In Shaa Allah. Untuk rekod sebagaimana saya sebut tadi untuk tahun lepas kita menerima 500 permohonan lebih. Pada masa yang sama Kerajaan Negeri melalui U-BeS, PKINK dan juga PMBK turut mengadakan pelbagai kursus keusahawanan bagi anak muda yang telah dilakukanlah antaranya kalau diperingkat U-BeS yang telah atau sedang dibuat adalah yang kursus IT dan digital, kursus kemahiran gunting rambut bagi lelaki, membaiki TV, kursus bekam, perbidanan wanita, bakery, kulinari serta gunting rambut wanita. Itu antara beberapa kursus yang telah dan akan dilaksanakan In Shaa Allah.

Bagi melengkapkan era apa IR 4.0, dan sekarang ni zaman AI Usahawan Digital Kelantan melalui *Kelantan Youth Digitalpreneur* 2.0 kini dalam peringkat penambahbaikan. Inipun susulan daripada program pada sesi lepas dan In Shaa Allah pada tahun ini kita akan buat beberapa penambahbaikan di mana program ini akan memberi fokus untuk membangun bakat dan potensi anak muda dalam bidang usahawan digital melalui cara pendekatan bimbingan untuk belia dan memanfaatkan platform digital dan teknologi E-Dagang untuk menjana pendapatan secara berdaya saing.

Program-program ini turut digerakkan secara kerjasama bersama, kalau yang tahun lepas kita kerjasama dengan MDEC, In Shaa Allah pada tahun ini kita akan meneruskan kerjasama tersebut dengan GLC Kelantan terutamanya PMBK dan juga SEDC, sektor swasta dan tokoh usahawan muda yang berjaya sebagai pemudah cara dan mentor dalam program ini.

Sebagai penutup, Kerajaan Negeri percaya bahawa pembangunan bakat anak muda memerlukan satu ekosistem yang terancang inklusif dan bersinergi. Di antara aspek kepimpinan keusahawanan dan teknologi.

Semua program-program ini disusun berdasarkan pelan strategik yang kemas dan sistematik iaitu berkonsepkan sebagaimana saya sebut semalam agar lebih terarah dan berpandukan hasil *ouput* dan *outcome*. Maknanya bukannya program *one-off* tapi program yang meletakkan sasaran KPI dan sebagainya yang kita akan monitor dari segi *output* In Shaa Allah. Dengan izin Allah swt usaha ini diyakini dapat melahirkan generasi Al-Qawiyyul Amin, iaitu belia yang cerdas, kompeten serta berpaksikan nilai Islam dalam mendepani cabaran masa hadapan dan memimpin negeri serta negara ke arah kegemilangan. Sekian, terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Semerak.

YB TUAN NOR SHAM BIN SULAIMAN :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Exco, terima kasih kepada jawapan yang telah diberikan. Cuma bila kita sebut anak muda kebanyakan anak muda ini adalah mahasiswa yang mana mereka diperingkat pengajian tinggi sama ada IPTA ataupun IPTS, jadi mereka juga memerlukan perhatian daripada Kerajaan Negeri, jadi saya nak tahu apakah kita ada Kerajaan Negeri dia ada mekanisme tertentu bagi memperkasakan lagi bakat-bakat mereka. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

YB TUAN ZAMAKHSHARI BIN MOHAMAD :

Terima kasih Semerak atas soalan tambahan. Sebagaimana saya sebut tadi kerajaan mengiktiraf peranan strategik golongan mahasiswa sebagai satu kelompok belia berpendidikan tinggi yang bakal memimpin sektor kerajaan, swasta dan masyarakat sivil. Justeru pendekatan khusus telah dilaksanakan untuk membina dan memperkasakan potensi mahasiswa. Sebab itulah dalam melalui KLFJ antara sasaran kita adalah golongan mahasiswa dan In Shaa Allah sebagaimana saya sebut tadi pada 06 hingga 09 Ogos nanti kita akan mengadakan *Kelantan Features Leaders Academic* yang mana sasaran dia adalah kepimpinan mahasiswa di seluruh universiti sama ada universiti tempatan ataupun luar negara yang berada sama ada dalam mana-mana kepimpinan anak Kelantan ataupun MPP dan sebagainya In Shaa Allah.

Dan di mana sebagaimana yang disebut tadi KLFI ini didasarkan khusus kepada mahasiswa pimpinan dan persatuan pelajar-pelajar tahun akhir universiti sebagaimana medan pendedahan kepada *idealisme*, pemikiran strategik dan kefahaman dasar negeri.

Jadi dalam program ini antara pengisian yang kita bawa adalah In Shaa Allah *key note* ataupun ucapan dasar oleh Dato' TMB yang akan meletakkan hala tuju *Kelantan Future State 2033*. Makna kita nak bakal pimpinan generasi mahasiswa yang ada hari ini yang akan mewarisi kepimpinan negeri memahami inspirasi. Sebab itulah kita panggil pimpinan-pimpinan ini, pimpinan negeri untuk menjelaskan tentang masa depan.

Selain daripada itu juga, antara pengisiannya kita panggil Dato' Johari Mat untuk menyampaikan tentang asas ataupun memahami asas tentang penghayatan *Membangun Bersama Islam* supaya In Shaa Allah anak-anak muda ini walaupun mempunyai pelbagai ideologi yang berbeza, *idealisme* berbeza tapi sekurang-kurangnya mereka memahami hasrat dan hala tuju negeri. Jadi bila mereka faham In Shaa Allah walaupun mempunyai aliran pemikiran berbeza, politik berbeza sekurang-kurangnya mereka memahami dan boleh bersama-sama menyumbang pada pembangunan negeri. Sebab saya yakin mahasiswa ni walaupun pada waktu ini mereka mempunyai idea ataupun *idealisme* yang berbeza tetapi apabila mereka diberi kefahaman yang betul, In Shaa Allah semua mereka sayangkan negeri.

Jadi kita mengharapkan dengan pendedahan tersebut akhirnya mereka dapat menyumbang kepada negeri dengan platform-platform yang ada In Shaa Allah. Jadi program ini akan turut melatih mahasiswa untuk memahami struktur kerajaan proses dasar dan bagaimana nilai islam dapat diterapkan dalam tadbir urus dan pembangunan negara. Maknanya apabila kita buat program tu dia bukan sekadar teori termasuk juga praktikal. Makna selepas kita kumpul beberapa hari dan In Shaa Allah mahasiswa ini akan turun ke medan dan menyediakan rancangan untuk program-program apa yang mereka boleh buat untuk menyelesaikan isu-isu di setempat. Maknanya kita pendekatan praktikal, In Shaa Allah.

Di mana selain daripada itu, mahasiswa dalam KLFI ini mahasiswa turut diberi ruang besar dalam pelbagai program seperti konvensyen Kepimpinan Belia, Sesi Libat Urus Dasar di mana mereka bukan sekadar

peserta tetapi juga sebagai fasilitator, moderator dan penyumbang idea besar.

Dalam fasa akan datang In Shaa Allah KLFI ini melalui kerjasama U-BeS akan membuka peluang pada mahasiswa untuk menyertai projek rintis komuniti, kajian dasar serta intensif dasar bagi membina fkompetensi praktikal sejajar dengan minat dan bidang pengajian mereka, In Shaa Allah. Sekian.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Galas.

YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih juga atas jawapan Yang Berhormat Exco yang disampaikan sebentar tadi, banyak program yang dilaksanakan dan juga yang akan dilaksanakan atas tajuk Latihan Kepimpinan Dan Digital Untuk Belia.

Cuma Yang Berhormat Exco cadangan saya berdasarkan kepada maklumat yang diberikan oleh Exco sebentar tadi, 500 nampaknya anak muda kita berminat tahun lepas dan hanya ada 10 geran disediakan, maka pada tahun ini saya merayulah dan juga memohon agar Yang Berhormat Exco dapat tambah lagi geran padanan ini kepada 50 lah sekurang-kurangnya. Kalau tahun lepas 50, hok boleh 10 makna hok tahun lepas pun kita sudah ada 490 pemohon yang menunggu. Dan tahun ini, tamboh hok baru pulok.

Soalan saya Yang Berhormat Dato Speaker, program-program digital ini adakah program-program yang dilaksanakan ini selari dengan keperluan pasaran kerja digital kerana kita tak nak kita anjur banyak program-program digital untuk belia ini tapi program ini bersifat retorik ataupun sekadar nok suruh napok ado program digital. Dan kalau program yang dibuat tanpa jaminan perkerjaan atau pendapatan

YB DATO' SPEAKER : [MENCELAH]

Soalan, soalan ... soalan Yang Berhormat ...

YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

... menuju ke soalan Yang Berhormat Dato' Speaker. Dan dari segi syarikat pemula *Startup* yang telah kita berikan tahun lepas adakah pihak

Kerajaan Negeri ada program kelangsungan ataupun *follow up, follow through* daripada geran-geran yang telah kita berikan. Terima kasih.

YB TUAN ZAMAKHSHARI BIN MOHAMAD :

Terima kasih Galas atas soalan. Pertama sekali tentang jumlah geran maknanya kalau dibawah Exco Belia kita ada Dana Belia Niaga berjumlah RM500 000. Cuma khusus untuk program K-START ni kita *allocate* RM200 000. Makna selain daripada itu In Shaa Allah belia-belia akan terus maknanya walaupun mereka tak menang di situ masih berpeluang untuk mendapat dana dibawah belia niaga.

Selain daripada itu, dibawah Exco Usahawan juga In Shaa Allah kita telah melancarkan Skim Mikro Kredit yang kos dia apa RM1.5 juta ker? RM3 juta? RM1 juta? Jadi In Shaa Allah situ pun di mana usahawan-usahawan belia pun boleh mendapatkan dana pada sumber tersebut. Selain daripada itu, banyak juga sumber-sumber dana diperingkat federal, peringkat agensi-agensi yang lain. Maknanya apa yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri ini sebagai pelengkap kepada dana-dana yang ada, In Shaa Allah.

Mengenai dengan kesesuaian dengan pasaran. Dalam kes ini sebenarnya *its not about* pasaran, sebenar bukan berkaitan dengan pasaran sebab sasaran dalam usahawan digital ini bercakap tentang usahawan bukannya tenaga kerja. Jadi maknanya latihan yang diberikan ini adalah supaya mereka dapat berdikari, mereka dapat menjalankan bisnes secara sendiri. Jadi kursus-kursus itu kebanyakannya disusun melalui agensi-agensi contohnya melalui MDEC dan sebagainya berdasarkan kajian-kajian dan keperluan kemahiran semasa.

Jadi tidak berbangkit adakah ianya selari dengan pasaran atau tidak sebab *output* yang kita ingin pada program ini adalah belia-belia tersebut akhirnya boleh berdikari dan menjadi usahawan. Malah bukan setakat usahawan mereka boleh menjadi majikan yang boleh memberi peluang kerja kepada rakan-rakan muda yang lain. Dan dari segi *follow up* juga In Shaa Allah apabila kita memberikan dana pada sesi lepas terutamanya untuk pemenang-pemenang kita tidak beri dana penuh. Kita beri 50% dulu dan kita menunggu laporan dan setelah menerima laporan perkembangan barulah kita apa ni memberi dana penuh, sekian terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Kuala Balah.

YB DATO' ABDUL HADI B AWANG KECHIL :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, mohon jawapan pada soalan nombor 10.

Soalan 10 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah langkah-langkah diambil kerajaan negeri dalam memastikan keselamatan pengguna Lebuhraya Jeli Gerik yang sering berlaku kemalangan dan ancaman haiwan liar?]

YB DATO' DR HAJI IZANI BIN HUSIN :

Terima kasih yang terhormat Dato' Speaker, terima kasih Kuala Balah. Kuala Balah ni ada dua soalan dia. Sor hal gajah, sor hal keselamatan jalan raya. Jadi Kerajaan Negeri juga sentiasa melihat apa tu masalah-masalah keselamatan di jalan raya Geriklah khususnya. Justeru itu JKR Kelantan memohon kepada JKR Persekutuan untuk tambah baik jalan Gerik.

Antaranya ialah kita mohon untuk pembaikan cerun untuk pembinaan lorong-lorong memotong, penambahan *Corrugated Metal Pipe* itu (CMP), pembinaan *New Jersey Barrier (NJB)* dan juga pemasangan lampu solar untuk dia lebih cerohlah. Jadi itu mengenai jalan raya yang kita kenalpasti. Mugo jalan raya itu tahun 1970 zaman Komunis lagi. Jadi masa itu dengan lori tu masih tidak banyak perubahan dari segi kelebaran jalan. Jadi kalau nok wak semo bokali kos tinggi. Jadi JKR nya hantar untuk tempat ada biar ada lorong motong, biar *line* tu jelas, lampu gapo semua tu gitula. JKR telah pun mengambil tindakan untuk mengangkat ke Persekutuan untuk diambil tindakan.

Yang kedua mengenai ancaman haiwan liar, kerajaan melalui PERHILITAN telah mengambil beberapa langkah bagi memastikan keselamatan pengguna lebuhraya Jeli-Gerik khususnya berkaitan ancaman kemalangan yang melibatkan hidupan liar.

Bagi tujuan berkaitan, Kerajaan Negeri melalui kerjasama pihak Universiti Malaysia Kelantan telah mengadakan kajian bagi mewujudkan

satu koridor makanan gajah di Jeli bagi mengurangkan kacau ganggu gajah liar kepada penduduk. Pelaksanaannya kini diperingkat penentuan lokasi hotspot yang bersesuaian. Makna nok wak tempat dia gi makan. Ada tempat untuk dia gi makan.

Bagi harimau liar, Kerajaan Negeri melalui kerjasama Jabatan PERHILITAN telah menentukan jajaran laluan harimau dan diperingkat pelaksanaan penakrafan dan kawalan melalui piawaian *Conservation Assured/Tiger Standards (CA/TS)* bagi meningkatkan tadbir urus kawalan harimau.

Yang ketiga, memasang papan tanda ancaman laluan hidupan liar seperti Gajah di laluan lebuh raya Jeli - Gerik bagi memastikan pengguna jalan raya peka dan berhati-hati semasa melalui lebuh raya.

Kakitangan pejabat PERHILITAN Daerah Jeli juga menjalankan rondaan berkala di laluan lebuh raya Jeli-Gerik bagi memantau kemunculan gajah-gajah di jalan raya dan menghalau semula gajah-gajah masuk semula ke kawasan hutan berdekatan.

Sedang melaksanakan proses perolehan Papan Tanda LED Gajah yang akan dipasang di laluan lebuh raya Jeli - Gerik. Di mana papan tanda ini akan bernyala pada waktu malam dan memberi amaran kepada pengguna jalan raya supaya lebih berhati-hati.

Sentiasa memberikan kesedaran kepada pengguna jalan raya di kawasan berpotensi laluan hidupan liar. Antaranya tidak melakukan provokasi seperti menekan hon atau memainkan lampu tinggi kerana ini akan menyebabkan Gajah atau hidupan liar menjadi agresif.

Program Kesedaran Awam (PKA) telah diadakan pada 1 hingga 3 Jun 2025 di Hentian Rehat Titiwangsa yang lalu. Pada sesi ini jabatan PERHILITAN dengan Kerjasama Agensi Bukan Kerajaan (NGO) *World Wide Fund For Nature (WWF)* Malaysia yang melibatkan aktiviti-aktiviti seperti pameran, penerangan dan soal selidik bagi memberi pendedahan serta maklumat berkaitan kemalangan yang disebabkan haiwan tersebut. Tu jelah In Shaa Allah.

YB DATO' SPEAKER :

Sila, Kuala Balah.

YB DATO' ABDUL HADI B AWANG KECHIL :

Terima kasih Yang Berhormat Speaker dan Yang Berhormat Exco. Maaf kalau soalan ini tidak sesuai untuk Exco Infra. Tapi saya nak sebutkan bahawa isu gajah ini adalah isu yang sangat terkesan di kawasan Dabong dan juga Kuala Balah.

Soalan saya ialah oleh kerana kerajaan federal sebenarnya telah membuat pengumuman menjadi wakil rakyat Parlimen Gua Musang bahawa ada peruntukan untuk diberikan kepada mangsa-mangsa tanaman yang mungkin sesuai untuk Exco Pertanian yang telah rosak, dirosakkan oleh gajah. Dan itu telah berleluasa sekarang dan tuntutan telah dibuat beberapa kali tetapi bayaran tidak dapat dibuat. Sedangkan peruntukan RM10 juta telah disebutkan di dalam pengumuman tersebut.

Soalan saya mintak kerajaan Kelantan mengambil inisiatif ini juga untuk berbincang dengan federal, ya dengan federal government, PERHILITAN dan sebagainya boleh atau tidak bincang dengan pihak berkaitan untuk memastikan barang itu dapat dibuat. Terima kasih.

YB DATO' DR HAJI IZANI BIN HUSIN :

Terima kasih Kuala Balah. Rohok katloh nok jawab hoktu. Memang PERHILITAN satu ketika dia ada peruntukan ganti rugi kepada ladang-ladang yang dirosakkan oleh haiwan apa tu gajah dan sebagainya ni.

Cuma saya lihat bahawa peruntukan kepada PERHILITAN itu tok cukup untuk bayar, ntuk membayar ganti rugi ataupun orang panggil gapo dio ni eh, ganti rugilah. Pampasan kepada ladang-ladang yang rosak. Jadi untuk itu saya rasa kita bolehlah panjangkan kepada PERHILITAN ataupun kerajaan Persekutuan untuk meningkat atau menambah apa tu bajet kepada PERHILITAN kerana benda ini sudah ada, sudah dilaksanakan sebahagiannya tapi dia saya rasa dia tersekat ni kerana masalah kewangan. Jadi benda ini boleh kita panjangkan kepada PERHILITAN ataupun Persekutuan supaya menambah bajet pada PERHILITAN, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Dabong.

YB KU MOHD ZAKI BIN KU HUSIN :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan soalan saya nombor 11.

Soalan 11 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah prestasi syarikat milik kerajaan negeri dalam menyumbang kepada hasil pertanian makanan dan berapakah keluasan tanah yang telah di usahakan?]

YB DATO'HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya minta izin untuk ada sedikit penambahan keterangan kepada jawapan soalan pertama tadi tentang kilang padi Darulnaim yang mana ada dibuat semakan dalam SSM yang mana pihak KPKB masih tidak ada *share* di sana adalah kerana baru mendapat kelulusan Jawatankuasa Pelaburan Dan Risiko KPKB dan tindakan lanjut untuk kelulusan Lembaga Pengarah KPKB seterusnya melaksanakan perjanjian melalui peguam yang dilantik. Maksudnya sebab masih dalam perjalanan untuk buat perjanjian.

Sebab itulah belum dimasukkan dalam SSM tersebut. Pun demikian perbincangan antara pihak-pihak yang terbabit telah berlaku dan persetujuan telah berlaku. Cuma menandatangani perjanjian itu belum terlaksana sepenuhnya lagi.

Dan juga yang kedua berkaitan dengan kapasiti kilang padi tadi setakat ini yang sebenarnya jumlah pembelian padi kilang tersebut ialah sebanyak RM6 678 000, 10 kilo bersamaan 6 678 metrik tan. Maknanya dalam proses untuk mengeluarkan beras tak lama lagi. Itu sebagai pembetulan kepada jumlah yang telah dibeli. Yang saya sebutkan tadi iaitu cadangan pembelian yang sepatutnya berlaku untuk tahun ini. Baik, dan tahun hadapanlah sehingga 30 ribu metrik tan tersebut.

Baik, terima kasih Yang Berhormat Dabong. Syarikat-syarikat milik Kerajaan Negeri Kelantan telah memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada pembangunan sektor pertanian. Di sini saya akan sebutkan empatlah anak syarikat yang terbabit membangunkan tanah-tanah terbiar dan pencapaian yang telah dapat setakat ini.

1. Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB):

a. Projek Membangunkan Tanah Terbiar

Melibatkan penggunaan tanah terbiar seluas 49.4 ekar yang melibatkan 18 orang peserta yang mengusahakan aktiviti tanaman seperti tembikai, ubi keledek, timun batang dan labu.

b. Projek Fertigasi

Penggunaan tanah seluas 18.87 ekar yang melibatkan seramai 30 orang peserta dari Jajahan Bachok dan Tanah Merah dan lain-lain dengan jumlah keseluruhan 30,000 polibag.

c. Tanaman Bawang

Penggunaan tanah seluas 20 ekar melibatkan 2 lokasi iaitu di Pasir Mas dan Tanah merah.

d. Projek Tanaman Harum Manis

Penggunaan tanah seluas 10 ekar yang melibatkan 10 orang peserta di kawasan Bachok.

e. Ternakan Ayam Penelur

Penggunaan tanah seluas 0.0861 ekar iaitu 150 kaki persegi melibatkan 25 orang peserta. Haa ini dibawah KPKB pembangunan tanah-tanah terbiar.

2. Melalui Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan yang sedang membangunkan Agrovalley Rong Chenok, Pasir Mas. Tanah berkeluasan 270 ekar ini sedang menjalankan beberapa aktiviti berikut:

- a. Tanaman sayuran secara teknologi hidroponik.
- b. Tanaman Cili secara fertigasi.
- c. Reban ayam secara automatik bertutup.
- d. Pusat Pembenihan ikan air tawar.
- e. Ternakan Lembu pedaging jenis baka Charolais.

Bagi perancangan tahun 2025-2026 pihak KPKM telah meluluskan beberapa peruntukan bagi membangunkan lagi aktiviti Pertanian di Agrovalley Rong Chenok antaranya adalah seperti:

- a. Tanaman bagi sumber makanan ternakan ruminan, Napier.
 - b. Tanaman buah-buahan Melon Madu Kelantan.
 - c. Tanaman Pisang.
3. Tanah terbiar dibangunkan oleh **Kelantan Biotech Corporation Sdn. Bhd. (KBCSB)** sebuah anak syarikat di bawah PMBK, turut menyumbang kepada sektor pertanian makanan melalui:
- a. Promosi dan jualan anak benih pisang berkualiti melalui teknologi kultur tisu tumbuhan kepada para petani. Usahawantani di Kelantan khususnya dengan kapasiti mencapai sehingga 10,000 benih sebulan di tapak nurseri seluas 1 ekar di Machang.
 - b. Pembangunan Green Valley Bio Park di Lojing seluas 50 ekar dengan aktiviti pertanian tanah tinggi antaranya tanaman tomato, sawi organik, lada benggala, jagung manis diusahakan melalui usahasama strategik syarikat-syarikat pelabur.
 - c. Pembangunan Kelantan Bio Valley seluas 150 ekar meliputi pertanian bersepadu iaitu penanaman nanas, pisang, penternakan ikan, lebah kelulut, dan kebun-kebun durian.

Manakala melalui Darulnaim Agro Makanan Industries Sdn Bhd (DAMAI) telah membangunkan hampir 150 ekar tanah-tanah dengan projek pengeluaran makanan seperti berikut :

Jagung bijian 50 ekar, nenas 24 ekar di Machang dan Pasir Puteh, durian 61 ekar Relai dan di Pasir Puteh, kelapa 5 ekar di Bachok dan ubi keledak 10 ekar di Telung Bachok juga. Sekian, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila Dabong.

YB KU MOHD ZAKI BIN KU HUSIN :

Yang Berhormat Dato' Speaker, berdasar kepada jawapan Dato' Exco duk tengok-tengok takdok sebut nah kawasan ulu Dabong ko Kuala Krai ko, takdok. Jadi soalan tambahan saya Dato' Speaker, bagaimanakah prosedur untuk golongan belia memohon penggunaan tanah kerajaan bagi membangunkan projek pertanian sama ada di Pejabat Tanah atau di mana-mana tempat?

YB DATO'HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih soalan tambahan daripada Dabong. In Shaa Allahlah kita akan tengok tanah-tanah di Dabong yang perlu dibangunkan dan kita tunggulah permohonan daripada rakyat Dabong juga In Shaa Allah.

Bagi golongan belia yang ingin memohon daripada kerajaan pembangunan projek pertanian tanah terbiar dan sebagainya kita ada beberapa kaedahlah, prosedur permohonan.

Pertama, pendaftaran permohonan. Ini boleh dibuat di Pejabat Pertanian Jajahan ataupun Daerah, ha isi boranglah In Shaa Allah. Yang kedua, kita kena buat kaji siasatan projek iaitu pegawai pertanian hendaklah membantu pemohon mengenalpasti projek dan menentukan kesesuaian mencadangkan unjuran hasil, membantu menyediakan kertas rancangan perniagaan, bimbingan dan pemudah cara kepada pemohon. Sebenarnya sudah ada apa tadi yang perlunya ialah pemohon itu kena bersungguh sikit.

Yang ketiga, Majlis Penerangan, satu Majlis Penerangan sentiasa diadakan bagi memberi penerangan mengenai pelaksanaan syarat-syarat projek seterusnya mendapatkan persetujuan beserta cadangan-cadangan yang dikemukakan tadi. Ada yang berlaku pemohon mencadangkan projek tanaman sayur contohnya. Bila dibuat test siasatan tanah, tak sesuai. Maka dicadangkan oleh pihak pegawai Jabatan Pertanian dengan cadangan projek yang lain.

Seterusnya Pejabat Pertanian Jajahan hendaklah menghantar cadangan projek yang dipohon oleh pemohon tadi ialah ibu pejabat Jabatan Pertanian Negeri untuk proses selanjutnya. Kelulusan akan dimaklumkan pada pihak jajahan oleh ibu pejabat apabila projek diluluskan dan pemohon akan dipanggil untuk perbincangan dan pelaksanaan seterusnya, sekian terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila Limbongan.

YB PUAN NOR ASILAH BIN MOHAMED ZIN :

Terima kasih kepada YB Dato' Speaker, terima kasih kepada jawapan YB Exco. Memandangkan belia ataupun peratus belia yang ada di negeri kita iaitu 31-32 %. Kalau dilihat wanita ataupun suri rumah kita ada dapur hijau. Kalau ada belia dan beliawanis mungkin kita ada beliatani.

Tapi soalan saya di sini, apakah alternatif terbaik bagi membantu golongan beliawanis dalam mempersiapkan kerja-kerja sama ada dari sudut penyediaan tapak kerana kalau kita lihat kos permulaan itu amat tinggi. Dan peruntukan khusus dan bukan kata secara umum tapi khusus untuk belia dan beliawanis. Terima kasih.

YB DATO'HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih soalan tambahan daripada Limbongan berkaitan dengan peruntukan khas untuk membantu golongan belia bagi menyiapkan tapak-tapak pertanian mereka. Sebenarnya kita di negeri Kelantan ini kita telah lebih 10 tahun menyediakan bajet pembangunan tanah terbiar secara umum yang boleh dipohon oleh semua pihak tetapi diberi keutamaan kepada belia dan beliawanis kerana kita tengok ramai petani-petani yang sudah berumur.

Kita bimbang kalaulah kita tidak membina golongan baru, sektor pertanian mungkin akan merosot. Kerana itulah kita beri kepada belia ni keutamaan iaitu jenis bantuan insentif yang disalurkan bagi mengurangkan beban mereka termasuk pembersihan dan penyediaan kawasan, haa nak bersih tapak tu.

Pembelian input mekanisasi peralatan pertanian juga disediakan. Penyediaan kemudahan infrastruktur ladang meliputi sistem pengairan, saluran, lintasan jentera, jalan ladang pagar bangsal, bangsal tempat nok simpan barangan input serta papan tanda dan lain-lain juga ada di dalam senarai bantuan kepada para pemohon yang berjaya. Penyediaan kemudahan pengendalian Persekutuan juga ada meliputi pembinaan pusat pengumpulan. Lepas tuai pun ada lagi kerajaan bantu mereka.

Pusat pemprosesan hasil, stor dan pembelian peralatan, pengirilan peralatan untuk perawatan asas kuaranti dan peralatan jualan terus. Dimana pembangunan modal insan dia promosi pemasaran, kawalan kualiti dan lain-lain sentiasa kita beri penerangan kepada golongan sasaran kita terutamanya golongan belia dengan latihan dan kursus berkala yang kita telah promosikan dalam laman web kita setiap masa dan beberapa kaedah-kaedah penggunaan tanah secara teknologi moden ini juga diperkenalkan yang sebenarnya inilah yang lebih memberi minat kepada golongan belia, sekian terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Pulai Chondong.

YB TUAN AZHAR BIN SALLEH :

بسم الله الرحمن الرحيم

Yang Berhormat Dato' Speaker, pantun saya ni ada kaitan dengan soalan saya.

*Lepas dijemur baju dilipat, di simpan dalam almari lama,
Jangan kita tinggal solat, kerana solat tiang agama.*

Mohon jawapan saya soalan nombor 12. Lulus dop?

Soalan 12 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, sejauh manakah pihak Kerajaan Negeri serious dan mengambil tindakan dalam menangani isu tidak mengerjakan solat lima waktu dikalangan penduduk di Negeri Kelantan dengan membuat bancian mengikut lokaliti setempat dan pernahkah diberi kaunseling kepada mereka yang terlibat.]

YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Pulau Chondong di atas soalan khususnya berkaitan soalan tadi dan tahniah pantun yang pertama memang jadi. Hok lain tok jadi. Sabda Nabi SAW, رَأْسُ الْأَمْرِ الْإِسْلَامُ، وَعَمُودُهُ الصَّلَاةُ

Maksudnya : Tunjang segala urusan adalah Islam dan tiangnya adalah solat. Hadis riwayat Imam Tirmizi.

Kerajaan Negeri Kelantan konsisten dan sangat mengambil berat soal penjagaan solat dalam kalangan rakyat negeri Kelantan selain program-program yang telah disusun diperingkat kawasan-kawasan DUN dan dirancang oleh bahagian Halaqat Negeri dibawah JAHEIK. Kerajaan Negeri juga memperkenalkan sambutan bulan solat saban tahun peringkat negeri bermula 1991 lagi pada setiap bulan Rejab adalah semata-mata untuk memastikan bahawa pelaksanaan solat dilakukan oleh seluruh rakyat Kelantan dengan sempurna dan tidak ada seorang pun dikalangan rakyat Kelantan ini tidak solat. Itulah usaha kerajaan sejak daripada dahulu sehingga kini. Dan kerajaan telah memikirkan pelbagai pendekatan yang lebih serius, bagaimana untuk memastikan situasi ini terlaksana dengan jayanya.

Oleh kerana itulah pada kali ini Kerajaan Negeri telah berusaha membuat kajian sejauh mana keberkesanan sambutan bulan solat yang diadakan tersebut dan pada Februari yang lalu semasa sambutan program Iqamatul Solat sempena sambutan bulan solat maka telah dinyatakan bahawa sebuah kajian lengkap akan diadakan untuk kita mengetahui kejayaan rakyat negeri Kelantan ini dalam pelaksanaan solat sama ada yang masih mengabaikan solat lima waktu dikalangan rakyat negeri ini.

Jadi kajian perlaksanaan solat dan juga pengabaian solat lima waktu dikalangan rakyat Negeri Kelantan ini sebenarnya baru saja bermula iaitu pada 15 Julai 2025 secara bersama di antara jabatan hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan juga KIAS dan In Shaa Allah akan siap pada 30 April 2026 nanti. Jadi kajian ini akan melibatkan 11 jajahan di negeri Kelantan Darulnaim iaitu di Kota Bharu, Pasir Mas, Bachok, Tumpat, Tanah Merah, Machang, Pasir Puteh, Kuala Krai, Jeli, Gua Musang dan juga Jajahan Lojing yang melibatkan persampelan kelompok bandar, pinggir bandar dan juga luar bandar. Kajian ini akan melibatkan seramai 4159 orang responden mengikut pecahannya ialah belia berumur 15 sehingga 39 tahun seramai 153 orang iaitulah peratusnya sebanyak 40% dan dewasa umur 40 hingga 59 tahun seramai 135 orang iaitu 35% dan warga emas 60 tahun ke atas seramai 96 orang. Peratusnya ialah 25%. Jadi jumlah keseluruhan satu, satu daerah ialah 384 orang.

Kajian ini sangat-sangat penting dan In Shaa Allah setelah daripada kita dapat mengumpulkan data-data yang absah berkaitan dengan perlaksanaan masyarakat negeri Kelantan tentang solat sama ada mereka telah lakukan solat lima waktu secara sempurna atau masih ada yang mengabaikan solat ini maka In Shaa Allah dia akan menjadi satu KPI kepada Kerajaan Negeri untuk merencanakan langkah-langkah pendekatan yang lebih sistematik dalam memastikan solat dapat disempurnakan dengan baik dan pemerkasaan kepada program-program yang dilaksanakan sebelum daripada ini.

Dan untuk makluman, sebelum daripada ini dalam memastikan rakyat negeri dapat melaksanakan solat dengan sempurna Kerajaan Negeri telah memperkasakan Membina Generasi Solat (MGS) dan daripada tahun 2020 sehingga 2025 kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM2.47 juta ataupun RM2 477 375.00 dalam untuk memastikan bahawa program membina generasi solat ini dapat dijayakan sepenuhnya. Dan modul ini pun telah di *upgrade* untuk makluman Ahli Dewan modul baharu telah ditambahbaik apa dan kita telah membina kerjasama dengan penyelidik dan pakar pendidikan daripada Institusi Pendidikan Guru Kota Bharu, IPG Kota Bharu untuk menyediakn modul *upgrade* ini dan modul baru ini dapat menjadi satu panduan yang komprehensif yang telah dirangka khusus mengikut tahap umur dan keperluan peserta untuk menjayakan Program Membina Generasi Solat (MGS) dijayakan dengan sempurna.

Dan ia juga dapat membentuk Generasi Celik Solat sejak daripada usia kanak-kanak lagi bagi membentuk budaya tidak tinggal solat dalam kalangan umat Islam Negeri Kelantan ini dapat dijayakan sepenuhnya. Dan In Shaa Allah program-program yang lain yang memastikan untuk rakyat negeri Kelantan tidak ada yang tidak solat telah dan sedang difikirkan daripada semasa ke semasa, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Kita bagi Pulau Chondong.

YB TUAN AZHAR BIN SALLEH :

Nok wi tuan dia dulu dop. Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih saya ucapkan kepada jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Exco. Soalan tambahan saya bagaimanakah bentuk pendekatan bukan kognitif ataupun hukuman tetapi lebih kepada bimbingan dan kesedaran yang boleh dilaksanakan kepada golongan yang meninggalkan solat ini. Sekian, terima kasih.

YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD :

Terima kasih di atas soalan tambahan tersebut. Ya setakat hari ini Kerajaan Negeri sendiri sangat-sangat mementingkan soal pelaksanaan solat ini dan umpamanya bagi kita memastikan di setiap mukim khususnya anak-anak mukim dapat melaksanakan solat lima waktu, solat jumaat dan dalam peruntukan di dalam enakmen sendiri dalam enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 Seksyen 104. Maknanya ada peruntukan tindakan-tindakan hukuman kepada mereka yang meninggalkan solat Jumaat dan juga apa program-program yang telah dilaksanakan diperingkat Kerajaan Negeri mengambil pendekatan yang tidak sahaja berkait dengan hukuman tetapi ia berkait dengan kesedaran dan juga tentang bagaimana seharusnya pendekatan-pendekatan didikan yang sempurna supaya mereka melaksanakan solat lima waktu.

Dan melalui enakmen Kanun Jenayah Syariah 2019 itu juga sebenarnya ada pendekatan restoratif dan retributif untuk pelaksanaan hukum apa perkara-perkara program-program yang bersifat mendidik dan pemulihan kepada rakyat negeri Kelantan dalam apa jua hal ehwal

keadaan. Jadi khususnya berkenaan dengan solat lima waktu. Dalam hal ini kita melihat bahawa Nabi SAW sendiri bersabda

وهم أبناء سبع سنين، واضربوهم عليها وهم أبناء عشر

Hendaklah kamu perintahkan anak-anak kamu solat lima waktu ketika dah masuk umur 7 tahun dan hendaklah pukul mereka apabila tidak melaksanakan solat ketika umurnya 10 tahun. 2.08.59

Jadi kita dapat pastikan di sini bahawa واضربوهم itu dalam tafsiran moden pada hari ini itulah suatu pendekatan restoratif, retributif yang telah dicadangkan oleh Baginda Rasullullah SAW. Sejak daripada awal lagi kanak-kanak seharusnya diberi didikan bahawa solat ini tidak boleh ditinggalkan dan apabila mereka telah meninggalkan solat dalam umur yang tertentu hendaklah diberi hukuman yang setimpal. Retributif bagi kanak-kanak, bagi orang yang telah akil baligh, bagi orang dewasa dan lain-lain.

Bagi pihak masjid, pihak imam mereka sentiasa ada borang, borang aduan bagi memastikan bahawa tidak ada anak mukim yang tidak solat jumaat ni khusus dalam solat jumaat. Jadi sekiranya ada kes anak mukim ini tidak pernah pun disaksikan oleh imam, oleh bilal, jawatankuasa masjid ataupun penduduk kampung tersebut mendirikan solat jumaat maka perkara ini bolehlah diangkat kepada Jabatan Agama dan seterusnya pihak penguatkuasaan akan pergi setelah daripada ada aduan daripada pihak Jawatankuasa Masjid tersebut ataupun imam ataupun siapa sahaja maka pergi dan ada nasihat-nasihat kaunseling apa nama akan diberikan khidmat nasihat kepada mereka yang terbabit.

Dan sebenarnya sudah ada kes tersebut yang mana didapati abai pengabaian dalam melaksanakan solat jumaat. Jadi dalam kes retributif dan juga restoratif ini telah dilaksanakan oleh semua pihak. Bukan setakat imam-imam di masjid tetapi oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. ADUN-ADUN, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ada dalam Dewan Undangan yang mulia ini kita mengharapkan juga dapat menjadi ataupun sebagai pemudah cara fasilitator di dalam memastikan seluruh rakyat negeri Kelantan ini tidak cuai solat iaitu dengan memberi nasihat-nasihat teguran dalam semua program-program yang diadakan di DUN masing-masing. Dan Kerajaan Negeri melalui pelbagai usaha telah menganjurkan

program dengan agensi-agensi yang terbabitlah. Majlis Agama, Jabatan Agama, NGO-NGO yang berkaitan dan Alhamdulillah sehingga ke hari ini kita melihat terima kasih kepada imam-imam masjid yang telah melaksanakan program yang boleh dikatakan berjaya anak-anak muda telah menghampiri masjid Muhammadi, masjid di Kubang Kerian, melaksanakan solat Subuh macam Jumaat kita tengok Program Kempen Jom Solat yang telah dilaksanakan oleh masjid-masjid telah dihadiri oleh pelbagai latar belakang anak-anak muda untuk menghidupkan program-program telah dianjurkan tersebut.

Dan termasuklah Program Kem Bestari Solat yang diadakan sempena musim cuti sekolah di antara umur 9 hingga 16 tahun untuk memastikan mereka boleh melaksanakan solat dengan baik dan apabila mereka telah mencapai umur dewasa mereka sekali-kali tidak akan meninggalkan solat termasuklah istiqomah Solat Jemaah Kem Smart Solat Dan Sahsiah, Apresiasi Kecemerlangan Solat dan lain-lain program lain yang diadakan untuk memastikan solat dan juga pelaksanaan solat ini dilakukan secara baik dan tersusun oleh rakyat di negeri Kelantan. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila Pengkalan Pasir.

YB TUAN MOHAMAD NASRIFF BIN DAUD @ DAUD YATIMEE :

Kalau semalam saya menyatakan bahawa salah satu golongan yang diberikan perlindungan yang golongan yang maknanya

شباب نشأ في عبادة الله

Makna pemuda-pemuda yang membesar dalam keadaan beribadat.

Begitu jugalah pentingnya salah satu golongan yang lain adalah

ورجل قلبه معلق بالمساجد

Makna pemuda-pemuda yang hatinya sentiasa terikat kepada masjid.

Persoalannya di sini adalah memang banyak usaha-usaha yang telah dijalankan oleh pihak kerajaan baik dari segi penerapan melakukan membina generasi solat, membina generasi Al-Quran dan sebagainya.

Persoalan saya di sini adalah bagaimana kita nak memastikan program-program ini berjalan dengan baik dan seterusnya sebagaimana yang disentuh oleh Yang Berhormat Exco tadi kajian sedang dijalankan. Saya rasa kalau dilihat kepada dari segi realitinya kebanyakan masjid-masjid kita kalau kita *round* tu paling maksimum pun dua saf sahaja. Kalau ramai-ramai pun tiga saf. Maknanya keberkesanan itu masih perlu dipertingkatkan. Dan kalau kita lihat dikalangan pejabat-pejabat kita pun ...

YB DATO' SPEAKER : [MENCELAH]

Soalan Yang Berhormat...

YB TUAN MOHAMAD NASRIFF BIN DAUD @ DAUD YATIMEE :

... solat jemaah itu masih belum, berjemaah itu masih belum pada tahap yang diperlukan. Persoalan saya apakah kerajaan bercadang untuk meningkatkan lagi modul membina generasi solat ini dijalankan secara sistematik melalui halaqa'-halaqa' yang mana mereka ini lebih turun kepada kampung-kampung dan juga surau-surau untuk membina generasi solat yang lebih berkesan.

YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD :

Terima kasih Pengkalan Pasir di atas soalan dan juga ada cadangan tadi. Ya untuk makluman bahagian dakwah halaqat diperingkat negeri sendiri telah pun melaksanakan program turun ke kawasan-kawasan di DUN sendiri untuk program-program membina generasi solat ini. Dan di samping program tersebut diadakan kelas-kelas yang lain selain daripada kelas berkaitan dengan fardu ain, kelas Al-Quran, Program Jelajah Dai' juga yang telah diadakan oleh Jabatan Agama ialah antaranya untuk memastikan bahawa antaranya remaja ini dapat mendekati masjid dan surau ketika mana berlakunya apa azan dan seumpama dengannya supaya anak-anak muda tidak sahaja terlibat dengan apa-apa masalah gejala sosial yang sebagaimana kita bincangkan pada hari semalam dan juga dengan kerjaya kesibukan kerjaya semata-mata.

Jadi penguatkuasaan terhadap apa yang ada dalam negeri kita, enakmen-enakmen yang dilakukan, seksyen-seksyen itu telah dilaksanakan secara baik. Ia sebenarnya dapat mengimbangi, diimbangi dengan perlaksanaan solat. Untuk makluman beberapa pemantauan telah dibuat terhadap statistik hasil daripada penguatkuasaan yang telah dilakukan oleh

penguatkuasa pada Jabatan Agama sendiri sejak dari tahun 2022, contohnya perkataan tidak sopan daripada tahun 2022 sehingga 2025 ini tidak ada sepenuhnya di dalam statistik, hilang sepenuhnya menunjukkan bahawa keberkesanan pemantauan awam dan penguatkuasaan awal yang telah dilakukan. Dan hasil pada program-program didikan yang telah dilakukan oleh semua pihak di dalam negeri.

Dan untuk berkaitan dengan solat ini In Shaa Allah selain daripada solat Jumaat makna solat lima waktu ini setelah daripada dapatan yang kita akan dapat pada 2026 selepas April nanti, kita yakin bahawa semua pihak termasuklah ketua-ketua pembangunan Islam diseluruh jajahan iaitu ketua-ketua jajahan sendiri dan pihaknya bersama dengan PAJ-PAJ dan lain-lain pihak bahagian Halaqat In Shaa Allah akan turun secara lebih sistematik dan bersasar apabila kita dapat data-data penjelasan tadi dan sampailah masanya bahawa solat lima waktu ini akan diperundangkan secara lebih sistematik dan lebih baik dalam enakmen yang kita ada In Shaa Allah ya.

Dan In Shaa Allah di surau-surau dan masjid sebagaimana saranan daripada Pengkalan Pasir tadi untuk anak-anak muda khususnya saya tengok memang peratusannya lebih daripada 60% telah dilakukan oleh imam-imam masjid jawatankuasa masjid termasuklah di surau-surau setelah daripada kita pergi meneliti pihak masjid-masjid dan surau memang program anak muda ini hari ini lebih mendapat sambutan. Lebih dari mendapat sambutan walaupun masih ada lagi di surau-surau yang terpencil, dan juga di masjid-masjid mungkin peringkat apa nama, masjid iktikaf yang masih belum lagi mengadakan program-program sebagaimana yang disarankan oleh peringkat kerajaan. Sekian.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Gual Periok.

YB TUAN KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, mohon jawapan saya soalan nombor 13.

Soalan 13 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, adakah kerajaan negeri merancang untuk memperkenalkan undang-undang atau peraturan baru yang lebih ketat terhadap pemilik lembu yang membiarkan haiwan mereka berkeliaran bebas, yang boleh membahayakan keselamatan orang ramai dan merosakkan harta benda?]

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Gual Periok atas soalan. Untuk makluman Gual Periok, pendaftaran dan penguatkuasaan semua haiwan ruminan termasuk lembu adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Veterinar sepertimana yang diperuntukkan oleh Enakmen Pendaftaran Ternakan Ruminan Negeri Kelantan 2024. Enakmen ini merupakan enakmen baru yang diwartakan dan dikuatkuasakan pada tahun 2024 bagi menggantikan Enakmen Lembu Kerbau 1968.

Enakmen baru ini telah dikemaskini mengikut perkembangan terkini dan mengambil kira kesemua tatacara secara menyeluruh. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan juga sentiasa dibantu oleh Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan dalam menjalankan operasi haiwan berkeliaran termasuk lembu ternakan di bawah Undang-Undang Kecil Haiwan Merayau.

Kompaun dan tindakan undang-undang sentiasa diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan terhadap pemilik haiwan yang membiarkan haiwannya berkeliaran bebas dan mengganggu keselamatan penduduk setempat dan merosakkan harta benda. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila Gual Periok.

YB TUAN KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD :

Terima kasih Dato' Speaker. Banyak komen-komen netizen dalam med sos berkenaan dengan kurangnya penguatkuasaan terhadap haiwan rayau seperti lembu, kerbau dan anjing. Dan PBT juga hanya dilihat mengadakan operasi bila ada kes-kes yang melibatkan kemalangan.

Selain daripada masalah haiwan rayau lembu, kerbau dan anjing ini, masalah kera liar juga menjadi satu ancaman yang sangat serius yang melibatkan juga kemalangan dan juga kerugian yang besar dari sudut pertanian.

Jadi soalan saya setakat mana operasi yang dijalankan oleh PBT bagi mengatasi masalah haiwan rayau ini terutama sekali dalam kes-kes sehingga mana yang melibatkan kehilangan nyawa dalam kejadian kemalangan, terima kasih.

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

Terima kasih Gual Periok atas soalan. Gual periok mesej sokmo ko ambo Whats' App macamana lembu, masalah anjing, kera, ada tanya secara rasmi. In Shaa Allah dijawab secara rasmi telah bersedialah tahu doh akan tanya soalan ini. Jadi ambo telah arahkan semua PBT membuat laporanlah. Bersama ambo ada laporan operasi kita masalah yang kita hadapi iaitu yang utama sekali *manpower*lah. Penguatkuasa yang tak ramai tapi kita tetapkan KPI setiap bulan mesti diadakan operasi selain daripada operasi lesen, operasi tutup aurat semua sekali ada juga operasi berkaitan dengan haiwan merayau yang pertama lembu, kerbau, kambing.

Dan yang kedua, operasi anjing liar sebab ada dua versi utama yang mana dibawah bidang kuasa PBTlah. Yang ketiga, masalah kera. Kera ni nok oyak payoh kera ni. Kera ni bawah PERHILITAN. PERHILITAN ni pun dia ada kekangan *manpower* dia satu daerah tu tok ramailah dan juga kekangan daripada segi bajetlah. Bajet kera ni di peringkat PBT kita dapat bajet daripada negeri dibawah EFT, kita membekalkan kandang, bukan kandang gapo ni orang panggil perangkap. Perangkap kera, dop. Satu perangkap itu nilai dalam RM15 ribu. Di setiap PBT ada dualah untuk kera. Dapat tangkap tanya PERHILITAN macam mana dia selesaikan masalah kera yang ditangkaplah.

Dan untuk operasi haiwan Ruminan tadi lembu, kambing dan juga operasi anjing. Panjang sikit jawapan kemungkinan ni. Dibawah PBT kita mengadakan operasilah. Dan bermula pada puasa baru ni kita di MMK memutuskan untuk memberikan sedikit bantuanlah, geran kepada PBT untuk mengadakan operasi bersepadu untuk membanteras haiwan merayau terutama sekali lembu kerana ada beberapa kemalangan yang berlaku semasa puasa, semasa perantau kita pulang hari raya pun ada

kemalangan yang menyebabkan kematian dan untuk makluman ambo akan menjawab beberapa, akan bentangkan beberapa laporanlah daripada PBT, ada banyak laporan ni tapi ambo ambik yang penting-penting. MPKB-BRI.

MPKB untuk operasi dia operasi ini ada PBT ni berbeza. Kalau MPKB lebih kepada anjing liarlah sebab takdok lembu dalam bandar ni. Kalau Kuala Krai-Gua Musang, Tanah Merah lebih pada lembulah. Untuk MPKB operasi anjing ada sepuluh operasi pada tahun 2024. Maknanya sebulan sekali. Jumlah anjing yang telah ditangkap untuk 2024 itu sebanyak 30 ekor jadi kemungkinan nitizen tak tahu. Tak masuk dalam Facebook. Anjing kalau kita tangkap dia akan ada bantahan daripada NGO pencinta haiwanlah terutama masalah kitalah.

Dan untuk operasi lembu, kambing pada tahun 2024 itu sebanyak tiga operasi, lima ekor ditangkaplah. Dan untuk 2024 untuk anjing, MPKB telah mengadakan enam operasi setakat Jun bulan lepas. Jun bulan lepas dua operasi kita buat. Dan sepanjang Jun sehingga Jun untuk anjing 23 ekor telah ditangkap oleh MPKB dan lembu kambing ada dua operasi sahaja dan tiga ekor ditangkap. Itu untuk MPKB kita ambil lebih kurang untuk operasi macam Gua Musang. Gua Musang operasi anjing 25 operasi, 36 ekor ditangkap 2024. Dan untuk lembu ada 7 operasi, 18 ekor lembu dan 4 ekor kambing. 2025 Gua Musang mengadakan 38 operasi sehingga bulan Jun 87 ekor ditangkap anjing. Dan untuk operasi lembu kambing sehingga Julai, enam operasi sebulan sekalilah. 12 ekor lembu dan 4 ekor kambing. Saya buat cabutan lebih kurang.

Dan contohnya di Pasir Mas sebagaimana dalam kawasan apa ni PBT Gual Periok. Pasir Mas tahun lepas lembu 10 operasi, tangkapan 9 ekor dan untuk tahun ini jumlah operasi tak dinyatakan tapi jumlah tangkapan 15 ekor, makna kita ada operasi berkala, ada tangkapan mugo ramai tak tahu sebab tidak dilaporkan. Laporan sekarang ini dia Facebook. Rakyat kata kalau tak lapor tok wak kijo. Jadi kalau kita kalau cuci gak sapu hari-hari keno wak. Hari ni tong ni, hari ni tong ni, jadi pandangan nitizen dia menilai kerja buat PBT ini melalui posting. Sebab itu ambo mitok pada PBT buatlah *posting* kita ceritakan kerja buat kita pada rakyat supaya rakyat napok kerja buat kita ni, kita berfungsi memberikan perkhidmatan terbaik pada PBT lah.

Dan kita sebagaimana jawapan mulut tadi ambo telah nyatakan bahawasanya kita akan menguatkuasakan elemen Pendaftaran Ternakan

Ruminan Kelantan telah kita bahaskan pada tahun lepas. Nok lulus ni pun empat orang *lawyer* bangun. Sebab tu tarik, bahas semula empat orang *lawyer* bangun. Makna kita nak laksanakan satu-satu enakmen ini akan dapat bantahan sedikitlah kerana melibatkan rakyat secara keseluruhannya. Tapi In Shaa Allah dengan kita laksanakan kuatkuasakan elemen ini In Shaa Allah kita akan dapat mengawal terutama sekali kita akan dapat mengurangkan masalah haiwan berkeliaran. Kalau kata ternakan tidak didaftarkan akan dikenakan denda sebanyak RM500 kalau gagal mendaftar. Gagal mendaftar RM2 ribu. Haiwan yang tidak didaftarkan merayau ditangkap dikenakan RM500. Kalau kita lewat mendaftarkan juga akan dikenakan RM500. Kalau kita gagal mendaftar akan dikenakan hukuman sebanyak RM2 ribu dan pendaftaran kita akan bagi sama ada *tagging* ataupun *barcode* lah.

Dengan cara itu kita dapat membuat kawalan ternakan, tahu berapa ekor lembu sebulan keluar daripada Kelantan ke Terengganu, ke Perak berapa ekor, dan haiwan yang masuk daripada Thailand masuk Kelantan berapa ribu ekor untuk kita buat data. Dan juga dengan kaedah ini kita dapat tingkatkan tanggungjawab pemilik-pemilik lembu supaya mereka dapat menjaga, mengawal ternakan masing-masing, elakkan daripada ternakan kita penyebab kepada kemalangan dan penyebab kepada kematian kemungkinan waris kita, jiran kita ataupun lembu kita dilanggar oleh anak kita sendiri. Wallahu'alam terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila Chempaka.

YB TUAN NIK BAHRUM BIN NIK ABDULLAH :

Dato' Speaker berkait dengan isu masalah haiwan rayau ini telah dapat melihat daripada rekod yang adanya memang banyak mendatangkan kerugian sama ada berlaku kemalangan dan sebagainya. Dan apabila ditangkap juga akan membawa masalah kepada penguatkuasa, nok pero, nok apa ni, nok buat kandang dan sebagainya. Cuma saya ingin tanya apa ni ada ko dop cadangan daripada kitanya adalah untuk melihat kepada satu konsep yang ada dalam syariah sendiri iaitu berkenaan dengan isu Luqatah.

Adakah kita cuba *explore* satu pandangan yang mengatakan bahawa haiwan-haiwan yang berkeliaran yang merayau gapo semua ini walaupun ada tuan, tapi tak ngaku dah apabila berlaku kemalangan ini adakah kita

boleh masukkan dalam konsep Luqatah tersebut supaya boleh dijadikan hasil pada kerajaan dengan cara lebih mudah. Sekian, terima kasih.

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

Luqatah di ... soalan tambahan daripada Chempaka. Luqatah ni harta-harta terjatuh. Luqatah ni terjatuh tak dituntut telah diisytiharkan oleh imam tok tahu berapa kali isytihar Jumaat, ambo raso 40 hari lah mugo empat kali isytihar tak ada yang menuntut boleh dijadikan sebagai harta awamlah.

Kita boleh buat kajianlah mengenai adakah ternakan bergerak, harta bergerak boleh masuk dalam Luqatah. Luqatah ni dia jupo tok gi lain duk situ takdok orang ambik jadi bawak kepada imam, imam pun buat pengisytiharan di masjid takdok orang ambik jadi harta awamlah. In Shaa Allah kita boleh *explore* dan boleh minta pandangan daripada ulama-ulama' kita adakah kita boleh wartakan ataupun isytiharkan lembu-lembu yang tiada pemilik sebagai Luqatah. Kita cuba kaji In Shaa Allah.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Galas.

YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Yang Berhormat Dato' Speaker, mohon jawapan pada soalan nombor 14.

Soalan 14 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah usaha Kerajaan Negeri dalam membangunkan eko-pelancongan di kawasan seperti Gunung Stong, Gua Ikan dan Taman Negara Kelantan Selatan.]

YB DATUK KAMARUDDIN BIN MD NOR :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih pada Yang Berhormat Galas yang mengemukakan soalan yang ingin tahu tentang usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi membangunkan eko-pelancongan di kawasan Gunung Stong, Gua Ikan dan juga Taman Negara belah Kelantan Selatan.

Kerajaan Negeri melalui Majlis Daerah Dabong telah mengambil beberapa langkah bagi membangunkan destinasi eko-pelancongan dalam kawasan pentadbirannya yang merangkumi tempoh antara 2020-2025.

Bagi tahun 2020, Majlis Daerah Dabong telah menjalankan kerja-kerja untuk menaikkan taraf bagi kemudahan para pelancong dan juga orang awam terutamanya kemudahan mendirikan tandas selain di Gua Ikan, termasuk juga di Gunung Stong dan juga di Stesen Keretapi Tanah Melayu. Selain daripada itu, Majlis Daerah Dabong juga telah menjalankan kerja-kerja menaiktaraf laluan masuk ke Gua Keris, Dabong.

Bagi tahun 2021, kerja-kerja menaiktaraf tapak View Point Gunung Stong, Dabong dan juga kemudahan parkir kenderaan di tempat yang sama. Menaiktaraf tapak view point di, maaf menaiktaraf jalan masuk di jalan masuk ke Kompleks Gua Ikan, Dabong. Dan juga Majlis Daerah telah membangunkan aplikasi “DEGHAK DABONG” sebagai aplikasi digital yang membekalkan maklumat pelancongan dan sebagai rujukan kepada para pelancong dan juga kepada penggiat industri pelancongan di kawasan Dabong.

Pada Tahun 2022 Penubuhan Jawatankuasa Tindakan Pelancongan Dabong telah ditubuhkan bagi menyelaraskan kerja-kerja perkhidmatan pelancongan di daerah Dabong. Kerja-kerja menaiktaraf Landskap Taman Awam Di Kompleks Gua Ikan Dabong juga dilaksanakan termasuklah juga menaiktaraf kemudahan awam Di Kawasan Peranginan Lata Kertas, Dabong. Kemudian satu laluan baru masuk ke kawasan Peranginan Lata Kertas juga telah dibinakan. Dan satu mercu tanda 0 km telah dibangunkan di Pekan, Dabong. Dan selain daripada itu, bangunan dan pengindahan di laluan utama Pekan Dabong juga dilaksanakan.

Pada tahun 2023 pencahayaan dalam Gua Ikan, Dabong telah dilaksanakan. Membina lagi tandas awam di kawasan perkelahan Sungai Kenerong, di Dabong juga. Menaiktaraf kemudahan awam di hadapan Gua Keris di Dabong. Menaiktaraf laluan masuk ke Gua Ikan, yang ni semua Dabong la ni ya. Membekal Dan Memasang Lampu Jalan dengan menggunakan sumber Solar LED di Lata Kertas. Membekal dan memasang lampu jalan (Solar LED) di Jalan View Point ke Dabong. Membekal dan memasang lampu jalan (Solar LED) Di Kg. Kenerong, Dabong. Kemudian, pencahayaan di Kompleks Gua Ikan, Dabong.

Menaiktaraf kemudahan awam di kawasan peranginan Lata Kertas, Dabong. Program Dabong *Community Based Tourism (Local Community Host)* dimulakan.

Projek Pembangunan Baseline Data untuk peningkatan kualiti air di kawasan strategik Dabong juga dilaksanakan. Projek Pembangunan Inventori Warisan Ekologi dan Geologi Kompleks Gua Ikan dilaksanakan. Projek Konservasi Spesies Flora dan Fauna Endemik yang terancam di Dalam Taman Negeri Gunung Stong dijalankan. Membina Bangunan Pusat Informasi *Stong Geopark* Di Pekan Dabong diadakan. Menaiktaraf Jambatan Gantung Pejalan Kaki di Taman Negeri Gunung Stong, juga dibuat. Penyelenggaraan jalan Air Terjun 1, Jelawang, Dabong juga dilaksanakan.

Pada Tahun 2024 menaiktaraf jambatan gantung dan penanaman pokok di Lata Kertas, dan penyelenggaraan Jalan Air Terjun 2, Jelawang, Dabong.

Tahun 2025 projek menaiktaraf kemudahan pelancongan di Kompleks Gua Ikan, *work in progress* ini. Pemeliharaan Ekologi Taman Rimba Gua Keris, Dabong. Membina Galeri Pameran Arkeologi Dan Biodiversiti serta kerja-kerja berkaitan di Kompleks Gua Ikan. Menaiktaraf tapak View Point Gunung Stong, Dabong. Itu Dabong.

Kemudian di Taman Negara. Taman Negara yang berkaitan dengan kita ialah Kuala Goh. Taman Negara untuk makluman kita semua dia ada empat pintu masuk dan tiga negeri terlibat. Pertamanya pintu masuk melalui Kuala Tahan jalan melalui Jerantut ataupun Temerloh.

Yang keduanya, Sungai Relau melalui Merapuh Kuala Lipis. Yang ketiga Tanjung Mentong melalui Kenyir, Kuala Berang. Dan yang keempat Kuala Koh melalui Paloh, Gua Musang.

Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi Persekutuan dalam usaha membangun destinasi eko-pelancongan di Taman Negara Kelantan.

Bagi tahun 2025 eko-pelancongan di kawasan ini turut terus diberi perhatian apabila Jabatan Perhilitan telah menerima peruntukan sebanyak RM250 ribu dari Kementerian Pelancongan Seni Dan Budaya iaitu MOTAC bagi tujuan menaiktaraf kemudahan infrastruktur. Peruntukan ini digunakan untuk kerja-kerja menaiktaraf dewan

serbaguna dan surau di Taman Negara Kelantan, Kuala Koh Gua Musang yakni dalam proses peralihan. Proses perolehan.

Sektor eko-pelancongan di kawasan ini telah menerima peruntukan sebanyak RM165 ribu bagi tujuan pembaikan dan penyelenggaraan kemudahan pelancongan di Taman Negara. Peruntukan ini meliputi kerja-kerja penyelenggaraan fizikal tebing kaki tiang jambatan gantung serta penyelenggaraan pintu pagar dan papan tanda utama.

Manakala pada tahun 2021, eko-pelancongan di kawasan ini turut menerima peruntukan sebanyak RM46 ribu daripada Kementerian Pelancongan MOTAC dan juga daripada PERHILITAN. Peruntukan tersebut diguna bagi kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan kemudahan pelancongan di Taman Negara yang merangkumi penyelenggaraan tapak khemah kemudian tandas dan bilik mandi di kawasan terlibat yakni 16 unit tandas dan 16 unit bilik mandi serta kerja-kerja pembersihan pokok-pokok yang berisiko di kawasan berkenaan. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila Galas.

YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Yang Berhormat Dato' Speaker terima kasih, terima kasih pada Yang Berhormat Exco di atas jawapan yang diberikan sebentar tadi dan saya kira eko-pelancongan ini juga adalah merupakan pintu masuk membawa pelancong-pelancong ke negeri Kelantan kita ini.

Semalam Yang Berhormat Exco ada sebut 10.514 data pelancong yang masuk ke negeri Kelantan. Saya tengok data DOSM Yang Berhormat Dato' Speaker, yang dimaksudkan dengan 10.514 ialah pelawat domestik. Cuma saya nak mintak apa ni penerangan lanjutlah daripada Yang Berhormat Exco, adakah pelancong yang kita takrifkan ini juga terkategori mereka anak-anak Kelantan yang berada di luar balik ke kampung masing-masing ataupun pasangan yang PJJ balik jupo dengan pasangan di hujung minggu. Begitu juga dengan mahasiswa yang cuti semester balik ke negeri Kelantan juga terkategori sebagai pelancong.

Dan yang kedua, ialah berkaitan dengan plan promosi digital kepada kawasan eko-pelancongan sebagaimana yang disebutkan oleh Yang

Berhormat Exco sebentar tadi Gua Ikan, Gunong Stong, Taman Negara kita ada dok promosi digital sebagaimana yang dibuat oleh negeri jiran kita Royal Belum di negeri Perak.

Dan yang terakhir Yang Berhormat Exco, kesaksamaan penerima peruntukan untuk infrastruktur pelancongan di luar bandar tadi ada sebut berkenaan dengan peruntukan-peruntukan yang diterima. Saya mohon untuk tahun ini ataupun tahun depan kalau boleh ada kesaksamaanlah. Kalau tengok tahun lepas Gua Musang hanya terima RM600 ribu, Jeli terima RM3.7 juta dan juga Dabong terima RM4.1 juta. Terima kasih.

YB DATUK KAMARUDDIN BIN MD NOR :

Terima kasih YB Dabong. *Sorry, sorry* terima kasih YB Galas ya. Pasal cerita pasal Dabong tadi jadi duk ingat ko Dabong. Pertama berkenaan dengan kategori pelancongan. Yang ini kena tanya DOSM lah sebab dia yang buat ini semua. Saya, kita tak campur. Apa yang dia, dia apa ni guna pakai formulanya itulah yang kita pakai. Jadi apa perlu disebut banyak tu banyak tulah, ya.

Dan keduanya, betul itu yang angka 10.514 juta itu ialah domestik pasal kita apa namanya pasal ada yang luar negaranya saya pun sebut juga semalam hanya daripada pintu masuk, ketiga pintu masuk di sempadan yakni Kuala Kubor, apa itu Rantau Panjang dengan Bukit Bunga. Jumlahnya ialah RM565 ribu. Pengunjung luar yang masuk ketiga-tiga pintu itu. Keduanya melalui publisiti *work in progress* sedang berjalan. Dia kalau kita nak banding Belum, memang Belum dia dah mula lebih lama. Kemudian dia ada kaitan dengan istana. Jadi ertinya sebab itu sebab dia sebut Royal Belum. Manakala kita di Taman Negara ni sebenarnya kita kongsi, bukan kita punya. Royal Belum itu Perak punya. Dia takdok kongsi dengan sapo-sapo. Macamana keadaan ni kita kongsi dengan tadilah Pahang, Terengganu dan Kelantan.

Dan lebih awal lagi publisiti tentang Taman Negara ialah Pahang. Jadi orang pergi ke Taman Negara Jerantut ataupun Temerloh ke Kuala Tahan. So kita Kuala Koh ni kita dah mula nak popular ni supaya orang datang ke Kota Bharu tidak pergi ke Pulau Perhentian sahaja dia pergi juga ke Taman Negara melalui Kuala Koh.

Cumanya masih dalam usaha untuk kita persiapkan kemudahan-kemudahan asas bagi para pengunjung. Mengenai peruntukan In Shaa Allah lah kita apa namanya kita umur pun usaha untuk dapat pembahagian yang dikira sama tapi kita tak sama mengikut apa yang, yang, yang hendak kita apa namanya angkat sebagai *priority*.

Setakat ini Dabong mendapat *priority*lah ya, dan juga apa namanya Jeli ni sebahagian daripada kawasan *gio-park*. So In Shaa Allah Gua Musang kita masuklah In Shaa Allah. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Mengkebang.

YB TUAN ZUBIR BIN ABU BAKAR :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan untuk soalan saya nombor 15. Terima kasih.

Soalan 15 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah tindakan mitigasi jangka pendek dan jangka panjang oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah banjir di sepanjang Sungai Nal dan kawasan yang kerap dilanda banjir seperti Chenulang, Kg Sepuluh dan Kg Bukit Sireh?]

YB DATO' DR HAJI IZANI BIN HUSIN :

Yang Berhormat Dato' Speaker, yang Berhormat Mengkebang Kerajaan Negeri melalui JPS sentiasa berusaha dalam melaksanakan langkah penyelesaian yang lebih holistic di kawasan tersebut dengan melaksanakan kajian Pelan Induk Saliran Dan Mesra Alam Papisma, Kuala Krai dan Machang dengan peruntukan sebanyak RM1.3 juta.

Kajian ini sangat perlu dilaksanakan terlebih dahulu untuk mengenalpasti punca-punca kejadian banjir kilat yang berlaku dan sebagai rujukan dalam merancang infrastruktur saliran serta

mengenalpasti langkah-langkah penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang secara komprehensif bagi menangani kejadian banjir kilat di kawasan tersebut.

Dalam rolling plan 1 RMK-13, JPS Kelantan telah mengangkat dua projek iaitu projek pemuliharaan sungai Nal Kuala Krai Kelantan yang berjumlah RM69.9 juta. Di mana Bukit Sireh dan Kampung Bedal merupakan dan saliran dua deh, satu di Sungai Nal dan satu lagi sistem saliran di Kampung Bedal Kuala Krai yang berjumlah RM34 juta. Di mana Bukit Sireh dan Kampung Bedal merupakan anak sungai yang sama iaitu anak sungai Nal dan telah termasuk dalam skop pemuliharaan tersebut.

Untuk jangka pendek setakat ini JPS telah melaksanakan kerja-kerja sebut harga yang bernilai RM100 ribu pada tahun 2024 bagi projek pemuliharaan tersebut.

YB DATO' SPEAKER :

Sila Mengkebang.

YB TUAN ZUBIR BIN ABU BAKAR :

Terima kasih YB Dato' Exco atas jawapan yang diberi. Memandangkan jawapan yang diberikan oleh YB Exco tadi mantap, hebat lagi dahsyat maka tiada soalan tambahan daripada saya. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila Gual Ipoh.

YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR :

Terima kasih kepada YB Dato' Sri Amar D'Raja Speaker, soalan tambahan kedua saya adalah bagaimana dengan sistem tambatan banjir jangka panjang yang boleh disepadukan dengan konsep *living river* ataupun sungai yang hidup ataupun sungai lestari, Cintailah Sungai Kita? Sebab saya perhatikan juga kepada pelombong-pelombong bukan saja lombong emas ataupun bijih termasuk pelombongan pasir dimana tebing sungai juga ambil pasir juga, bukan kata ambil pasir untuk dalamkan sungai di dalam tengah sungai tetapi tebing-tebing pasir tu dia diceroboh jgk.

Jadi kalau boleh supaya soalnya sebagaimana kata tadilah sungai itu jadi *living river* atau sungai lestari. Terima kasih.

YB DATO' DR HAJI IZANI BIN HUSIN :

Terima kasih Gual Periok. Dia tok minta notis ... eh Gual Ipoh, *sorry*. Tukar, Gual sama Gual ni ... oklah kita notis dan kita jawab bertulis deh.

YB DATO' SPEAKER :

Ahli-Ahli Yang Berhormat saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang telah memberikan kerjasama kepada saya dan juga Timbalan Speaker sepanjang tempoh persidangan pada kali ini. Saya berhasrat untuk menangguhkan persidangan, Dewan akan bersidang semula pada suatu tarikh dan masa yang akan diberitahu kelak. Marilah kita tangguhkan persidangan dengan membaca tasbih kafarah dan surah wal-Asr. Sekian.

**PERSIDANGAN DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 11.50 PAGI DAN
AKAN BERSIDANG SEMULA PADA TARIKH DAN MASA YANG AKAN
DIBERITAHU KELAK.**
